

**IMEJ WANITA DALAM NOVEL “ASAM PEDAS UNTUK DIA”
DAN “OMBAK RINDU”: KAJIAN KRITIK FEMINIS**

SAROJINI A/P KARUPPIAH

**AKADEMI PENGAJIAN MELAYU
UNIVERSITI MALAYA
KUALA LUMPUR**

2018

**IMEJ WANITA DALAM NOVEL “ASAM PEDAS UNTUK
DIA” DAN “OMBAK RINDU”: KAJIAN KRITIK FEMINIS**

SAROJINI A/P KARUPPIAH

**DISERTASI DISERAHKAN SEBAGAI MEMENUHI
SEBAHAGIAN KEPERLUAN BAGI IJAZAH
SARJANA PENGAJIAN MELAYU**

**AKADEMI PENGAJIAN MELAYU
UNIVERSITI MALAYA
KUALA LUMPUR**

2018

UNIVERSITI MALAYA
PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN

Nama: Sarojini A/P Karuppiah

No. Matrik: JGA 130012

Nama Ijazah: Ijazah Sarjana Pengajian Melayu

Tajuk Kertas Projek/Laporan Penyelidikan/Disertasi/Tesis (“Hasil Kerja ini”): Tesis

Bidang Penyelidikan: Sastera

Saya dengan sesungguhnya dan sebenarnya mengaku bahawa:

1. Saya adalah satu-satunya pengarang/penulis Hasil Kerja ini;
2. Hasil Kerja ini adalah asli;
3. Apa-apa penggunaan mana-mana hasil kerja yang mengandungi hakcipta telah dilakukan secara urusan yang wajar dan bagi maksud yang dibenarkan dan apa-apa petikan, ekstrak, rujukan atau pengeluaran semula daripada atau kepada mana-mana hasil kerja yang mengandungi hakcipta telah dinyatakan dengan sejasanya dan secukupnya dan satu pengiktirafan tajuk hasil kerja tersebut dan pengarang/penulisnya telah dilakukan di dalam Hasil Kerja ini;
4. Saya tidak mempunyai apa-apa pengetahuan sebenar atau patut semunasabahnya tahu bahawa penghasilan Hasil Kerja ini melanggar suatu hakcipta hasil kerja yang lain;
5. Saya dengan ini menyerahkan kesemua dan tiap-tiap hak yang terkandung di dalam hakcipta Hasil Kerja ini kepada Universiti Malaya (“UM”) yang seterusnya mula dari sekarang adalah tuan punya kepada hakcipta di dalam Hasil Kerja ini dan apa-apa pengeluaran semula atau penggunaan dalam apa jua bentuk atau dengan apa juga cara sekalipun adalah dilarang tanpa terlebih dahulu mendapat kebenaran bertulis dari UM;
6. Saya sedar sepenuhnya sekiranya dalam masa penghasilan Hasil Kerja ini saya telah melanggar suatu hakcipta hasil kerja yang lain sama ada dengan niat atau sebaliknya, saya boleh dikenakan tindakan undang-undang atau apa-apa tindakan lain sebagaimana yang diputuskan oleh UM.

Tandatangan Calon:

Tarikh:

Diperbuat dan sesungguhnya diakui di hadapan,

Tandatangan Saksi:

Tarikh:

Nama:

Jawatan:

ABSTRAK

Kajian ini menggunakan genre novel sebagai bahan kajian untuk mengkaji kedudukan atau darjat wanita dalam kesusasteraan yang ditulis oleh penulis lelaki ataupun wanita yang menulis dalam sistem penandaan lelaki. Penulis wanita lazimnya akan meninggikan darjat watak wanita dan juga akan menyelami perasaan wanita dalam usaha menghasilkan sesebuah karya mereka. Tetapi penulis lelaki ataupun wanita yang memandang kaum Hawa dengan pandangan lelaki akan meruntuhkan imej dan emosi kaum Hawa dalam karya mereka. Kajian ini dilakukan untuk mengenal pasti ciri-ciri imej stereotaip wanita yang terdapat dalam novel "*Asam Pedas untuk Dia*" oleh Nureen Mirza dan "*Ombak Rindu*" oleh Fauziah Ashari. Dua penulis wanita telah menghasilkan novel ini tetapi dalam sistem penandaan sebagai lelaki. Novel-novel ini telah dipilih sebagai bahan kajian kerana kedua-dua novel ini telah mendapat sambutan yang hangat dalam kalangan pembaca. Hal ini terbukti dengan keluaran drama dan juga filem dengan mengadaptasikan novel ini untuk tatapan khalayak. Bahan kajian ini digunakan untuk menggerakkan kajian berdasarkan Teori Feminisme yang menggunakan pendekatan Kritik Feminis oleh Elaine Showalter. Elaine Showalter telah memperkenalkan satu lagi pendekatan yang mengkaji karya tentang wanita oleh pengarang wanita, tetapi pengkaji menggunakan Kritik Feminis bagi mengkaji kedua-dua novel sebagai medium mengukur kejituan objektif kajian. Hal ini demikian kerana, penulis memandang wanita dari sudut pandangan lelaki. Fakta ini terbukti melalui ciri-ciri stereotaip yang terkandung dalam novel "*Asam Pedas untuk Dia*" dan "*Ombak Rindu*".

WOMEN'S STEREOTYPES THAT EXIST IN THE 'ASAM PEDAS UNTUK DIA' NOVEL BY NUREEN MIRZA AND 'OMBAK RINDU': FEMINIST CRITICS

ABSTRACT

This study uses a novel genre as resources of the study to study the position or ranks of women in literature of men author or women author who writes in the men marking system. Women author normally will higher the rank of women and will also dive in the women's feeling in an effort of producing their masterpiece. But an author regardless woman or man that sees a woman with a man's view will put the image and emotions of women into collision in their masterpiece. This study is done to recognize the details of women's stereotypes that exist in the '*Asam Pedas untuk Dia*' novel by Nureen Mirza and '*Ombak Rindu*' by Fauziah Ashari. Two women author has produced this novel, but in a marking system as a man. These two novels have been chosen as a study material because these two novels has gotten a great response among readers. This is proven by the production of drama and film as an adaptation from the novel for public viewing. This material of study has been used to trigger studies based on feminism theory that uses the approach of Feminist Critics by Elaine Showalter. Elaine Showalter has introduced another approach that studies the work of women about women, but the researcher has used Feminist Critics to study both novels as a medium to measure the accuracy of the objective of the study. This is because, the author has seen women from the men's perspective. This fact is proven from the stereotype details contained in the '*Asam Pedas untuk Dia*' and '*Ombak Rindu*' novels.

PENGHARGAAN

Di atas limpahan kurnian tuhan, saya berjaya menyiapkan kajian saya dengan penuh cabaran. Saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada penyelia kajian saya iaitu Prof. Madya Dr. Hashim Ismail di atas segala bimbingan, tunjuk ajar, saranan yang bernas serta kesediaan beliau meluangkan masa di sepanjang tempoh kajian saya.

Penghargaan dan jutaan terima kasih tidak terhingga ditujukan kepada pihak Akedemi Pengajian Melayu (APM) Universiti Malaya kerana memberi ruangdankeempatan kepada saya untuk menimba ilmu serta staf APM yang sedia membantu saya sewaktu berusaha menyiapkan tugas.

Penghargaan dan terima kasih juga kepada keluarga tersayang, iaitu ibu bapa saya yang bernama Encik.Karuppiah dan Puan.Kamalavaene serta adik-beradik saya iaitu Cik.Thanalatchumy dan Cik.Sivanaswari, telah memberi semangat dan dorongan untuk menyiapkan kajian ini.

Buat suami yang dikasihi, Encik.Ravin kumar di atas sokongan, doa dan kasih sayang beliau menjadi inspirasi saya untuk menyiapkan kajian ini dengan berjaya. Di samping itu, rakan baik saya iaitu Cik.Neeshanti,di mana tempat saya mengadu dan juga pendengar setia bagi segala kesulitan yang saya hadapi semasa menyiapkan kajian saya. Tidak lupa juga rakan-rakan tempat kerja saya yang selalu menjadi pakar motivasi semasa saya lemah semangat untuk menyiapkan kajian ini. Sekian.

SENARAI KANDUNGAN

Perakuan Keaslian Penulisan.....	ii
Abstrak	iii
Abstract	iv
Penghargaan	v
Senarai Kandungan	vi
Senarai Rajah.....	viii
BAB 1 : PENDAHULUAN	1
1.1. Pengenalan	1
1.2. Latar Belakang Kajian	1
1.3. Permasalahan Kajian.....	4
1.4. Teori.....	8
1.5. Objektif kajian	11
1.6. Kepentingan Kajian	11
1.7. Batasan Kajian.....	12
1.8. Metodologi Kajian	13
1.9. Kajian lalu	14
1.10. Persembahan Bab.....	18
BAB 2 : TEORI FEMINISME.....	20
2.1 Pengenalan	20
2.2 Konsep Feminisme	20
2.3 Pengenalan Ginokritik dan Kritik Feminis (Feminist Criticque)	30
2.4 Pendekatan Ginokritik	30
2.5 Pendekatan Kritik Feminis (Feminist Criticque).....	31
2.6 Penjelasan bagi ciri-ciri Stereotaip	33
BAB 3 : CIRI-CIRI STEREOTAIP WANITA	36
3.1 Pengenalan	36
3.2 Sinopsis Novel “Asam Pedas untuk Dia”	36
3.3 Sinopsis Novel “Ombak Rindu”.....	37
3.4 Ciri-ciri Stereotaip Wanita	39
3.4.1 Patuh dan akur (<i>Compliant</i>)	40
3.4.2 Tidak berbentuk akhlak (Formless).....	49
3.4.3 Materialistik (Materialistic)	54
3.4.4 Pasif (Pasive).....	55

3.4.5	Soleh (Pious)	56
3.4.6	Tidak rasional (<i>Irrational</i>)	59
3.4.7	Tidak stabil (<i>Unstable</i>)	60
BAB 4 : CABARAN DAN PERANAN WANITA.....		64
4.1.	Pengenalan	64
4.2.	Peranan dan cabaran wanita dalam keluarga.....	64
4.2.1.	Peranan dan cabaran wanita sebagai anak	65
4.2.2.	Peranan dan cabaran wanita sebagai isteri.....	67
4.2.3.	Peranan dan cabaran sebagai wanita berkerjaya	72
4.2.4.	Peranan dan cabaran wanita sebagai ibu.....	75
BAB 5 : PENUTUP		81
Rujukan		86

University of Malaya

SENARAI RAJAH

Rajah 1.1 Tradisi bakar diri iaitu “Sati”	2
Rajah 1.2 Registrar General of India (2001)	5
Rajah 1.3 Susu tumbuhan beracun iaitu “ <i>Kalli chedi</i> ”	6

University of Malaya

BAB 1 : PENDAHULUAN

1.1. Pengenalan

Bab ini akan menjelaskan latar belakang kajian, permasalahan kajian, objektif kajian, kajian lalu, pendekatan kajian, batasan kajian, metodologi kajian, kepentingan kajian dan persembahan bab. Kesemua ini merupakan aspek penting yang memberi garis panduan kepada pengkaji melakukan gerak kerja penyelidikan dan memberi gambaran awal tentang kajian yang dilakukan.

1.2. Latar Belakang Kajian

Kajian ini memberi fokus terhadap novel-novel hiburan yang bertajuk "*Asam Pedas untuk Dia*" oleh Nureen Mirza dan "*Ombak Rindu*" oleh Fauziah Ashari. Kajian ini bertitik tolak daripada karya-karya sastera yang dikarang oleh pengarang lelaki, iaitu sering menggambarkan kaum wanita dengan imej yang stereotaip, watak wanita dibisukan, pengalaman wanita dipinggirkan serta menonjolkan watak lelaki sebagai watak dominan karya. Oleh itu, penelitian melihat bagaimana pengarang wanita mengarang novel dengan sistem penandaan lelaki ataupun gaya penulisan pengarang lelaki.

Novel "*Asam Pedas untuk Dia*" dan "*Ombak Rindu*" merupakan karya yang dikarang oleh pengarang wanita tetapi dalam gaya penulisan lelaki. Kedua-dua novel ini lebih menimbulkan imej wanita yang terdapat dalam masyarakat dan kedudukan mereka serta ciri-ciri stereotaipnya. Novel-novel ini memperlihatkan penindasan-penindasan yang berlaku ke atas watak wanita dan bagaimana watak-watak tersebut menjalani kehidupan dengan bertolak-ansur.

Penerimaan ataupun pengasingan terhadap wanita terlihat dalam kehidupan sosial masyarakat wanita yang sering menjadi mangsa diskriminasi dan juga penghinaan. Senario yang menggambarkan kesulitan yang dihadapi oleh wanita dapat dilihat dalam perkahwinan kanak-kanak perempuan, pemberian dowri dan larangan terhadap perkahwinan semula balu menyebabkan kemunculan balu- balu muda. Prasangka dan diskriminasi terhadap balu begitu negatif sehingga mereka dipaksa untuk melakukan sati (membakar diri) bersama mayat suami mereka daripada hidup sebagai seorang balu (Bang Seru,2012,p.2).



Rajah 1.1 Tradisi bakar diri iaitu “Sati”

Sepanjang sejarah peradaban manusia, kekejaman terhadap kaum wanita tidak berkurangan, malah posisi wanita sebagai domestik dan reproduksi tidak berubah dan juga ia menghambat kemajuan mereka. Hal ini dapat menyimpulkan bahawa budaya dan tradisi sangat berperanan dalam membentuk stereotaip, yang wanita sangat bergantung kepada kaum lelaki.

Jadi, bagi menyerlahkan penindasan terhadap kaum wanita, pengkaji memilih genre novel sebagai bahan kajian bagi mengukuhkan faktanya. Hal ini kerana novel merupakan sebuah cerita prosa fiksi karya pengarang yang tercipta berdasarkan pandangan, tafsiran, dan penilaian tentang peristiwa-peristiwa yang terjadi dalam

imajinasinya yang dikarang dalam bentuk sebuah cerita panjang mengenai kehidupan manusia(Siti HajariahAbd Razak,2012,p.1).

Daya sensitiviti yang kuat terhadap sesuatu peristiwa yang berlaku dalam masyarakat disampaikan melalui medium kesusasteraan. Kejadian yang berlaku di persekitaran mereka khususnya terhadap kejadian yang kurang menyenangkan mereka disalurkan melalui kesusasteraan sebagai wadah untuk memberi pengajaran dan pendedahan kepada masyarakat.

Menurut S.Othman Kelantan dan Abdullah Tahir(2003,p.63) dalam Sejarah Kesusasteraan Melayu Moden, Kesusasteraan Melayu Moden mengelaskan novel, puisi, cerpen, drama dan esei kritikan sebagai genre utama. Genre-genre ini tercipta daripada hasil tanggapan penulis yang menghayati permasalahan diri dengan duniawi secara imaginatif dan kreatif. Novel merupakan salah satu genre yang memperlihatkan realiti hidup manusia menerusi pemilihan watak, tema, latar, dan corak pemikiran yang jelas dan rasional. Genre novel terdiri daripada novel jenis hiburan, misteri, fiksi, historis, dan seumpamanya.

Novel ialah sebuah karya sastera yang mempunyai unsur intrinsik mahupun unsur ekstrinsik. Unsur Intrinsik merupakan unsur yang membangunkan sebuah karya novel dari dalam yang akan mewujudkan struktur karya sastera, seperti tema, tokoh atau penokohan, alur cerita, latar, sudut pandang, gaya bahasa yang digunakan dan amanat. Manakala, unsur Ekstrinsik pula ialah unsur yang membangunkan luaran sebuah karya sastera (novel), seperti aspek ekonomi penulis, budayanya, agama, latar belakang penulis, dan pendidikan penulis (Nurgiyanto,1995,p.23).

Kelahiran novel-novel Melayu semakin menyerlah selepas zaman kemerdekaan telah membawa perkembangan positif dalam dunia kesusasteraan Melayu. Perkembangan dan keunggulan bukan sahaja terlihat dalam pertambahan bilangan ciptaan, tetapi juga dari segi pencapaian kualiti ciptaan (Hashim Awang,1985, p.125).

Genre novel ialah sebuah karya naratif yang menceritakan tentang permasalahan-permasalahan yang wujud dalam kehidupan manusia dan ianya akan digambarkan melalui watak-watak yang terdapat dalam novel oleh pengarang.

Seiring dengan perkembangan sastera moden, banyak sasterawan khususnya para penulis novel menjadikan watak wanita sebagai objek pengarangan mereka. Namun watak wanita dilihat oleh pengarang dalam pelbagai perspektif dan hal ini secara langsung akan mempengaruhi penulisan karya. Gaya penulisan pengarang lelaki atau pengarang wanita (gaya penulisan lelaki) dalam usaha memperihalkan imej kaum wanita amat berbeza, jika dibandingkan dengan gaya penulisan pengarang wanita tentang wanita.

Oleh hal yang demikian, pengkaji telah memilih novel "*Asam Pedas untuk Dia*" oleh Nureen Mirza dan "*Ombak Rindu*" oleh Fauziah Ashari, iaitu sebuah novel yang dikarang oleh pengarang wanita tetapi dalam pandangan lelaki tentang wanita melalui pendekatan Kritik Feminis oleh Elaine Showalter. Genre novel pula menjadi pilihan pengkaji, hal ini kerana novel merupakan platform yang boleh mencurahkan pandangan ataupun perspektif tentang duniawi.


1.3. Permasalahan Kajian

Dalam *Utusan* dalam segmen *Psikologi Sosial* (2001) oleh Mohd Makzan, beliau menerbitkan artikel mengenai aspek diskriminasi. Beliau mengulas bahawa diskriminasi merupakan isu yang jarang sekali diperdebatkan oleh semua lapisan masyarakat sama ada institusi, organisasi, mahupun individu. Isu diskriminasi ini seringkali dianggap sebagai isu yang tidak memberi faedah tetapi apabila berlaku diskriminasi dalam kehidupan, masyarakat mulalah beraksi untuk saling menyalahkan satu sama lain.

Diskriminasi wujud dalam pelbagai bentuk antara diskriminasi pada tahap sederhana ialah penghindaran. Manakala pada tahap yang melampau, ia boleh mengakibatkan ketiadaan pekerjaan, peluang pendidikan atau pengasingan kawasan tempat tinggal. Contoh yang paling popular dan dikenali oleh semua lapisan masyarakat ialah Dasar Apartheid yang pernah diamalkan di Afrika Selatan. Dalam keadaan yang lebih melampau pula, diskriminasi boleh membawa kepada tindakan langsung dan keganasan terhadap kumpulan sasaran (Mohd Makzan, 2001).

Bukan sahaja dalam kehidupan harian berlaku diskriminasi, malah dalam karya juga terdapat watak-watak yang akan didiskriminasikan oleh pengarang. Watak yang menjadi fokus bagi para pengarang ialah watak wanita. Lazimnya, diskriminasi terhadap watak wanita dilakukan oleh pengarang lelaki dan juga pengarang wanita tetapi yang menulis dalam gaya penulisan lelaki.


Menurut data dari 1.2 *Registrar General of India (2001)* dibawah, satu kajian dilakukan mengenai perkahwinan kanak-kanak muda diantara lingkungan umur 15 hingga 19 tahun di India.



Rajah 1.2 Registrar General of India (2001)

Diskriminasi terhadap wanita bukan sahaja berlaku di India sahaja, malah keadaan ini berlaku di seluruh dunia. Pada dekad 1940-an dan 1950-an gadis Melayu tidak ada kebebasan untuk bersuara dalam memilih calon suami mereka. Suami akan dipilih oleh ibu bapa mereka. Hal ini kerana, mereka tidak ada pengalaman dalam aspek selok-belok rumah tangga, ibu bapa mengharapkan anak mereka bahagia dan sudah tentu akan memilih calon menantu mengikut kriteria mereka serta anak perempuan tidak sopan, jika menolak cadangan ibu bapa (S.Husin Ali,1977,p.140-141).Secara tidak langsung, wanita dahulu dikategorikan sebagai patung bernyawa yang boleh dikerah oleh pihak yang menguasai mereka.

Bayi perempuan juga akan dibunuh menggunakan pelbagai teknik. Teknik yang paling popular dalam kalangan masyarakat dahulu ialah mengupah bidan untuk memberikan susu yang dicampurkan dengan lendir tumbuh-tumbuhan beracun yang dikenali sebagai “*kalli chedi*” dalam bahasa Tamil.



Rajah 1.3 Susu tumbuhan beracun iaitu “ *Kalli chedi*”

Industri perfileman Tamil banyak mengeluarkan filem yang berkaitan dengan diskriminasi wanita yang berlaku di India. Misalnya,

The film looks at female foeticide and the hatred that surrounds the birth of a female child. A father blames his miseries on the birth of his daughters. Set in a rural village. Karuthamma was released to critical acclaim. Mokkaatha (Vani), a wife of Mokkaian (Periyar Dasan), a farmer in pottalpetti village, is in labour. They already have two daughters and are keen to have a son; two daughters born earlier were killed soon after birth by feeding them with poisonous cactus extract. Unable to pay hefty dowries for their daughters marriage, the villagers consider

female infanticide to be acceptable. A new school teacher (R. Sundarrajan) feels sad on learning about this heinous practice. When Mekkatha delivers a girl again, Mekkaiyan orders the village midwife (S. N. Lakshmi) to kill the baby. The midwife sadly tries to feed the cactus extract to the baby at a secluded place. The school teacher notices, meets her and requests to handover the infant so that he can bring up her. She hands over and he moves away from the village with the child.

(Bharathi Rajaa,1995)

Wanita juga digunakan sebagai pemuas nafsu, dan didera. Keratan akhbar di bawah menunjukkan bukti pembunuhan bayi perempuan di India .

Lakshmi already had one daughter, so when she gave birth to a second girl, she killed her. For the three days of her second child's short life, Lakshmi admits, she refused to nurse her. To silence the infant's famished cries, the impoverished village woman squeezed the milky sap from an oleander shrub, mixed it with castor oil, and forced the poisonous potion down the newborn's throat. The baby bled from the nose, then died soon afterward. Female neighbours buried her in a small hole near Lakshmi's square thatched hut of sunbaked mud. They sympathized with Lakshmi, and in the same circumstances, some would probably have done what she did. For despite the risk of execution by hanging and about 16 months of a much-ballyhooed government scheme to assist families with daughters, in some hamlets of ... Tamil Nadu, murdering girls is still sometimes believed to be a wiser course than raising them. "A daughter is always liabilities. How can I bring up a second?" Lakshmi, 28, answered firmly when asked by a visitor how she could have taken her own child's life eight years ago. "Instead of her suffering the way I do, I thought it was better to get rid of her."

(Dahlburg,1994)

Jadi di sini, pengkaji melihat banyak diskriminasi terhadap wanita berlaku dalam kehidupan harian dan filem. Hal ini kerana pengkaji turut memasukkan isu wanita dalam filem. Dengan ini, pengkaji ingin mengkaji kedudukan wanita dalam novel-novel pula. Oleh itu, pengkaji memilih novel "*Asam Pedas untuk Dia*" dan "*Ombak Rindu*" sebagai bahan kajiannya. Kajian akan diteliti dengan menggunakan Teori Feminisme yang dicetuskan oleh Elaine Showalter dengan mengaplikasikan pendekatan Kritik Feminis. Kajian ini ingin membuktikan bahawa bagaimanakah watak wanita

dicerminkan oleh pengarang wanita dalam gaya penulisan lelaki dengan ciri-ciri stereotaipnya.

1.4. Teori

Feminisme boleh dikatakan sebagai sebuah ideologi yang berusaha melakukan pembongkaran sistem patriarki, mencari akar atau penyebab penindasan perempuan serta mencari pembebasannya. Dengan kata lain feminisme ialah teori untuk mengkaji isu-isu wanita. Seperti pernyataan yang berikut ini;

Secara etimologis feminis berasal dari kata femme (woman, bererti perempuan (tunggal) yang berjuang untuk memperjuangkan hak-hak kaum perempuan (jamak), sebagai kelas sosial. Dalam hubungan ini perlu dibezakan antara male dan female (sebagai aspek perbezaan biologis, sebagai hakikat alamiah, masculine dan feminine (sebagai aspek perbezaan psikologis cultural). Dengan kalimat lain, male-female mengacu pada seks, sedangkan masculine-feminine mengacu pada jenis kelamin atau gender, sebagai he dan she (shelden, 1986), jadi tujuan feminis adalah keseimbangan, interelasi gender. Dalam pengertian yang luas, feminis adalah gerakan kaum wanita untuk menolak segala sesuatu yang dimarginalisasikan, disubordinasikan, dan direndahkan oleh kebudayaan dominan, baik dalam politik dan ekonomi maupun kehidupan sosial pada umumnya.

(Ratna,2007,p.184)

Dari ungkapan petikan di atas, dapat difahami bahawa gerakan feminisme dilakukan untuk mencari keseimbangan gender. Gerakan feminisme adalah gerakan pembebasan perempuan dari rasisme, stereotaip, dan penindasan perempuan.

Feminisme atau yang sering dikenal dengan sebutan “*emansipasi*” berasal dari bahasa Latin yang bererti perempuan. Isu feminisme ini muncul pada akhir abad ke-18, apabila muncul isu kemanusiaan di negara Eropah dan Amerika. Isu feminisme ini mempunyai dua tahap gelombang. Gelombang pertama ialah *first wave* atau *old wave* yang menekankan persoalan persamaan hak lelaki dan perempuan yang digelar feminisme ekuiti seperti mengundi, hak kebajikan dan sebagainya. Gelombang kedua

pula dikenali sebagai *new wave* atau *second wave* yang menekankan isu gender, penampilan konteks sosiobudaya, dan sebagainya. (Zalila Sharif,2003,p.VII)

Antara tokoh-tokoh terpenting feminis ialah Showalter, Moi, Kristeva, Cixous, Bailer dan ramai lagi. Feminisme adalah sebuah kepercayaan bahawa kaum hawa diperlakukan tidak adil dalam masyarakat, malah memberi lebih keutamaan kepada kaum adam. Menurut Kamla Bhasin dan Nighat Said Khan, feminisme adalah suatu kesedaran akan penindasan dan pemerasan terhadap perempuan dalam masyarakat, di tempat kerja dan dalam keluarga, serta tindakan sedar perempuan mahupun lelaki untuk mengubah keadaan tersebut. Teori sastera feminis menyelidiki semula teks sastera bagi melihat imej wanita di dalamnya dan memberikan tempat yang sewajarnya (Norhayati AbRahman,2005,p.154).

Teori Feminis merangkumi sistem idea tentang kehidupan sosial dan pengalaman manusia yang berkembang atas asas persoalan wanita dalam masyarakat. Dengan kata lain, teori feminis adalah berpusatkan wanita (*women-centered*). Pada umumnya Teori Feminis tidak mahu melihat gender menjadi faktor atau isu yang memisahkan penduduk atas dasar jantina, mendiskriminasikan atau menyekat peluang wanita dalam berbagai-bagai bidang kehidupan, meletakkan kedudukan wanita lebih rendah daripada kedudukan lelaki, mengenakan tekanan dan juga eksploitasi ke atas mereka serta menyifatkan mereka sebagai kelompok khusus dan terpinggir, dan lain-lain lagi. Dengan kata lain, persoalan gender tidak menjadi isu dalam segala perkara dan keadaan. Dengan kata lain feminisme adalah teori untuk pembebasan wanita (Norhayati AbRahman,2005,p.104).

Gerakan ini mendapat sokongan dan juga tentangan dari masyarakat dunia. Tetapi pada dasarnya, gerakan ini menyedarkan kaum perempuan bahawa selama ini mereka berada di bawah penindasan. Gerakan ini terbahagi kepada berbagai aliran. Antaranya ialah aliran Feminisme Liberal, Feminisme Radikal, Ataupun Feminism

Marxist. Walaupun terdapat pelbagai aliran tetapi semua aliran membela kaum wanita (Siti Meriam Yaacob,2010,p.61-62).

Teori Feminis berpusatkan wanita dan perkara-perkara yang berkaitan dengan wanita diketepikan oleh masyarakat lelaki. Dalam hampir semua masyarakat kedudukan kaum wanita pada umumnya adalah rendah daripada kedudukan kaum lelaki. Mereka adalah tertakluk kepada kuasa dan autoriti kaum lelaki, khususnya kepada anak perempuan tertakluk kepada kuasa bapa, isteri kepada kuasa suami, dan akhirnya ibu kepada kuasa anak lelaki. Wanita tidak dibenarkan mengutarakan pendapat sendiri, malah terpaksa patuh kaum lelaki.

Hingga kini pun, kebanyakan masyarakat di dunia termasuk masyarakat Melayu masih meletakkan wanita itu pada kedudukan lebih rendah daripada kedudukan kaum lelaki. Kaum wanita tidak diberi peluang yang diberi kepada kaum lelaki dalam pelbagai bidang seperti ekonomi, politik, dan pendidikan. Hal ini dapat terbukti melalui kata-kata Mary Ellmann (1968,p.189), watak wanita dianggap sebagai tidak berbentuk (*formless*), pasif (*passive*), tidak berpendirian atau tidak stabil (*unstable*), terbatas (*confined*), soleh (*pious*), materialistik (*materialistic*), rohani (*spiritual*), tidak rasional (*irrational*), akur dan patuh (*compliant*).

Menurut Showalter (1987,p.336-337), kritikan feminis terbahagi kepada dua jenis iaitu Kritik Feminis (*Feminist Critique*) dan Ginokritik. Kritik Feminis ialah pendekatan yang menganalisis imej dan stereotaip watak wanita oleh pengarang yang menulis dalam gaya penulisan lelaki. Gaya penulisan lelaki di sini bermaksud cara pandangan dan pemikiran kaum lelaki terhadap kaum wanita. Persepsi kaum lelaki terhadap kaum wanita amat lemah. Manakala, Ginokritik ialah mengkaji karya tentang wanita oleh pengarang wanita(Siti Meriam Yaacob,2010,p.67).

Walau bagaimanapun bagi melengkapkan kajian yang akan dilakukan, pengkaji berfokus kepada pendekatan Kritik Feminis,iaitu sebuah pendekatan yang berada di

bawah skop Teori Feminisme oleh Elaine Showalter. Dengan menggunakan pendekatan ini, pengkaji akan membuat kajian yang lebih terperinci untuk mengetahui ciri-ciri stereotaip yang terdapat dalam bahan kajian.

1.5. Objektif kajian

Pada umumnya kajian ini bertujuan untuk melihat sejauhmanakah karya-karya penulisan wanita yang menggunakan gaya penulisan lelaki menyerlahkan ciri-ciri stereotaip yang terdapat dalam novel. Kajian ini bertujuan untuk mencapai dua objektif.

Antaranya ialah untuk :

- Mengenal pasti ciri-ciri imej stereotaip wanita yang terdapat dalam novel "*Asam Pedas untuk Dia*" oleh Nureen Mirza dan "*Ombak Rindu*" oleh Fauziah Ashari.
- Menganalisis peranan dan cabaran wanita dalam masyarakat sebagaimana dipandang oleh pengarang wanita yang menulis dalam gaya lelaki, iaitu Nureen Mirza dan Fauziah Ashari.

1.6. Kepentingan Kajian

Kajian ini penting bagi mendedahkan novel "*Asam Pedas untuk Dia*" oleh Nureen Mirza dan "*Ombak Rindu*" oleh Fauziah Ashari sebagai karya yang memperlihatkan ciri-ciri imej wanita mengikut persepsi kaum lelaki. Corak penulisan yang terdapat dalam novel ini menggambarkan pengarang wanita juga boleh mengelaskan wanita mengikut sudut pandangan kaum lelaki.

Pengarang wanita juga dapat mengklasifikasikan watak wanita sebagai watak pasif, tidak berbentuk, tidak berpendirian atau tidak stabil, terbatas, soleh, materialistik, rohani, tidak rasional dan akur serta patuh. Kepentingan ini akan memberi peluang

kepada pembaca untuk mengenali Teori Feminisme, yaitu pendekatan Kritik Feminis oleh Elaine Showalter.

Selain itu, kajian ini juga dapat menawarkan gambaran yang jelas tentang cabaran dan peranan kaum wanita dalam kehidupan harian. Dalam era ini, kaum wanita kini semakin menjadi seorang manusia yang mempunyai pegangan yang kuat dan berjiwa kental. Malah, dengan novel ini masyarakat dapat mengetahui terdapat juga wanita yang masih bersifat lemah dan bergantung kepada kaum lelaki.

Lazimnya, pengarang wanita yang akan menggambarkan wanita sebagai watak yang berfikiran positif dan moden tetapi dengan kajian ini masyarakat dapat mengenali bahawa pengarang wanita juga boleh menggambarkan wanita sebagai watak yang lemah dan selalu didominasi oleh kaum lelaki. Penulisan seperti ini lebih kepada coretan oleh pengarang wanita tetapi dalam gaya penulisan lelaki. Senario ini termasuk dalam pendekatan Kritik Feminis.

1.7. Batasan Kajian

Novel "*Asam Pedas untuk Dia*" dikarang oleh Nureen Mirza pada tahun 2012. Manakala, "*Ombak Rindu*" pula dikarang oleh Fauziah Ashari pada tahun 2002. Kedua-dua novel ini mendapat sambutan yang hangat dalam kalangan pembaca. Hal ini terbukti dengan keluaran drama dan juga filem dengan mengadaptasikan novel ini untuk tatapan masyarakat.

Novel "*Asam Pedas untuk Dia*" telah diadaptasikan sebagai drama dan ditayangkan di TV3 dalam Slot Dahlia yang dilakonkan oleh Dayana Rozana dan Syukri Yahya. Manakala, "*Ombak Rindu*" pula filem yang diterbitkan oleh Osman Ali dan mula ditayangkan pada 2011 di Malaysia. Filem ini dilakon oleh pelakon Melayu yang bernama Aaron Aziz dan Maya Karin.

Kajian ini akan memberikan tumpuan khusus kepada novel-novel terpilih hasil tulisan pengarang wanita tetapi dalam gaya penulisan lelaki. Novel yang terpilih sebagai

bahan kajian ialah “*Asam Pedas untuk Dia*” oleh Nureen Mirza dan “*Ombak Rindu*” oleh Fauziah Ashari. Kedua-dua novel ini dikarang oleh penulis wanita tetapi dalam sistem penandaan sebagai lelaki.

Aspek yang akan dikaji ialah berdasarkan Teori Feminisme yang menggunakan pendekatan Kritik Feminis oleh Elaine Showalter. Walaupun, Elaine Showalter telah memperkenalkan satu lagi pendekatan yang mengkaji karya tentang wanita oleh pengarang wanita tetapi bagi kedua-dua novel yang terpilih ini lebih sesuai dengan menggunakan pendekatan Kritik Feminis, di mana menunjukkan kaum wanita dalam sudut pandangan kaum lelaki.

1.8. Metodologi Kajian

Metodologi kajian yang digunakan ialah kaedah kepustakaan. Kaedah kepustakaan yang digunakan adalah bertujuan memudahkan pengkaji untuk mendapatkan bahan dan data. Data-data daripada kajian kepustakaan menjadi pelengkap dan nilai tambah kepada penelitian bagi teori yang digunakan.

Antara perpustakaan yang dijadikan tempat untuk penyelidik mencari maklumat ialah Perpustakaan Utama, Universiti Malaya, Perpustakaan Peringatan Za’ba, Universiti Malaya, Perpustakaan Pengajian Melayu, Universiti Malaya, Perpustakaan Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Universiti Sains Malaysia (USM) dan Perpustakaan Sultan Abdul Samad, Universiti Putra Malaysia (UPM) serta Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur. Maklumat yang diambil daripada buku-buku, surat khabar, jurnal serta kajian-kajian yang telah dilakukan oleh pengkaji terdahulu.

Oleh yang demikian, hanya selepas data-data yang diperlukan dapat dikumpulkan, barulah data-data itu akan diproses dan dianalisis berdasarkan skop kajian. Seterusnya data-data yang telah dianalisis itu akan digunakan bagi melihat

bagaimana ciri-ciri imej wanita mengikut persepsi kaum lelaki terserlah dalam bahan kajian.

1.9. Kajian lalu

Kajian yang melibatkan imej wanita dan Teori Feminisme telah agak banyak dilakukan untuk karya sastera mahupun filem. Berpuluh-puluh buku telah ditulis mengenai feminisme dan perjuangan wanita di seluruh persada dunia. Terdapat banyak laman web dan juga jurnal telah memberi perhatian kepada isu wanita dan juga penindasan terhadap mereka.

Terdapat pengkaji yang bernama Siti Raihani Mohamed Saaid dari Akademi Pengajian Melayu, Universiti Malaya pada tahun 2016 telah membuat kajian di peringkat Sarjana yang bertajuk "*Skrip Filem Terpilih P.Ramlee : Bacaan Kritik Feminis*". Kajian ini memilih skrip filem arahan Seniman Agung komedi P.Ramlee, iaitu *Bujang Lapok*, *Ali Baba Bujang Lapok* dan *Masam-Masam manis* sebagai data kajian.

Pengkaji menggunakan teori Kritik Feminis bagi membahaskan ciri-ciri stereotaip pada watak-watak wanita dalam skrip filem yang dikaji. Kajian ini ialah untuk mengenal pasti isu-isu masyarakat yang berkaitan dengan wanita dalam skrip, dan menganalisis sikap serta pandangan P.Ramlee sendiri terhadap posisi wanita dalam masyarakat menggunakan teori Kritik Feminis. Di samping itu, pengkaji juga menilai sejauh mana teori Kritik Feminis sesuai digunakan bagi membincangkan isu-isu wanita dalam skrip filem P.Ramlee, terutama daripada genre komedi.

Berdasarkan analisis, seniman Agung P.Ramlee telah meletakkan watak wanita ke satu tahap yang lebih positif melalui skripnya serta kajian juga merumuskan bahawa genre komedi adalah wadah yang sesuai dan berhasil menyerlahkan kekuatan wanita dalam mengharungi cabaran semasa. Seperti yang dilihat, bahan kajian yang dikaji oleh

Siti Raihani ialah filem. Siti Raihani tidak menyentuh tentang novel. Namun begitu, tesis ini dapat dijadikan sebagai panduan bagi merangka kajian mengenai isu-isu wanita dalam novel.

Pengkaji yang bernama Ting Hea Chuen dari Jabatan Pengajian Tionghoa, Fakulti Sastera dan Sains Sosial, Universiti Malaya pada tahun 2001 membuat kajian di peringkat Sarjana yang bertajuk "*Penulisan Feminisme Fiksiyen Mahua Siswazah - Siswazah Universiti Taiwan (1970-1995)*". Kajian ini memfokuskan penulisan Feminim dalam fiksiyen Mahua Siswazah Universiti-universiti di Taiwan yang berasal dari Malaysia. Kajian ini merangkumi tiga orang karyawan, iaitu Li Yong Ping, Pan Yutong dan Shang Wanyun.

Perwatakan wanita dalam fiksiyen Li YongPing meliputi watak perempuan bumiputera dan juga watak perempuan Cina yang terdiri daripada pelbagai lapisan masyarakat. Penulisan kreatif fiksiyen Shang Wanyun bukan sahaja merangkumi perwatakan perempuan tradisional dan moden, tetapi juga menyentuh perwatakan lesbian. Pan Yutong pula menulis tentang golongan bawahan seperti pelacur.

Ketiga-tiga karyawan memperlihatkan gaya penulisan yang berbeza tetapi mendapat persamaan terutamanya dalam penulisan imej watak perempuan isu-isu kaum wanita yang tersirat dalam karya fiksiyen. Secara langsung, kajian ini membantu untuk memfokuskan pengkaji ke arah bidang feminisme tetapi lebih berkhusus kepada pendekatan Kritik Feminis.

Selain itu, pengkaji yang bernama Rosnah Baharuddin telah menghasilkan tesis Doktor Falsafah yang bertajuk "*Wanita Dalam Novel A.Samad Said : Perhatian Khusus kepada Aspek Perubahan Kedudukan dan Peranan Wanita dalam Tahap-Tahap Sebelum Perang, Semasa dan Selepas Perang*" pada tahun 1995 di Akademi Pengajian Melayu, Universiti Malaya. Pengkaji menggunakan pendekatan feminisme

khususnya pendekatan yang dibahas oleh Mary Ellaman, Kate Millet, Elaine Showalter dan Virginia Woolf untuk melihat citra wanita oleh pengarang wanita.

Kajian beliau lebih tertumpu kepada kedudukan dan peranan wanita dalam novel A.Samad Said. Beliau mengkaji wanita dalam beberapa tahap, iaitu sebelum perang, semasa dan selepas perang. Menurut pengkaji, wanita memainkan peranan penting dalam jalinan plot. Pengkaji berpendapat pengarang lelaki menggambarkan watak wanita dalam karya mereka berdasarkan kepada model atau contoh umum yang pernah dikenali serta produk keadaan sosial wanita dalam masyarakat itu sendiri.

Gambaran penciptaan watak wanita sangat berkaitan dengan tujuan dan keadaan psikologi pengarang ketika mengarang sesebuah karya. Jadi disini, pengkaji menyimpulkan bahawa situasi sosial membentuk budaya dan pengalaman berbeza bagi kaum lelaki dan perempuan. Secara langsung, kajian ini membantu untuk memfokuskan pengkaji ke arah bidang feminisme tetapi pengkaji lebih berkhusus kepada pendekatan Kritik Feminis, dimana kajian terhadap karya yang dikarang oleh pengarang wanita tetapi dalam gaya penulisan lelaki.

Satu kajian tesis Doktor Falsafah yang bertajuk “Puitika Sastera Wanita Dalam Novel-Novel Pengarang Wanita Indonesia Dan Malaysia: Satu Bacaan Ginokritik” telah dilakukan oleh Norhayati Ab Rahman dari Universiti Sains Malaysia pada tahun 2005. Kajian ini menggunakan kaedah Teori Ginokritik yang diperkenalkan oleh Elaine Showalter. Kajian ini mengaplikasikan empat model yang terdapat dalam kaedah Ginokritik, iaitu model penulisan wanita dan biologi wanita, penulisan wanita dan bahasa wanita, penulisan wanita dan budaya wanita, serta penulisan wanita dan psikologi wanita,

Bahan kajian yang dipilih merupakan novel-novel yang ditulis oleh pengarang wanita Malaysia dan Indonesia. Antara novel Indonesia yang dikaji ialah Saman oleh Ayu Utami, Tarian Bumi oleh Oka Rusmini, Calon Arang oleh Toeti Heraty dan Dari

Lembah Ke Coolibah oleh Titis Basino. Manakala, novel Malaysia pula Menongkah Lumrah oleh Azmah Nordin, Isteri oleh Rosmini Shaari, Salam Maria oleh Fatimah Busu dan Jalur Sinar Di Celah Daun oleh Zaharah Nawawi. Pengarang wanita di Indonesia dan Malaysia telah menjadikan aspek biologi, bahasa, psikologi serta budaya wanita sebagai landasan utama dalam pembentukan puitika penulisan kreatif mereka.

Walau bagaimanapun, terdapat perbezaan dalam cara dan gaya penerapan setiap unsur tersebut oleh pengarang wanita di Malaysia dan Indonesia. Hal ini kerana, wujud perbezaan yang dipengaruhi oleh latar sosiobudaya, politik dan latar belakang pengarang di kedua-dua buah negara. Kajian membuktikan bahawa karya-karya oleh pengarang wanita mempunyai sifat-sifat khusus, menampilkan gaya penulisan baru yang tidak bersifat stereotaip dan *monotonous*. Penemuan ini menunjukkan pengarang wanita telah merangka gaya penulisan kreatif yang menyerlahkan pembaharuan-pembaharuan terhadap puitika sastera wanita. Seperti yang dilihat, pendekatan yang beliau gunakan ialah Ginokritik dalam novel, manakala kajian ini pula berfokus kepada pendekatan Kritik Feminis dalam novel.

Seterusnya, kajian tentang wanita juga telah dikaji oleh Siti Hajar Che Man (1998) yang bertajuk "*Feminisme Dalam Kesusasteraan Melayu: Analisis Kaedah Bacaan Showalter*". Kajian ini telah memberi maklumat yang jelas dan terperinci tentang kemunculan Teori Feminis, kepentingannya dalam dunia kritikan sastera dan aplikasinya ke atas teks-teks tempatan bermula dari zaman tradisional hingga kepada teks-teks moden. Analisis yang dilakukan oleh pengkaji terhadap teks-teks pilihan dengan menggunakan pendekatan Kritik Feminis dan Ginokritik, memperlihatkan daya pengamat yang tinggi dalam diri pengkaji terhadap isu-isu wanita dalam sastera. Novel-novel yang dipilih ialah *Jalur Sinar Di Celah Daun* (Zaharah Nawawi), *Perempuan Di Lereng Bukit* (Siti Hawa Mohd. Hassan) dan novel *Isteri* (Rosmini Shaari).

Perbincangan bahagian ini telah memperlihatkan percubaan yang baik untuk penerapan kaedah tersebut. Namun, disebabkan pengkaji memfokus kepada kedua-dua kaedah bacaan saranan Showalter secara serentak, maka perbincangan yang dilakukan agak terbatas dan tidak bersifat menyeluruh. Kajian ini membantu mengkaji tentang Kritik Feminis dengan lebih mendalam. Kajian lalu tidak terlalu mendalami pendekatan Kritik Feminis, hal ini kerana ia berfokus kepada dua pendekatan.

Akhirnya, Membunga@Siti Meriam Yaacob (2004) telah menghasilkan kajian peringkat ijazah kedoktoran bertajuk "*Tanggapan Terhadap Wanita Dalam Karya Hamzah dan Keris Mas*". Kajian ini lebih berfokus kepada usaha untuk menyerlahkan tanggapan pengarang lelaki terhadap kaum wanita yang terdapat dalam cerpen-cerpen mereka. Jadi, pengkaji memilih pengarang lelaki, iaitu Hamzah dan Keris Mas untuk melihat gambaran citra wanita dalam kerangka stereotaip, iaitu wanita sebagai objek seks, yang bebas bergaul, yang miskin, yang kesepian jiwanya, dan yang menjadi mangsa eksploitasi dalam karya-karya mereka. Beliau merumuskan kajiannya dengan menegaskan bahawa walaupun kedua-dua pengarang lelaki yang dikaji menampakkan perbezaan dalam kepengarangan mereka. Namun begitu, mereka mempunyai tahap kecenderungan yang sama, iaitu memaparkan watak wanita yang stereotaip.

Sifat-sifat dalam pembinaan jasad dan jiwa wanita yang diserlahkan oleh mereka adalah cerminan wanita dari sudut pandangan kaum lelaki. Kajian ini menyerlahkan sifat-sifat puitika dalam kepengarangan mereka yang stereotaip dan konvensional. Kajian ini secara langsung membantu pengkaji untuk melihat ciri-ciri stereotaip yang diserlahkan oleh pengarang wanita tetapi dalam gaya penulisan lelaki.

1.10. Persembahan Bab

Kajian ini akan dibahagikan kepada lima bab. Bab pertama akan menjelaskan tentang latar belakang kajian, permasalahan kajian, objektif kajian, kajian lalu, pendekatan

kajian, batasan kajian, metodologi kajian, kepentingan kajian dan persembahan bab. Bahagian ini akan menjadi landasan bagi menyiapkan bab-bab yang seterusnya.

Bab kedua akan membincangkan Teori Feminisme. Penjelasan tentang definisi, ciri-ciri dan bagaimanakah Teori Feminisme ini telah digunakan oleh pengkaji dalam kajian. Kajian akan difokus kepada pendekatan Kritik Feminis oleh Elaine Showalter.

Bab ketiga pula lebih menumpu kepada ciri-ciri imej wanita dalam novel yang ingin dikaji. Pengkaji akan memberikan definisi serta membincangkan sejauh manakah ciri-ciri wanita digambarkan dalam karya yang dikaji.

Bab keempat akan menghuraikan dan menganalisis peranan wanita dalam masyarakat serta cabaran-cabaran yang dihadapi oleh golongan wanita dalam kehidupan. Status mereka sebagai wanita akan diulaskan dalam kajian ini dengan bantuan bukti novel yang dikaji.

Bab kelima adalah kesimpulan dan rumusan bagi kajian yang telah dilakukan. Bab ini akan mengemukakan penemuan-penemuan yang telah dihasilkan berdasarkan kajian daripada bab-bab yang terdahulu.

BAB 2 : TEORI FEMINISME

2.1 Pengenalan

Teori Feminisme menganalisis nilai kewanitaan sebagai subjek masyarakat. Pada dasarnya, feminisme sering dikenal dengan sebutan “*emansipasi*” berasal dari bahasa Latin yang bererti perempuan. Tokoh-tokoh yang terkenal dalam kajian feminis ialah Showalter, Moi, Kristeva, Cixous, dan Bailer (Zalila Sharif, 2003, p:VII). Menurut Azian Baharudin (1997, p:43), gerakan feminisme merupakan sebuah gerakan yang membebaskan wanita untuk mendapatkan hak-hak wanita.

Pada asalnya, revolusi Perancis (1789-1799) merupakan titik permulaan bagi pejuang feminis. Walaupun revolusi ini tidak mengubah nasib kaum wanita, tetapi secara langsung ia menyemai semangat feminis untuk memperjuangkan nasib kaum wanita. Semangat feminis ini, tersebar luas ke negara-negara lain melalui media cetak dan juga aktiviti persatuan. Perjuangan wanita diteruskan dengan membentuk persatuan pada peringkat antarabangsa bagi menuntut hak wanita serta kempen juga dijalankan bagi menentang persepsi kaum lelaki yang menjadikan kaum wanita sebagai objek seks, bahan pornografi, mangsa rogol dan sebagainya (Siti Meriam Yaacob, 2010, p.53).

2.2 Konsep Feminisme

Pergerakan Pembebasan Wanita atau kesedaran perempuan telah bermula di Eropah sejak abad ke-16 lagi. Pada awalnya pertubuhan-pertubuhan ini menumpukan perhatian kepada isu-isu politik sahaja. Menurut Elaine Showalter (1977, p.45), pergerakan ini berkembang dari satu aspek ke aspek lain dan lahirlah teori sastera feminis. Pelopor feminis yang disegani ialah Elaine Showalter membahagikan sejarah perkembangan penulisan dan kritikan yang dihasilkan oleh perempuan kepada tiga tahap, yang dikaitkan dengan istilah-istilah *feminime*, *feminist* dan *female*.

Menurut Showalter pada 1840 hingga 1880, tahap ini penulis perempuan masih dipengaruhi oleh tanggapan kaum lelaki tentang perempuan. Pada tahap *feminime* ini, penulis perempuan masih menggunakan kayu ukur kebudayaan dominan lelaki, sebagai garis panduan seni mereka dan ramai penulis perempuan pada tahap ini sering menggunakan nama pena lelaki (Hajah Siti Khariah Mohd Zubir,2007,p.37).

Mengikut Elaine Showalter(1977,p.45), perubahan besar dalam semangat perjuangan penulis perempuan terlihat pada tahap kedua, iaitu *feminist* antara tahap 1880 hingga 1920. Tahap-tahap ini amat penting kerana suatu protes perjuangan yang menolak beberapa sikap yang dianggap menindas hak mereka. Pengarang perempuan menggunakan kesusasteraan sebagai media untuk menyerlahkan penindasan yang dialami oleh mereka.

Manakala, tahap ketiga dalam sejarah perkembangan pergerakan feminis digelar oleh Showalter sebagai *female*. Tahap ini bermula pada tahun 1920 dan masih berterusan sehingga kini. Para feminis menolak peniruan sudut pandangan kaum lelaki seperti yang diamalkan dalam tahap feminime dan protes terhadap penulisan terhadap feminis. Mereka berpendapat kedua-dua peniruan dan protes merupakan dua bentuk kebergantungan yang masih mengikat perempuan (Hajah Siti Khariah Mohd Zubir,2007,p.38).

Perkataan Feminisme berasal dari kata *Feminism* (Inggeris) yang bererti gerakan wanita yang menuntut persamaan hak sepenuhnya antara kaum wanita dan lelaki. Dalam teori-teori sastera kontemporari, feminis merupakan gerakan perempuan yang terjadi hampir di seluruh dunia. Gerakan ini tersebar apabila wujudnya kesedaran terhadap hak-hak kaum perempuan sama dengan kaum lelaki. Penjelasan ini menunjukkan bahawa kaum perempuan tidak disejajarkan dengan kaum lelaki sehingga melahirkan keinginan kesamarataan gender antara dua kaum. Pada dasarnya,

masyarakat tradisional menempatkan kaum lelaki sebagai penguasa masyarakat (Zalila Sharif, 2003,p.VII).

Menurut Goefe, feminis adalah suatu teori tentang permasalahan hak antara lelaki dan perempuan dalam semua bidang. Organisasi ini membantu untuk memperjuangkan hak-hak serta kepentingan perempuan. Selama ini, perempuan selalu disisihkan hanya disebabkan oleh faktor gender. Feminisme berupaya untuk perjuangkan identiti seseorang wanita yang ditutupi dengan hegemoni patriaki. Identiti ini diperlukan sebagai dasar memperjuangkan hak dan membongkar akar dari segala ketertindasan perempuan. Objektif feminis adalah mengakhiri dominasi lelaki dengan cara menghancurkan struktur budaya, segala hukum dan aturan-aturan yang menempatkan perempuan sebagai korban yang tidak tampak dan tidak berharga. Hal ini diterima perempuan sebagai marginisasi, subordinasi, stereotaip, dan kekerasan (Sugihastuti dan Suharto,2010,p.18).

Menurut Ratna (2007,p.186), Teori Feminis membantu untuk menghilangkan pertentangan antara kelompok yang lemah dengan kelompok yang dianggap lebih kuat. Teori Feminisme menolak ketidakadilan sebagai akibat masyarakat patriarki, menolak sejarah dan filsafat sebagai disiplin yang berpusat pada lelaki. Menurut Mansour Fakih (1995,p.230), gerakan dan kesedaran mula terserlah dengan andaian bahawa kaum perempuan pada dasarnya ditindas dan dieksploitasi, serta usaha untuk menamatkan penindasan & eksploitasi tersebut.

Kesedaran hak wanita ini dapat dilihat dalam kes yang berlaku di New York pada tahun 1948, iaitu segelintir wanita berkumpul di *Secene Falls, New York* untuk menuntut hak-hak mereka sebagai reaksi terhadap pelarangan pada kaum wanita untuk berbicara di depan khalayak. Empat perkara menjadi tuntutan bagi kaum wanita tersebut. Antaranya ialah mengubah undang-undang perkahwinan yang menjadikan wanita dan hartanya mutlak berada di bawah kekuasaan suaminya, memberi jalan untuk

meningkatkan pendidikan wanita, menuntut hak-hak wanita untuk bekerja, dan memberikan hak penuh untuk berpolitik (Wiyatmi, M.Hum,2013,p.45).

Kesedaran hak wanita juga terserlah pada tahun 1785 apabila pertama kali sebuah perkumpulan masyarakat ilmiah untuk kaum perempuan didirikan di Middelburg, iaitu sebuah kota yang terletak di selatan Belanda .Kesedaran wanita juga terhadap hak mereka terserlah dalam sebuah artikel, *Kosmo* pada 7 March 2009. Di mana, artikel tersebut menyatakan bahawa tahap pendidikan dan status dalam kalangan masyarakat elit India memberikan isteri sedikit perlindungan berbanding dengan suami.

DENGAN cermin mata hitam penuh bergaya di atas kepala, kuku yang dicat warna terang dan memakai pakaian berjenama terkenal berwarna hitam, wanita yang duduk di sebuah kafe terkemuka di New Delhi, India itu tidak kelihatan seperti seorang isteri yang menjadi mangsa dera. Ironinya, wanita berusia 37 tahun yang meminta namanya tidak disiarkan demi melindungi identiti diri dan anak-anaknya sebenarnya telah didera selama bertahun-tahun oleh suaminya, seorang peguam yang kaya.

"Dia mencekik, menampar dan meludah saya," kata ibu kepada dua orang anak yang tinggal di sebuah kawasan mewah.Dia merupakan salah seorang daripada jutaan wanita India dari semua kasta kehidupan yang didera oleh suami masing-masing. Kaji selidik kerajaan terkini menunjukkan seorang daripada tiga wanita India menjadi mangsa keganasan rumah tangga.

Tahap pendidikan dan status dalam kalangan masyarakat elit India memberikannya hanya sedikit perlindungan, berbanding dengan suaminya yang mempunyai rangkaian hubungan dengan orang berpengaruh. Selepas bertahun-tahun didera, dia menyeret suaminya ke mahkamah di bawah Akta Keganasan Domestik yang bertanggungjawab melindungi mangsa dera dan menjatuhkan hukuman berat kepada pendera. Malangnya, sehingga kini, akta itu tidak banyak membantunya.

(Abdul Ahmad,2009)

Artikel di atas, menceritakan tentang kehidupan seorang wanita dari keluarga berada yang pernah menjadi mangsa deraan suaminya (peguam) dan akhirnya berjaya meloloskan diri dari genggamannya serta mengheret suaminya ke mahkamah di bawah

Akta Keganasan Domestik. Beliau menyatakan bahawa tahap pendidikan dan status dalam kalangan masyarakat memberi kekuatan bagi beliau untuk berjuang.

"Undang-undang yang diluluskan oleh Parlimen pada tahun 2006 itu tidak diambil serius. Banyak kes yang sama ditanggihkan, termasuklah kes ini," kata peguam wanita malang itu, K.K. Manan. Pada tahun 2007, sebanyak 185,312 kes jenayah ke atas wanita telah dilaporkan, berbanding dengan 164,765 kes pada tahun sebelumnya. Kumpulan hak asasi menyatakan lebih banyak kes tidak dilaporkan. Keganasan rumah tangga sudah lama menjadi tatapan masyarakat. Malah pihak media sering memaparkan kes-kes isteri dipukul kerana masalah mas kahwin, selain didera dan dibunuh, terutamanya di kawasan-kawasan penduduk miskin.

(Abdul Ahmad, 2009)

Sambungan daripada artikel di atas, Akta Keganasan Domestik ini tidak banyak memberi kesan kepada masyarakat. Setiap tahun angka bagi kes jenayah ke atas wanita semakin meningkat, di samping itu badan hak asasi juga menyatakan bahawa lebih banyak kes jenayah terhadap wanita tidak dilaporkan.

Kepesatan ekonomi India telah meningkatkan jumlah wanita yang berjaya dan berpengaruh. Mereka biasanya mempunyai kerjaya dan menikmati lebih banyak kebebasan berbanding dengan generasi ibu bapa. Golongan ini juga memakai pakaian barat, selain makan di restoran dan berhibur di bar serta kelab-kelab malam. Perubahan ini kadangkala bertentangan dengan elemen-elemen kekangan yang kekal diamalkan secara meluas dalam masyarakat konservatif di India.

Malah, dalam kalangan golongan atasan, kebebasan wanita boleh menjadi sangat terhad. Akta keganasan rumah tangga digubal buat pertama kalinya untuk memberi perlindungan dan pampasan terhadap semua jenis penderaan di rumah, termasuk berbentuk fizikal, seksual, kata-kata, emosi atau ekonomi. Misalnya, sebelum ini, suami tidak boleh didakwa atas tuduhan merogol isteri, melainkan isteri mereka berusia bawah 15 tahun. Undang-undang baru itu bermatlamat menjatuhkan hukuman dalam tempoh 60 hari selepas perbicaraan pertama. Tetapi, selepas setahun kemudian, kes wanita teraniaya ini masih tertangguh. Awal Mac lalu, dia terpaksa tampil sekali di mahkamah khas wanita di New Delhi.

(Abdul Ahmad, 2009)

Artikel *Kosmo* di atas, menyimpulkan bahawa walaupun masyarakat semakin menjadi moden tetapi perubahan-perubahan yang bertentangan dengan elemen-elemen tradisi terus dikekang secara meluas dalam kalangan masyarakat India. Akta Keganasan Domestik digantikan dengan Akta keganasan rumah tangga, iaitu memberi perlindungan dan pampasan terhadap semua jenis penderaan, termasuk berbentuk fizikal, seksual,

emosi dan ekonomi. Keunikan akta ini ialah, sebelum ini golongan suami tidak boleh didakwa atas tuduhan merogol isteri, melainkan isteri mereka berusia bawah 15 tahun tetapi dalam undang-undang baru ini golongan lelaki boleh dijatuhkan hukuman.

Kaji selidik terbaru yang dijalankan oleh kerajaan mendapati 54 peratus wanita, berbanding 51 peratus lelaki menyatakan memukul isteri dibolehkan dalam beberapa keadaan. "Malah, masih wujud pegangan dalam masyarakat India bahawa wanita membuat laporan salah tentang masalah penderaan," jelas Manan.

(Abdul Ahmad,2009)

Menurut artikel *Kosmo*, mangsa penderaan iaitu Manan menyatakan bahawa kaum wanita tidak boleh membuat laporan penderaan terhadap kaum lelaki dan pegangan ini masih wujud dalam kalangan masyarakat.

Di samping itu, kesedaran wanita terhadap hak mereka dapat dilihat melalui buku yang bertajuk *The Feminine Mystique* yang dikarang oleh Betty Friedan pada tahun 1963. Kandungan bukunya banyak memberi impak yang berkesan sehingga Friedan berjaya membentuk organisasi wanita bernama *National Organization for Woman* pada tahun 1966. Beliau juga telah menggemparkan dunia perundangan dengan tulisannya yang bertajuk *Equal Pay right (1963)*. Penekanan beliau lebih kepada dunia pekerjaan yang lebih baik dan gaji yang sama dengan kaum lelaki dan juga *Equal right Act (1964)*. Beliau juga dalam bukunya menekankan bahawa, peranan wanita tradisional sebagai ibu dan juga subjek yang mengerjakan pekerjaan rumah tangga adalah faktor utama bagi kemunduran para wanita dari segi keperibadian.

Institusi keluarga disimbolikkan sebagai lembaga "*old-age evil*", sehingga gerakan ini berkembang menjadi hala tuju bagi kaum perempuan untuk dibebaskan dari kurungan rumah tangga. Gerakan ini juga mendapat tentangan daripada sesetengah pihak, hal ini kerana bagi mereka ia menggoncangkan kestabilan keluarga, iaitu menjadi "*anti-family, anti-children, anti future*". Tanggapan terdapat wanita sebagai subjek lemah harus dikikis dari minda masyarakat. Seharusnya, tidak ada lagi kata-kata seperti

“*ladies first*” dan sebagainya kerana wanita sendiri mampu melindungi diri mereka sendiri (Zalila Sharif,2013,p.28).

Pada 31 Disember 2012, seorang wartawan *Sinar Harian* menerbitkan sebuah artikel yang bertajuk “*Lima Negara Paling Berbahaya Untuk Wanita*”. Antara negaranya ialah *Afghanistan, India, Congo, Pakistan, dan Somalia*. Kes- kes yang berlaku di negara tersebut ialah seperti berikut,

Kes di bawah melibatkan seorang gadis yang bernama *Sahar Gul* dari Afghanistan, yang diseksa oleh suami dan dipaksa untuk menjadi pelacur dan akhirnya ditangkap oleh pihak berkuasa.

Pembuka tahun 2012, dunia digemparkan dengan insiden seorang remaja berusia 15 tahun, Sahar Gul, dipukul dan dikurung dalam tandas oleh suami dan keluarga mertuanya selama lima bulan selepas enggan bekerja sebagai pelacur. Sewaktu diselamatkan sekumpulan aktivis di kediaman mertuanya di utara Baghlan, Sahar ditemui dalam keadaan cedera parah di seluruh badan. Menurut polis, selain dipukul, rambutnya direntap, kukunya dicabut dan dikurung di dalam tandas di bawah tanah tanpa makanan dan minuman untuk hidup."Suami dan keluarga mertuanya turut mencederakannya dengan puntung rokok dan lidahnya dikerat dengan playar," kata jurucakap polis Baghlan. Kes berkenaan turut mendapat perhatian pemimpin Afghanistan, Presiden Hamid Karzai yang menggesa hukuman dikenakan ke atas di pelakunya. Ketua hal ehwal wanita Baghlan, Rahima Zarifi berkata kepada Reuters, Sahar yang berasal dari wilayah Badakhshan telah dikahwin dengan suspek pertengahan Mei 2011 dan telah dipaksa menjadi pelacur bagi mendapatkan wang untuk keluarga mertuanya. Sementara itu, polis kanan Baghlan, Mohammad Zia, mengesahkan ibu mertua dan kakak ipar Sahar telah ditahan, tetapi membebaskan suami dan bapa mertuanya.

(Mohd Wan,2012)

Contoh kes di bawah merupakan kes yang berlaku di Pakistan, iaitu kes *Malala Yousafzai*, gadis ditembak Taliban kerana memperjuangkan pendidikan bagi kaum wanita di Pakistan dan akhirnya berjaya diselamatkan.

Gadis dan pelajar sekolah menengah berusia 15 tahun, Malala Yousafzai yang memperjuangkan pendidikan kepada golongan wanita ditembak oleh Taliban sewaktu dalam perjalanan pulang dari sekolah di Pakistan pada 9 Oktober lalu. Serangan mengejut terhadap Malala yang juga aktivis paling dikehendaki Taliban

itu mendapat liputan penuh media dunia sekali gus mencetuskan bantahan besar-besaran seluruh negara. Beberapa pemimpin berpengaruh dunia termasuk Britain menghulurkan bantuan ke atas Malala dengan memberikan rawatan membuang peluru di kepalanya. Kini, Malala yang juga simbol keberanian dan beribu-ribu pembaca yang mengikuti kisahnya itu menandatangani petisyen meminta remaja itu dianugerahkan Hadiah Keamanan Nobel. Bercakap bagi pihak gadis itu, bapanya, Ziauddin Yousafzai berkata, anaknya yang mesra dipanggil Malala mahu berterima kasih kepada semua pihak yang mendoakan kesihatannya kerana membantu dia untuk terus kuat. Kejadian tersebut menarik perhatian dunia dan Taliban menerusi laman webnya berikrar akan melancarkan serangan lagi sekiranya Malala masih hidup. Dalam satu kenyataan yang dikeluarkan Yayasan Amanah NHS, Hospital Universiti Birmingham, Yousafzai berkata, Malala mahu memberitahu kepada semua bagaimana dirinya sangat bertuah kerana seluruh dunia mendoakan penyembuhannya.

(Mohd Wan, 2012)

Kes artikel di bawah berlaku di India, iaitu kes pelajar perubatan mati dirogol oleh kumpulan lelaki di dalam bas. Kejadian ini menyebabkan mangsa mengalami kecederaan teruk pada bahagian dalaman badan dan akhirnya membawa maut.

Seorang pelajar perubatan sebuah kolej di India, yang cedera parah selepas diperkosa beramai-ramai di New Delhi dan diterbangkan ke Singapura untuk rawatan, meninggal dunia pada Sabtu lalu. Wanita berusia 23 tahun itu, yang mana serangannya dalam sebuah bas menimbulkan bantahan di seluruh India, meninggal dunia 4.45 pagi (waktu tempatan) di Hospital Mount Elizabeth di mana beliau dimasukkan untuk rawatan pada Khamis lalu. Pelajar itu dipindahkan dari Hospital Safdarjung di tengah Delhi ke Hospital Medanta di Gurgaon, berdekatan dengan lapangan terbang bandar itu, sebelum diterbangkan ke Singapura. Menurut sumber, sewaktu kejadian mangsa bersama teman lelaki yang pulang dari menonton wayang dengan menaiki bas, diserang enam lelaki. Suspek memukul mangsa dan teman lelakinya dengan batang besi dan merogolnya secara bergilir-gilir. Laporan perubatan mendedahkan, mangsa mengalami kecederaan teruk pada bahagian dalaman badan dan suspek dipercayai menggunakan batang besi sebagai alat memperkosa mangsa. Selepas merogol mangsa selama sejam, dia dan teman lelakinya dicampak keluar.

(Mohd Wan, 2012)

Ketiga-tiga artikel *Sinar Harian* di atas memperlihatkan kekejaman ke atas kaum wanita di mana kaum mereka ditindas dan dihina oleh masyarakat. Jika dilihat keadaan wanita diperlakukan zaman moden ini, saling tidak tumpah tindakan

masyarakat yang jahil di tamadun Rom, dan Yunani . Wanita dijadikan objek pemuas nafsu semata-mata dan tidak diiktiraf haknya sama sekali.

Masyarakat Eskimo di Alaska Utara dan Amerika Syarikat meminjamkan isteri kepada teman-teman yang menjadi tetamu, dan juga menukar isteri-isteri mereka mengikut selera serta kaum wanita dijadikan sebagai hadiah kepada ketua-ketua tanpa kata persetujuan daripada kaum wanita itu sendiri (Azizah Kassim,1985,p.123). Tindakan sebegini terhadap kaum wanita sangat kejam dan bercanggahan dengan agama, nilai dan norma budaya masyarakat timur.

Gerakan feminisme bermula pada abad ke-18 di Barat yang memperlihatkan suara wanita memperjuangkan dan menuntut hak yang sama rata antara wanita dengan lelaki. Hal ini bermakna kaum wanita perlu berusaha untuk menolak daripada dieksploitasi dan diperalatkan oleh kaum lelaki (Hannam,2007,p.6).Gerakan feminisme bertujuan untuk mengubah persepsi sendiri wanita, iaitu setiap wanita bebas untuk mencapai aspirasi sendiri. Pengkritik feminisme melihat banyak karya wanita yang tercacir daripada sejarah kritikan kerana kebanyakan karya didominasi oleh kaum lelaki. Teori sastera feminis menyelidiki semula teks sastera bagi melihat imej wanita di dalamnya dan memberikan tempat yang sewajarnya.

Kesedaran feminisme semakin menyerlah melalui tulisan Mary Wollstonecraft berjudul *A Vindication of the Rights of Women (1792)* pada abad ke-18 yang merumuskan kaum wanita bergantung kepada lelaki disebabkan faktor psikologi dan ekonomi. Kesedaran ini diikuti dengan kemunculan tulisan-tulisan yang membincangkan penglibatan pengarang wanita dalam penulisan kreatif, iaitu termasuk *The Lady Novelists (1852)* oleh George Henry Lewes, *The Subjection of Women (1869)* oleh John Stuart Mill, "*Women and Creativiti*" (1971) oleh Cynthia Ozik dan paling penting tulisan oleh Virginia Woolf, iaitu *A Room of One's Own (1927)*.

Pada era 1970-an, muncul beberapa kajian utama tentang pengarang wanita, iaitu; *Literary Women* (1976) oleh Ellen Moers, *A Literature of Their Own* (1977) oleh Elaine Showalter, dan *The Madwomen in the Attic* (1979) oleh Sandra Gilbert dan Susan Gubar. Dalam buku-buku tersebut mereka merumuskan dua perkataan utama, iaitu pendekatan baru meneliti karya sastera wanita dan juga mengkaji serta menggambarkan corak puitika sastera wanita pada abad ke-19 dan ke-20 melalui novel-novel wanita inggeris. (Nor Azlia Mat Jaafar, 2009, p.30-31).

Kehadiran pengkritik feminis dalam sastera adalah untuk membetulkan persepsi lelaki yang sering menganggap wanita sebagai objek atau simbol dalam karya sastera mereka. Pengkritikan terhadap teks sastera wanita perlu dinilai dari perspektif wanita itu sendiri. Oleh itu, teori dan metodologi penelitian yang sedia ada perlu dianalisis semula dengan menggunakan perspektif baru iaitu feminis.

Menurut Toril Moi (1989, p.35), Elaine Showalter merupakan salah seorang tokoh kritikan feminis yang membahagikan kritikan feminis kepada dua bahagian, iaitu Kritik Feminis (*Feminist Critique*) dan Ginokritik. Pertama, *Feminist Critique* ialah kritikan yang menumpukan perhatian kepada kaum wanita sebagai pembaca serta pengguna karya yang dihasilkan oleh kaum lelaki dan wanita dalam gaya penulisan lelaki. *Feminist Critique* juga mengkaji bagaimana citra perempuan dalam kesusasteraan ditonjolkan dengan menggunakan ciri-ciri stereotaip tentang perempuan dan mencerminkan kerumitan jiwa perempuan, tetapi lebih mendedahkan mekanisme bela diri kaum lelaki. Manakala Ginokritik ialah, perempuan sebagai penulis, iaitu perempuan sebagai penghasil maksud tekstual. Ia mengalih perhatian kepada sejarah, tema, genre, struktur dan karya yang ditulis oleh kaum perempuan.

Pengkaji menggunakan pendekatan Kritik Feminis untuk mengkaji novel "*Asam Pedas untuk Dia*" dan "*Ombak Rindu*". Kedua-dua novel ini dikarang oleh penulis wanita tetapi dalam sudut pandangan lelaki.

2.3 Pengenalan Ginokritik dan Kritik Feminis (Feminist Criticque)

Tugas seorang feminis ialah membelakan hak-hak golongan hawa dan juga mempertingkatkan kaum hawa ini sebagai tumpuan utama dalam setiap persepsi. Golongan feminis yang memperjuangkan aliran feminisme ini tidak mempunyai satu definisi yang mutlak serta bergantung kepada kelas dan bangsa.

Menurut Maggie Hmmm (1989,p.75), beliau menyimpulkan bahawa kesedaran adalah bergantung pada wanita itu sendiri yang mempunyai kesedaran dan pengetahuan tentang golongannya sendiri yang ditindas serta mengetahui tentang perbezaan dan persamaan yang dialami oleh wanita melalui pernyataan "*a feminist is a woman who recognized by others, as a feminist*".

"*Feminist Criticism in the Wilderness*" merupakan salah satu esei yang digunakan oleh Elaine Showalter (1988,p.268) untuk memperjuangkan hak wanita. Elaine Showalter memperkenalkan dua pendekatan dalam kritikan feminis, iaitu Kritik Feminis (*Feminist Criticque*) dan Ginokritik (*Gynocritique*) (Norhayati AbRahman, 2005,p.122).

2.4 Pendekatan Ginokritik

Menurut Showalter dalam artikel yang bertajuk "*Feminist Criticism in the Wilderness*", Ginokritik ialah teori yang memberi fokus kepada wanita sebagai pengarang. Wanita berfungsi sebagai penyampai makna teks, di mana semua persoalan sejarah, tema, genre, dan struktur penulisan ditentukan sepenuhnya oleh pengarang wanita dan juga mengkaji perkembangan yang berlaku dalam tradisi sastera wanita, yang sebelum ini diabaikan.

'Is the study of woman as writers - and its subjects are the history, styles, themes, genres, and structures of writing by women; the psychodynamics of female creativity; the trajectory of the individual or collective female career; and the evolution and laws of a female literary tradition.'

(Showalter, 1982,p.14-15)

Aspek biologi, psikologi, Bahasa dan budaya mempengaruhi proses penulisan wanita dalam pendekatan Ginokritik. Terdapat dua tujuan bagi pendekatan Ginokritik. Antaranya ialah untuk membebaskan diri wanita daripada sejarah yang sering ditakluki sepenuhnya oleh kaum lelaki, serta mencuba untuk menyesuaikan wanita dengan landasan tradisi lelaki. Tujuan keduanya ialah untuk memfokuskan kepada perkara-perkara baru dari dunia budaya wanita, khususnya mencuba untuk melihat ke dalam imaginasi wanita, untuk melihat apakah perbezaan yang terdapat dalam penulisan wanita, yang boleh menghasilkan bentuk-bentuk eksperimental (Norhayati Ab Rahman, 2005, p.122).

Showalter mula mendapat inspirasi daripada petikan tulisan Virginia Woolf (1957) dan Helene Cixous (1976) untuk kemunculan Teori Ginokritik. Tulisan mereka membincangkan konsep dan ciri-ciri feminin pada penulisan wanita. Teori ini bermula dengan soal definisi istilah feminin, hingga Showalter telah membahas dan membincangkannya dari sudut sejarah perkembangan penulisan dan kritikan oleh wanita.

Kaum wanita telah memperlihatkan dan peningkatan yang baik dalam hidup termasuk dalam karya. Wanita sering dikategorikan sebagai insan yang bersifat yang emosional, tetapi mereka merupakan insan yang berintelektual, berpolitik serta berwawasan. Kesedaran ini memerlukan satu teori dan kaedah penelitian yang baru dan yang lebih sesuai. Hal ini, menjadi landasan bagi kemunculan Teori Ginokritik yang memperjuangkan hak-hak wanita dalam semua aspek termasuk karya sastera (Norhayati Ab Rahman, 2005, p.123).

2.5 Pendekatan Kritik Feminis (Feminist Criticque)

Pengkaji memilih pendekatan satu lagi iaitu Kritik Feminis (*Feminist Criticque*) yang telah diperkenalkan oleh Showalter juga. Berdasarkan Showalter, Kritik Feminis ialah

pengarang lelaki didapati cenderung untuk memberi gambaran yang “tidak tepat” mengenai wanita. Ketidaktepatan itu berlaku dikaitkan dengan salah tafsir tentang wanita oleh pengarang lelaki.

“It’s is concerned with the feminist as reader, and it offers feminist readings of texts which consider the images and stereotypes of women in literature, the omissions and misconception about women in criticism, and woman-as-sign in semiotic system”

(Showalter, 1982,p.12)

Kritikan Feminis lahir apabila kaum hawa mula diperkecil-kecilkan melalui paparan watak-watak dalam karya oleh pengarang lelaki. KritikFeminis membantu untuk melihat bagaimana kaum hawa diperlakukan dalam karya yang dihasilkan oleh kaum adam. Kemunculan pengkritik feminis dilihat bertujuan mendekonstruksi cara melihat wanita mengikut pandangan lelaki (NorAzlia Mat Jaafar,2009,p.28). Malahan, *Feminist Critique* juga mengkaji semula usaha pengkritik sastera dalam mengemukakan ciri-ciri salah anggap kritikan sastera tentang watak perempuan. Selain itu *Feminist Critique* juga menganalisis perempuan yang dieksploitasi dan dimanipulasikan, terutama dalam media popular.

Kritik Feminis menunjukkan bahawa karya sastera yang dihasilkan oleh pengarang lelaki cenderung untuk menggambarkan wanita dengan imej yang stereotaip, pengalaman wanita dipinggirkan, suara wanita dibisukan, bentuk paparan yang hanya menyerlahkan *Male-centredness* (Kate Millett,1970,p.28).

Wanita dijadikan sebagai objek perbincangan lelaki dengan berbagai-bagai cara dan matlamat. Wanita juga telah dijadikan sebagai pembayang maksud dalam menyampaikan makna tersurat dan tersirat dalam pemikiran lelaki. Justeru, wanita dikatakan tidak memperolehi sebarang faedah daripadanya kerana pengalaman sebenar wanita tidak diketengahkan, sebaliknya hanya menunjukkan wanita masih

berada dalam *muted group* dan sekaligus menyerlahkan *the domination of men, and the subordination of women* (Ellmann Mary,1792,p.30).

Dalam membahaskan definisi dan konsep Kritik Feminis yang disebut oleh Showalter, Mary Ellaman (1986,p.189) memperihalkan pemikiran tentang wanita oleh kebanyakan pengarang lelaki ataupun wanita yang terikut-ikut dengan cara penulisan lelaki. Secara umumnya, watak wanita akan dirumuskan dengan menggunakan ciri-ciri seperti tidak berbentuk (*formless*), tidak stabil (*unstable*), soleh (*pious*), materialistik, rohani (*spiritual*), pasif (*passive*), tidak rasional (*irational*), akur dan patuh (*compliant*) serta terbatas (*confined*). Gambaran wanita yang dilukiskan oleh pengarang lelaki adalah berdasarkan tanggapan, nilai, cita rasa dan pengalaman lelaki, bukannya imej sebenar wanita atau berdasarkan pengalaman sebenar mereka (Nor Azlia Mat Jaafar,2009,p.16).

2.6 Penjelasan bagi ciri-ciri Stereotaip

“Formless”- *“Formless”* bermaksud “tidak berbentuk”. Aspek ini menunjukkan bahawa kaum wanita merupakan kaum yang mempunyai persepsi atau pandangan dan pendirian yang tidak teguh atau tidak jelas. (Siti Raihani,2016,p.89)

“Unstable” - *“Unstable”* didefinisikan sebagai tidak stabil atau tidak berpandangan tetap. Hal ini menunjukkan bahawa kaum wanita tidak mempunyai prinsip dan mudah mengubah pemikiran mereka. Pemikiran mereka mudah dikawal oleh orang lain serta situasi ini menjuruskan kaum wanita untuk tidak mengendalikan sesuatu urusan penting. (Siti Raihani,2016,p.89)

“Passive”-Wanita berperanan sebagai watak yang tidak memainkan peranan penting dalam mengawal situasi dan juga dalam menggerakkan jalan cerita. Hal ini kerana, kaum wanita sering kali bergantung dengan kaum lelaki seperti hamba kepada mereka. Segala keputusan akan diambil oleh kaum lelaki dan akan dituruti oleh kaum wanita. (Siti Raihani,2016,p.89)

“*Confined*”- Perkataan ini merujuk kepada golongan yang tidak berfikiran terbuka. Secara langsung ia merumuskan bahawa golongan yang berfikiran cetek. Golongan yang berpemikiran seperti ini tidak akan menerima sebarang perubahan yang berlaku sekeliling mereka. Hal ini kerana, mereka takut untuk keluar daripada zon selesa untuk bersemuka dengan kesulitan-kesulitan duniawi. “*Confined*” boleh disimpulkan sebagai kolot dan sifat yang tidak akan maju. (Siti Raihani,2016,p.102)

“*Pious*”- “*Pious*”bermaksud manusia yang solehah. Manusia yang solehah akan menyerahkan segala-galanya kepada takdir dan redha dengan kesulitan yang dihadapi dalam kehidupan. Hal ini membawa maksud watak wanita adalah lemah dan tidak berusaha untuk mengubah nasib lalu redha dengan takdir. (Siti Raihani,2016,p.100)

“*Materialistic*”- Sifat wanita yang mementingkan harta. Secara umumnya, semua manusia di muka bumi ini dipengaruhi dengan sifat materialistik masing-masing. Manusia sanggup berbuat apa saja bagi memuaskan nafsu dan keinginan kebendaan. Segelintir berjaya mengawal diri dan ada juga yang tewas dengan desakan nafsu. Cuma atas kebijaksanaan masing-masing sifat materialistik dapat dikawal (Siti Meriam Yacob,2010,p.153). Artikel Utusan Online mengukuhkan pendapat masyarakat terhadap wanita yang bersikap materialistik. Artikel di bawah bertajuk “Materialistik, pergaulan bebas punca curang” yang diterbitkan pada 21 September 2015.

KUALA LUMPUR 20 September – Gaya hidup moden, mewah, serta terdedah kepada pergaulan bebas ada kalanya menyebabkan sebuah ikatan perkahwinan yang dibina atas dasar cinta, kasih dan sayang runtuh begitu sahaja.

Menurut Perunding Keluarga di Zura’s Akademik, Faizan Mohd. Nor, peningkatan kes curang saban tahun dalam kalangan wanita dilihat mempunyai hubung kait dengan sikap materialistik masyarakat yang memiliki keinginan menjalani gaya hidup mewah.

Katanya, apabila kehendak dalam kehidupan menjangkau tanggungjawab dan amanah yang harus dipikul boleh menimbulkan krisis rumah tangga hingga berlaku kecurangan dalam perkahwinan.

(Rohana,2015)

“Spritual”- *“Spritual”* bermaksud rohani. Kerohanian atau rohani merujuk kepada perkara-perkara yang berkaitan dengan roh. Walaupun begitu, da rohani selalu dikaitkan dengan perasaan dalaman manusia yang melibatkan emosi sendiri. *Spritual* merujuk kepada perlukisan watak wanita yang sering berkaitan dengan hal-hal spiritual dan bukan kenyataan. Wanita yang mempercayai amalan bomoh dan berusaha untuk mencapai sesuatu yang diimpikan. (Siti Raihani,2016,p.100)

“Irrational”- sikap wanita yang melakukan sebarang kerja yang tidak rasional ataupun munasabah. Mereka akan melakukan hanya untuk mencapai motif dan juga kemahuan kaum lelaki. (Siti Raihani,2016,p.100)

“Compliant”- Ciri ini selalunya diperlihatkan oleh watak wanita. Wanitalah insan yang sering bersedia untuk mengikut jejak orang lain. Jadi, hal ini menjadi kelemahan bagi kaum wanita yang menyebabkan wanita tidak dapat diharapkan. (Siti Raihani,2016,p.102)

“Shrew”- Sifat yang suka berleter dan juga sering merungut serta cepat marah. Isteri dan juga ibu yang sering mempunyai perwatakan seperti panas baran dan agresif.

“Witch” -Watak wanita yang keras hati dan suka menyakitkan hati orang lain. Sifat ini tertonjol melalui watak wanita penghibur, yang tergamak merampas suami orang serta meruntuhkan rumahtangga orang lain. (Siti Raihani,2016,p.102)

Pengkaji menggunakan ciri-ciri stereotaip yang terdapat di atas untuk mengkaji novel *“Asam Pedas Untuk Dia”* dan juga *“ Ombak Rindu”* bagi mengkaji pandangan seorang lelaki terhadap wanita dalam muka bumi ini. Menurut Millet (1970,p.44), beliau membuat ulasan terhadap beberapa karya penulis lelaki bahawa watak wanita sering dijadikan sebagai watak wanita *“diperbudak”* dan *“ diperbodohkan”* oleh kaum lelaki dalam banyak aspek. Bagi kaum lelaki, wanita selalu dibayangkan sebagai objek pemuas nafsu rakus lelaki, mangsa deraan, dibunuh, dan juga sering dikuasai oleh lelaki.

BAB 3 : CIRI-CIRI STEREOTAIP WANITA

3.1 Pengenalan

Bab ini menjelaskan sinopsis bagi dua buah novel dan juga menerangkan tentang ciri-ciri stereotaip wanita yang terdapat dalam novel *Asam Pedas untuk Dia* dan *Ombak Rindu*.

3.2 Sinopsis Novel “Asam Pedas untuk Dia”

Novel ini mengisahkan tentang kehidupan seorang ibu tunggal muda balu yang bekerja sebagai pembantu rumah di sebuah rumah orang berada yang terletak di Puchong. Disebabkan perasaan simpati anak majikannya, Ziyad membantu Ainin (ibu tunggal) untuk meringankan bebannya dengan membayar hutang bayaran sewa rumah yang sudah tertunggak selama lima bulan. Ainin tidak mahu berhutang budi dengan majikannya dan memulangkan wang bantuannya yang sebanyak RM 5 ribu. Perbuatan Ainin yang tidak mahu menerima bantuannya, membuatkan Ziyad mengambil keputusan untuk bernikah dengan Ainin tanpa diketahui oleh Umi dan Abahnya serta bakal tunangnya Shafinaz.

Perkahwinan selama enam bulan dilalui dengan penuh cabaran. Terbitlah rasa rindu, kasih dan sayang sehinggakan Ainin mengandungkan benih Ziyad. Ziyad yang bakal mendirikan rumah tangga bersama Shafinaz menyebabkan Ainin berasa hiba apabila dia bakal dimadukan. Hati Ainin tidak ingin dimadukan, namun terpaksa hanya kerana suatu perjanjian antara dia dan suaminya. Akan tetapi, Ziyad merasakan cinta dan kasihnya terhadap Shafinaz kian berubah sehinggakan pada hari pertunangannya dia berasa berat dan menyesal kerana tidak membantah untuk bertunang. Pada suatu hari Ainin pengsan di rumah Umi Ziyad. Hal ini mencetuskan suatu persoalan, iaitu anak siapakah yang berada dalam perut Ainin. Ainin yang selama ini dipandang tinggi oleh

keluarga majikannya, sekarang menjadi seorang yang hina di mata semua pihak terutamanya Zarul, adik Ziyad yang menyimpan perasaan cinta terhadapnya.

Oleh kerana Ziyad tidak mahu isterinya dimalukan dan rahsia mereka terbongkar. Ziyad mengambil keputusan untuk menghantar Ainin dan keluarganya ke Tanjung Karang di rumah banglo mereka Vila Cinta Pertama. Kebetulan abang sepupu arwah Hairi berkahwin di Kuala Kangsar. Jadi, Ainin bercadang untuk mengikut Iqram ke Kuala Kangsar. Ziyad pula, yang sudah berjanji menghantar Ainin ke Tanjung Karang naik berang apabila isteri, anak tirinya dan emak mertuanya tidak berada di rumah.

Ziyad mencari Ainin bagaikan separuh gila. Dia mencari Ainin di rumah kakak iparnya Kak Anida, di Muar. Namun isterinya tidak kelihatan. Akibat rasa bersalah, Ziyad memutuskan untuk memberitahu keluarganya bahawa dia telah menikahi Ainin enam bulan lepas atas kerana simpati dan telah menyemai rasa cinta terhadap pembantu rumahnya. Ziyad memutuskan tali pertunangan dia dengan Shafinaz. Penerimaan keluarga Ziyad kepada Ainin amatlah disenangi kerana keluarga itu sememangnya suka dan senang dengan Ainin. Ziyad berjaya menjejaki Ainin dan keluarganya setelah mengetahui di mana Ainin berada melalui pak cik di sebuah kedai makan, di mana Ainin selalu menghantar nasi lemak dan kuih koci pulut hitam.

Kisah ini berakhir apabila Ainin selamat melahirkan anak lelakinya bersama dengan suami tercinta, Ziyad. Manakala Shafinaz pula berkahwin dengan Khairil Anwar iaitu anak sahabat mamanya.

3.3 Sinopsis Novel “Ombak Rindu”

Novel ini mengisahkan tentang kehidupan seorang gadis yang bernama Izzah. Izzah ialah seorang gadis yatim piatu yang kematian ibu dan ayah akibat kemalangan jalan raya. Justeru, ayah saudaranya Taha, mengambil tugas memelihara Izzah. Izzah terpaksa

tinggal bersama dengan bapa saudaranya. Isteri Taha iaitu Hajar cukup tidak senang dengan kehadiran Izzah dan menuduh Izzah sebagai pembawa sial bagi keluarganya.

Pak Ciknya Taha, seorang kaki judi dan juga suka berhutang. Disebabkan kesempitan wang, dia sanggup menjual Izzah kepada seorang tauke kelab malam. Izzah terpaksa mengikut kehendak ayah saudaranya walaupun hatinya meronta. Namun, sebagai wanita, dia pasrah.

Pada suatu hari, tauke kelab malam tersebut menjual Izzah kepada seorang pelanggan yang bernama Hariz. Tauke kelab malam tersebut memberi minuman yang ada campuran pil khayal kepada Izzah. Izzah telah minum jus tersebut dan berada dalam keadaan yang tidak sedar diri. Buat pertama kali, Izzah telah dinodai oleh seorang lelaki yang bernama Hariz tanpa persetujuannya. Pada keesokan harinya, Izzah meronta-ronta dengan Hariz kerana dia telah kehilangan mahkotanya sebagai seorang wanita tanpa sebarang ikatan sah.

Izzah merayu kepada Hariz supaya menikahinya untuk menghalalkan perbuatan mereka. Hariz berasa kesian melihat keadaan Izzah dan bersetuju untuk 'membeli' Izzah dengan harga yang mahal daripada tauke kelab itu dan mahu membawanya keluar dari neraka jahanam. Atas dasar simpati, Hariz bersetuju mengahwini Izzah tetapi dengan beberapa syarat. Antara syaratnya ialah, perkahwinan ini mesti dirahsiakan daripada Datuk Suffiah iaitu ibunya. Hariz menyembunyikan hubungannya dengan Izzah tetapi dia kerap menjenguk Izzah dan menuntut haknya sebagai suami. Bagi pandangan mata segelintir orang, Izzah dianggap sebagai perempuan simpanan Hariz.

Tanpa disedari, perasaan sayang terhadap Hariz mula berputik di hati Izzah. Namun, Hariz dipaksa mengahwini Mila Amylia. Kehadiran Mila Amylia, anak Tan Sri Rashdan, model dan pelakon terkenal akhirnya menggugat cinta Izzah yang mula berputik terhadap Hariz. Akhirnya, Hariz berkahwin juga dengan Mila atas sebab-sebab tertentu. Hariz tidak mahu menikahi Mila kerana Hariz telah menemui ratu hatinya iaitu

Izzah. Walau bagaimanapun, Hariz kemudian terpaksa menikahi Mila kawan zaman persekolahannya setelah didesak oleh Datuk Sufiah dan Mila yang amat mencintainya.

Semasa Hariz koma di hospital akibat kemalangan jalan raya, Datuk Sufiah telah menghalau Izzah keluar dari banglo Hariz dan merampas telefon bimbit Izzah. Setelah keluar dari hospital, Datuk Sufiah memberitahu Hariz bahawa Izzah telah mempunyai hubungan dengan lelaki lain. Hariz yang berasa marah telah memberitahu Izzah bahawa dia tidak akan menceraikannya selama-lamanya sebagai hukuman bagi Izzah. Hal ini telah dinyatakan olehnya semasa dia terserempak Izzah di rumah pak Dollah, pemandu keluarga Datuk Sufiah. Izzah kemudian kembali ke kampungnya.

Pak Dollah yang marah dengan Datuk Sufiah telah memecahkan rahsia bahawa Hariz ialah anaknya yang telah diserahkan kepada suami Datuk Sufiah untuk dijadikan anak angkat serta memberitahu Hariz bahawa Izzah tidak bersalah. Hariz yang menyesal dan amat rindu akan Izzah telah pergi ke kampung Izzah untuk memujuknya supaya kembali kepangkuannya. Akhirnya, Mila datang ke kampung Izzah untuk menuntut cerai daripada Hariz.

3.4 Ciri-ciri Stereotaip Wanita.

Menurut Showalter, penulis wanita dianggap sebagai pembaca teks yang dihasilkan sama ada oleh pengarang lelaki ataupun wanita yang terikut-ikut dengan cara penulisan lelaki. Secara umumnya, penulis wanita yang terikut-ikut dengan cara penulisan lelaki, akhirnya akan merumus wanita dengan menggunakan ciri-ciri stereotaip seperti tidak berbentuk (*formless*), tidak stabil (*unstable*), soleh (*pious*), materialistik, rohani (*spiritual*), pasif (*passive*), tidak rasional (*irrational*), akur dan patuh (*compliant*), suka membebel (*shrew*), tidak menjaga hati (*witch*) serta terbatas (*confined*). Walaupun, karya yang dipilih untuk membuat kajian dikarang oleh seorang penulis wanita, beliau juga terikut-ikut dengan gaya lelaki dalam soal merumuskan tentang kaum Hawa (Nor

Azlia Mat Jaafar,2009,p.16-17). Dalam Teori Feminisme terdapat sebelas ciri stereotaip yang selalu digunakan oleh penulis untuk memperlihatkan wanita dalam karya-karya mereka. Dalam novel ini, penulis menggunakan beberapa ciri stereotaip untuk menggambarkan wanita melalui persepsi lelaki.

3.4.1 Patuh dan akur (*Compliant*)

Ciri pertama ialah patuh dan akur. Patuh dan akur bermaksud walaupun tidak begitu setuju dengan pendapat seseorang, tetapi patuh dan akur dengan perintahnya dalam keadaan terpaksa. Dalam karya ini, Ainin terpaksa patuh dan akur dengan suaminya Ziyad. Keadaan ini berlaku apabila anak Ainin tidak sihat dan suaminya Ziyad pula mengajak untuk membawa anaknya ke klinik padahal anaknya semakin sembuh. Walaupun perkara ini diketahui oleh suaminya tetapi dia memaksa isterinya untuk keluar bersamanya semata-mata untuk melepaskan rindunya pada Ainin dengan alasan membawa Arisha ke klinik. Akhirnya, Ainin akur dengan keputusan suaminya.

“Nak keluar beli ubat Arisha, kenapa pula kena pakai cantik-cantik? Mencerlung tajam mata Ainin merenung wajah Ziyad yang sudah tersengih-sengih. Nampak ceria semacam. Tadi bukan main Ziyad risaukan Arisha. Sekarang hal Arisha sudah selesai, Ziyad sibuk pula mengajaknya keluar. Apa halnya? “Hmm....ikut sajalah apa kata Ziyad. Sudah namanya suami. Segala perintahnya harus ditaati jika tidak mahu menanggung dosa.”

(Nureen Mirza,2012,p.181)

Contoh lain yang menunjukkan ciri patuh dan akur ialah apabila Ziyad menuntut haknya sebagai suami kepada Ainin dan akhirnya Ainin terpaksa akur atas dasar faktor agama dan juga paksaan suaminya. Menurut Surah An-Nisa ayat 34, kaum Adam merupakan pemimpin dan pembimbing serta bertanggungjawab terhadap kaum Hawa. Maka kaum Adam merupakan golongan yang telah dilebihkan oleh Allah dengan beberapa keistimewaan atas kaum Hawa. Kaum Hawa yang soleh ialah seorang insan yang taat akan Allah dan suami serta memelihara kehormatan diri dalam apa jua

keadaan. Bagi perempuan-perempuan yang melakukan tindakan derhaka (nusyuz) hendaklah menasihati mereka, jika mereka berdegil pulaukanlah mereka di tempat tidur. Jika mereka masih berdegil lagi pukullah mereka dengan pukulan ringan yang bertujuan mengajar mereka. Kemudian jika mereka taat kepada kamu, maka janganlah kamu mencari-cari jalan untuk menyusahkan mereka. Sesungguhnya Allah Maha Tinggi, lagi Maha Besar (Muhammad Imran, 1998, p.56).

Pada mulanya, Ziyad memberitahu Ainin bahawa dia tidak akan menuntut hak suaminya, hal ini yang menyebabkan Ainin menikahinya tetapi kini keadaan menjadi sebalik. Setelah berunding, Ainin patuh dan akur kepada tuntutan suaminya apabila suaminya mengungkitkan tentang soal dosa-dosa dan juga pintu neraka yang akan menunggunya jika tidak patuh dan akur dengan suaminya.

Awak sanggup tanggung dosa? Nak masuk Neraka? Tak cium bau syurga isteri yang ingkar perintah suaminya. Buatnya awak meninggal semasa berkeras membantah kehendak saya, macam mana? Awak nak kena seksa dalam kubur nanti?" Ziyad mula menakut-nakutkan Ainin. Terdiam Ainin dengan ugutan Ziyad. Wajah yang tegang jadi kendur kerana ketakutan membayangkan azab diseksa Malaikat Raqib dan Atid di alam barzakh.

(Nureen Mirza, 2012, p.190)

Situasi dialog di bawah yang menunjukkan si isteri patuh dan akur dengan kehendak si suaminya.

"Ainin terdiam. Melihat muka Ziyad yang serius, dia mati akal mahu membantah cakap lelaki itu. Makan pil itu, Ainin. Kalau dah habis ubat tu, cepat-cepat beritahu saya. Jangan awak diam aja. Ingat, Ainin...hujung minggu ni saya nak bawa awak pergi honeymoon. Sepanjang kita kahwin, kita belum pernah pergi honeymoon, kan? Ainin tidak membalas. Terus hilang daya mahu membantah kata-kata Ziyad.

(Nureen Mirza, 2012, p.191)

Ainin dipaksa memakan "pilperancang" oleh Ziyad kerana khuatir Aini akan mengandung. Hal ini kerana perkahwinan ini tidak diketahui oleh sesiapa pun. Ainin sendiri terpaksa memakan pil tersebut tanpa kerelaan hatinya. Hal ini

menyebabkan Ainin terpaksa akur dengan kehendak Ziyad. Begitu jugadengan kehendak Ziyad hendak membawaAinin honeymoon juga tidak dipersetujui olehAinin tetapi terpaksa akur dengan kehendakZiyad.

Ainin kerap menjadi mangsa penindasan suaminya. Mangsa penindasan merujuk kepada watak wanita yang dipaksa oleh pihak tertentu untuk melakukan perkara-perkara yang tidak direla oleh watak tersebut lebih-lebih lagi menjadi objek seks. Dalam situasi sebegini, orang yang menekan atau mengugut wanita itu ialah suami sendiri. Kaum suami menjadi pihak berkuasa ke atas isteri dan membuat isteri mereka akur dan patuh kepada arahan mereka tanpa mementingkan isi hati kaum wanita. Wanita di sini, tidak berhak ke atas diri mereka dan boleh diperalatkan, meskipun dalam Islam suami merupakan pelindung kepada isterinya.

Situasi lain yang menunjukkan ciri akur dan patuh ialah apabila ibu Ainin (Mak Ipah) memberi nasihat kepada anaknya untuk menjaga diri semasa bekerja di rumah orang sebagai pembantu rumah. Mak Ipah takut untuk menghantar anaknya bekerja di rumah orang kaya kerana pada pandangannya orang kaya selalu suka mendiskriminasikan orang miskin. Ainin pula, mengiyakan nasihat ibunya sebagai tanda akur dengan nasihatnya. Senario ini menunjukkan ciri akur dan patuh:-

“Mak tak kisah, Ainin. Kerjalah kat mana pun, asalkan Ainin pandai jaga diri,” pesan Mak Ipah sayu. Tidak memandang langsung muka Ainin. Ainin hanya mengangguk, tanda akur dengan nasihat emak sambil mencium pipi Arisha bertalu-talu.

(Nureen Mirza,2012,p.4)

Selain itu, apabila Ziyad mengajak Ainin untuk berkahwin secara senyap semata-mata untuk menolong Ainin untuk keluar dari dunia kemiskinan, Ziyad meletakkan beberapa syarat. Syarat pertama ialah tidak boleh memanggilnya sebagai abang. Kedua, tidak boleh meletakkan kad nikah di dalam dompet. Ketiga, walaupun dia sudah berkahwin, dia tetap bekerja di rumah uminya sebagai pembantu rumah. Keempat, tidak boleh mewarwarkan perkahwinan mereka terutamanya dalam kalangan

keluarga Ziyad. Walaupun hal ini perit bagi Ainin tetapi dia tetap akur dengan arahan suaminya.

“Ada beberapa syarat yang awak kena ikut untuk jadi isteri saya ni, Ainin. Awak dengar betul-betul. Pertama, untuk mengelakkan orang syak kita dah jadi suami isteri, saya awak kekal panggil saya Encik. Ziyad. Kedua, simpan sijil nikah kita tu ditempat yang selamat. Kalau boleh jangan simpan dalam dompet ataupun handbag awak. Ketiga, saya nak awak kekal bekerja di sini sebab umi saya suka sangat pada awak dan dah tak mahu cari pembantu rumah lain. Awak faham semua tu? Tegas suara Ziyad. Ainin mengangguk lagi. “ Kalau dah faham, pergi buat kerja awak. Apa-apa hal nanti saya beritahu,” putus Ziyad kemudian.

(Nureen Mirza,2012,p.114)

Ziyad selalu mengenakan peraturan mengikut zon keselasaannya. Ainin pula sentiasa mengikut kehendak suaminya. Pada suatu hari, Ziyad mengajak Ainin untuk pergi ke Tanjung Karang untuk berbulan madu. Pada awal perkahwinan mereka berdua, Ziyad telah mengenakan beberapa syarat. Antaranya ialah tidak boleh memanggilnya dengan gelaran abang dan juga tidak akan menuntut haknya sebagai suami, tetapi apabila mereka berada di Tanjung Karang Ziyad memaksa Ainin untuk tidak memanggilnya dengan gelaran Encik Ziyad dan juga menuntut haknya dari segi batin. Situasi ini menunjukkan bahawa wanita di sini dijadikan sebagai watak yang tidak harus mempunyai perasaan dan juga pandangan hidup. Segala telunjuk kaum lelaki pula harus dituruti dan dilaksanakan oleh kaum wanita tanpa menanya sebarang persoalan.

“Peraturan pertama, bila kita berdua saja, jangan panggil saya Encik Ziyad. Awak boleh panggil saya Ziyad atau nama lain. Kalau nak panggil saya....abang pun, saya alu-alukan....”Ziyad sudah mula tersenyum-senyum mahu mengenakan Ainin.

“Peraturan kedua, bila berada di rumah ni, saya nak awak buka tudung tu. Saya nak awak tunjukkan rambut awak depan saya. Buat apa nak pakai tudung lagi.....?” Ziyad buat muka serius.

“Yalah, Encik Ziyad!”

“Encik. Ziyad? Awak dah lupa peraturan pertama ke, Ainin?”

“Yalah , a..ba..awak!”jawab Ainin sambal terus berlari masuk ke bilik.

(Nureen Mirza,2012,p.206-207)

Seterusnya, Ziyad juga memberi arahan untuk tidak menghubungi abang Iqram iaitu abang arwah suaminya dan juga tidak melayan adiknya Zarul. Arahan tersebut juga dipatuh oleh Ainin, walaupun dia tidak begitu setuju dengan pendapat suaminya. Bagi Ainin, arahan tersebut menunjukkan bahawa suaminya mencurigakan tingkah lakunya tetapi apakah dayanya untuk mengingkari perintahnya. Dialog di bawah merupakan bukti perbualan antara Ainin dan Ziyad. Ziyad tidak menyenangi kehadiran abang Iqram dan Ainin pula terpaksa kedu dengan keputusan suaminya.

Apa salahnya? Sebelum dia jauh mengharap, lebih baik awak cakap awal-awal yang awak tu dah ada suami. Entah-entah awak sendiri ada simpan perasaan pada dia sebab tu susah sangat nak buka mulut bercerita. Kalau susah sangat biar saya aje beritahu dia”, ugut Ziyad.

“Tapi saya tetap tak suka awak ajak dia datang rumah. Ingat Ainin...awak tu isteri saya. Selagi saya tak izinkan, awak tak boleh jumpa dia . Awak tahu apa hukumannya isteri yang ingkar perintah suami? Berdosa! Dan selagi saya tak ampunkan, awak kekal menanggung dosa tu sampai mati. Awak nak macam tu?” Muka Ziyad merah .

Terkedu Ainin mendengar leteran Ziyad. Diam menikus dia melihat Ziyad marah-marah begitu. Tidak menyangka kerana hal yang dianggapnya remeh, Ziyad meninggikan suara padanya.

(Nureen Mirza,2012,p.199-200)

Ciri stereotaip, iaitu patuh dan akur merupakan salah satu persepsi kuat penulis lelaki ataupun wanita yang mengikut gaya penulisan lelaki terhadap wanita. Bagi mereka, wanita ialah seorang insan yang harus akur dan taat serta patuh kepada segala perintah yang diberikan oleh kaum lelaki. Mereka tidak seharusnya menyuarakan pandangan mereka, malah harus menjadi watak yang bisu dalam karya mahupun dalam kehidupan harian.

Hal ini dapat dilihat dalam situasi di mana, Ziyad berasa geram terhadap Ainin apabila si pembantu rumah tersebut memberi salam dan tidak membuka pintu rumahnya sendiri. Geram Ziyad semakin bertambah apabila dia berasa suara Ainin semakin mencuit gegandang telinganya. Ziyad menegur Ainin dengan cara tidak bermoral. Ainin hanya mendengar dan akur dengan rungutan si Ziyad dengan banyak persoalan dalam hatinya.

“Lain kali tak payah suruh saya buka pintu ni untuk awak. Pagi-pagi macam ni, pintu ni memang jarang berkunci. Kalau berkunci pun, awak kan ada kunci, boleh masuk sendiri?” rungut Ziyad tanpa memandangi muka Ainin. Langkahnya dibawa ke ruang makan. Mahu menyambung menghirup kopi panas yang masih berbaki di dalam cawan.

Terdiam sejenak Ainin mendengar sungutan Ziyad. Apakah nasibnya hari ini? Baru bekerja dua hari sudah kena leter dengan anak majikan, keluhanya di dalam hati dan asyik berfikir mencari salah sendiri. Beri salam pun salahkah? Ataupun Ziyad rasa martabatnya jatuh hanya kerana membukakan pintu untuk orang gaji?

(Nureen Mirza, 2012, p.51)

Penulis yang menulis karya dengan gaya pemikiran lelaki, lazimnya akan menonjolkan watak wanita sebagai insan yang akur dan patuh. Ainin sebagai seorang wanita sentiasa akur dan patuh dengan segala arahan suaminya mahupun majikannya. Walaupun kata-kata yang dikeluarkan oleh majikannya menyinggung perasaan tetapi Ainin tetap akur dan patuh kepadanya. Pada suatu malam, motosikal Ainin rosak ketika Ainin hendak balik ke rumahnya. Ibu Ziyad menyuruh Ziyad untuk menghantar Ainin ke rumahnya. Hal ini tidak disegani oleh Ziyad lalu dia menunjukkan rasa tidak puas hatinya terhadap Ainin dengan merendahkan kedudukan si gadis tersebut. Walaupun kata-katanya memeritkan hati Ainin tetapi dia tetap tidak menunjuk muka lalu akur dan patuh kepadanya.

“Jomlah, saya hantar awak,” ajak Ziyad. Memaniskan muka memandangi Ainin. Ainin mengangguk. Selepas bersalaman dengan Hajah Fauziah, dia menuruti langkah Ziyad hingga ke halaman rumah.

Apasal awak tercegat kat situ? Cepatlah masuk,” arah Ziyad dengan muka masam. Dia ni betul-betul menyusahkan aku! Dah tahu motosikal tu patut dicampak ke kedai besi buruk, masih juga nak ditunggang ke hulu ke hilir. Bila dah rosak, aku juga yang kena tanggung balanya. Hatinya mengomel geram.

“Awak nak suruh saya baiki ke? Minta maaf, saya bukan mekanik. Ataupun awak nak saya hantar motosikal buruk awak ni ke rumah awak? Saya tak kuasa.....” arah Ziyad dengan muka tambah berkerut.

Mendengar nada suara Ziyad sudah berubah lain macam, Ainin tidak jadi mahu meneruskan kata. Pintu kereta dibuka dan dia duduk di sebelah Ziyad.

(Nureen Mirza,2012,p.62-63)

Pada novel pilihan kedua, iaitu *Ombak Rindu*, ciri stereotaip, iaitu patuh dan akur terserlah melalui watak utamanya Izzah. Ciri ini telah digambarkan dengan jelas semasa Izzah diarahkan oleh bapa saudaranya Taha untuk bekerja di kelab malam bagi melangsaikan hutangnya kepada Tauke kelab malam tersebut. Izzah yang tidak bersetuju untuk bekerja di kelab malam, akhirnya terpaksa akur kepada perintah bapa saudaranya yang kejam. Petikan berikut, memperlihatkan sikap Izzah yang akur dengan segala arahan yang diberikan oleh bapa saudaranya. Apabila Taha mengugut bahawa dia akan mencederakan Izzah dengan tali pinggangnya, maka si gadis malang tersebut terpaksa masuk ke dalam bilik untuk bersiap sedia keluar dengan pak ciknya Taha ke kelab malam tanpa sebarang bantahan.

“Kalau kau tak nak kena tali pinggang aku ni, cepat masuk bilik. Kemas kain baju kau!” Akhirnya Izzah terpaksa akur. Tiada siapa yang sudi menolongnya. Lemah langkahnya memasuki bilik. Pak cik Taha dan Mak cik Hajar tersenyum sesama sendiri. Kemudian mereka terus ke dapur menjamah sarapan pagi yang sudah disediakan”.

(Nureen Mirza,2012,p.7)

Seterusnya, ciri akur dan patuh turut diaplikasikan oleh pengarang melalui watak Izzah dan Hariz. Izzah yang menjadi isteri rahsia kepada Hariz, terpaksa menurut segala arahan yang diberikan oleh suaminya walaupun dia tidak mempersetujuinya. Terdapat babak yang menceritakan sifat akur dan patuh Si Izzah apabila dia pengsan selepas

dipukul oleh suaminya Hariz tanpa disoal siasat tentang kehamilannya. Hal ini demikian kerana, Hariz salah anggap bahawa punca rasa pening dan muntah yang dialami oleh Izzah ialah disebabkan oleh kandungannya. Walau bagaimanapun, akhirnya Hariz mendapat tahu bahawa isterinya tidak mengandung sebaliknya dia tidak sihat disebabkan oleh tekanan perasaan seperti mana diberitahu oleh Dr. Borhan. Petikan di bawah dapat menunjukkan ciri akur dan patuh yang dimiliki oleh Izzah apabila dia disuruh untuk makan ubat oleh suaminya dengan nada memerintah. Izzah yang lemah bangun perlahan-lahan tanpa sebarang bantahan lalu mengambil ubat dan air yang dihulurkan oleh Hariz.

“Izzah, makan ubat ni.” Suara Hariz lembut tapi bagaikan memerintah. Izzah mengesat air matanya dan bangun perlahan-lahan. Dia mengambil ubat dan air minuman yang dihulurkan Hariz. Dia tidak menyedari wajahnya diratah oleh Hariz semahunya. Setelah arahan Hariz dilaksanakan, Izzah masih bersandar di kepala katil. Selagi Hariz tidak bersuara, selagi itulah dia merasakan pergerakan tubuhnya bagaikan lumpuh.”
(Fauziah Ashari,2002,p.78)

Selain daripada itu, Izzah dijadikan sebagai alat untuk memenuhi keinginan syahwat suaminya. Keadaan ini dapat dilihat apabila Hariz memaksa Izzah untuk memakai gaun tidur yang baru dibelikannya ketika malam pertama mereka. Walaupun pakaian sedemikian tidak digemari oleh Izzah, tetapi dia tetap memakainya kerana ia merupakan arahan suaminya dan dia tidak berani untuk menolaknya. Akhirnya, Izzah terpaksa menanggalkan gaun tidurnya bagi melayan suaminya yang kemaruk dengan tubuh badannya. Situasi ini juga menggambarkan sikap Izzah yang akur dan patuh kepada segala arahan suaminya walaupun dia sendiri tidak menyenangnya.

“Hariz tersenyum sambil menutup rapat daun pintu biliknya. Terbayang wajah Izzah dan seolah-olah dia berada di sisinya ketika itu. Tubuhnya disaluti gaun tidur satin merah yang begitu seksi sekali. Perangai Izzah yang malu-malu bila memakai gaun itu tergambar jelas di fikirannya. Dia tahu Izzah enggan tapi terpaksa melakukannya. Wajah Izzah yang merah padam bila dia menanggalkan gaun tidur masih tergambar di fikiran Hariz.

Bagaikan itulah malam pertamanya bersama Izzah. Masih terhidu bau haruman tubuh Izzah.”

(Fauziah Ashari,2002,p.106)

Di sini dapat dilihat wanita sebagai pemberi kepuasan dari segi seksual kepada kaum lelaki. Kaum wanita menjadi fokus kerana aspek bentuk tubuh badan, penampilan serta raut wajah yang anggun dan bukan kerana daya pemikiran, akhlak mahupun sumbangan terhadap keluarga dan masyarakat. Secara ringkasnya, dapat disimpulkan pandangan lelaki terhadap wanita sebagai objek seks, iaitu wanita yang hidup sebagai pelacur, perempuan simpanan dan mudah menggadaikan maruahnyanya kepada kaum lelaki (Siti Meriam Yaacob,2010,p.75). Penulis menggambarkan penampilan tingkah laku watak ini benar-benar meletakkan dirinya sebagai objek yang tidak ada perasan. Dia telah kehilangan rasa segan dan silu, sebaliknya bersedia untuk ‘digunakan’ oleh kaum lelaki pada bila-bila masa sahaja. Watak wanita dihadirkan oleh penulis mengikut kehendak mereka semata-mata, tanpa menyelami perasaan atau mendedahkan pengalaman wanita.

Penulis novel *Ombak Rindu*, menunjukkan watak Izzah sebagai watak wanita yang sering mengikut ataupun menuruti arahan suaminya. Hal ini dapat dilihat dalam situasi, di mana kawan-kawan Izzah, iaitu Johari, Yanti dan Rizal mengajak Izzah untuk pergi makan angin selepas tamat peperiksaan mereka. Dalam keadaan serba salah Izzah terpaksa menolak pelawaan mereka kerana Izzah teringat kata-kata Hariz, iaitu dia tidak dibenarkan untuk keluar sesuka hati tanpa pengetahuannya. Walaupun, Izzah bergerak hati untuk meluangkan masa bersama dengan teman-temannya, tetapi apalah dayanya untuk mengingkari kata-kata suaminya.

Jomlah Izzah, ujian baru aje habis. Kita relaxkan otak. Pergi makan-makan, pergi shopping. Barulah ngam. Jomlah...” Yanti memaut lengan Izzah sambil memujuk. Izzah terdiam sejenak memikir. Hatinya melonjak ingin pergi tapi dia takutkan Hariz. Izzah teringat pesanan Hariz yang tidak mahu dia melenconh ke tempat lain. Mesti terus pulang ke apartmen. Izzah mengeluh kecewa.

(Fauziah Ashari,2002,p.193)

Wanita yang lemah sahaja yang lazimnya akan menuruti segala arahan dan perintah dari semua pihak. Lemah di sini bukan sahaja merujuk kepada kekuatan fizikal tetapi juga dari segi akal, rohani serta pegangan hidup. Kajian feminis menyimpulkan bahawa kaum Hawa dianggap sebagai insan yang hanya berperanan sebagai anak, isteri dan ibu. Hal ini menyatakan bahawa kaum wanita tidak mempunyai sebarang kelebihan yang terunggul dan mengundang kaum lelaki untuk menanam perspektif yang negatif terhadap wanita (Siti Meriam Yaacob, 2010,p.114).

3.4.2 Tidak berbentuk akhlak (Formless)

Ciri seterusnya ialah wanita tidak terbentuk dari segi akhlak. Akhlak memainkan peranan penting dalam hidup seseorang wanita. Walaupun seseorang perempuan itu memiliki segala-galanya dari aspek pendidikan, keluarga, kewangan, dan juga kerjaya tetapi jika seseorang wanita itu tidak memiliki akhlak yang baik, dia tidak akan dihormati ataupun tidak boleh mendekati dirinya kepada Maha Esa. Sebagai karya yang berlatar belakangkan masyarakat beragama Islam, novel-novel yang dibandingkan dapat diukur melalui ajaran agama. Menurut Al-Ahzaab ayat ke-59,

“Wahai Nabi suruhlah isteri-isterimu dan anak-anak perempuanmu serta perempuan-perempuan yang beriman, supaya melabuhkan pakaiannya bagi menutup seluruh tubuhnya (semasa mereka keluar); cara yang demikian lebih sesuai untuk mereka dikenal (sebagai perempuan yang baik-baik) maka dengan itu mereka tidak diganggu. Dan (ingatlah) Allah adalah Maha Pengampun, lagi Maha Mengasihani.”

(MuhammadImran, 1998, p.106)

Dalam surah di atas, Nabi menyuruh umatnya untuk menjaga akhlak dari segi luaran dan juga dalaman. Dalam karya ini, Shafinaz, iaitu tunang Ziyad digambarkan sebagai seorang yang tidak terbentuk dari segi akhlak. Hal ini dinyatakan kerana, walaupun dia seorang muslimah, dia tidak pernah mengikut arahan Allah S.W.T untuk menutupi auratnya. Dia tidak suka berpakaian menutupi aurat dan baginya ia tidak

mengikuti peredaran masa. Keadaan ini dapat dilihat menerusi monolog Hajah Fauziah apabila beliau bercakap dengan anaknya Ziyad.

“Ada banyak perkara tentang Shafinaz yang membuatkan matinya tidak berkenan memandang. Salah satunya, cara Shafinaz berpakaian ada kalanya terlalu menjolok mata. Hajah Fauziah kalau boleh inginkan perempuan yang sopan dan bertudung menjadi menantunya. Tetapi, selera Ziyad sudah tertumpah pada perempuan seperti itu. Namun begitu, tidak pula disuarakan lintasan hatinya pada Ziyad kerana bimbang anaknya berkecil hati”.

“Ziyad tak risau ke asyik pandang betis dan pangkal paha dia yang terdedah tu? Hari-hari Ziyad tanggung dosa apabila terpandang bahagian tubuh Naz yang terdedah” kata Hajah Fauziah kepada anaknya.

(Nureen Mirza, 2012, p.14-15)

Situasi lain yang menunjukkan akhlak yang tidak bermoral oleh Shafinaz ialah di mana dia mengejek dan menghina Ainin apabila keluarga Ziyad mengetahui kehamilan Ainin tanpa bapa. Semasa Shafinaz menunjukkan perangai yang tidak berbudi pekerti, Tuan Haji Marzuki menegur bakal menantunya. Manakala, Hajah Fauziah pula merenung tajam muka Shafinaz. Menghina seseorang insan merupakan satu tindakan yang tidak bermoral dan juga ia merupakan suatu dosa yang besar. Surah Al-Hujuraat ayat ke-11, menasihatkan umatnya untuk tidak menghina, mencemuh serta merendahkan-rendahkan puak lain (Muhammad Imran, 1998, p.26). Janganlah menyatakan keaiban orang lain dan juga memanggil mereka dengan gelaran yang buruk. Sesiapa yang tidak bertaubat daripada perbuatan fasiknya, maka merekalah orang yang zalim. Dalam novel ini, penulis menyerlahkan watak Shafinaz sebagai watak yang tidak berakhlak, walaupun dia seorang yang berpelajaran tinggi.

“Siapa bapanya? Ada surat nikah sebagai bukti?” peril Shafinaz lagi, tersenyum-senyum mengejek Ainin. “Naz! Tegur Haji Marzuki, tidak senang dengan kelakuan buruk bakal menantunya. Hajah Fauziah juga sudah merenung tajam muka Shafinaz tanda geram. Belum apa-apa, Shafinaz sudah menunjukkan perangai tidak eloknyanya. Mengata orang macamlah dia baik sangat.

(Nureen Mirza, 2012, p.464)

Dalam novel ini watak Farhana juga diserlahkan sebagai seorang watak wanita yang tidak berakhlak. Dia kerap merendahkan dan mencemuh orang lain dengan kelemahan dan kedudukan mereka. Apabila ibunya menyuruh dia untuk belajar ilmu memasak daripada pembantu rumah iaitu Ainin, dia tidak begitu puas hati dengan ibunya lalu bermonolog dalam hatinya dengan merendahkan Ainin lalu membantah cadangan ibunya.

“Kursus memasak? Tak naklah, umi!” Awal-awal Farhana sudah menolaknya. Apa tidaknya, disuruh belajar memasak dengan guru tidak bertauliah seperti Ainin Sofiya. Budak itu pun entah-entah bukannya pandai sangat memasak, kutuknya di dalam hati. Setakat memasak lauk-lauk biasa bolehlah. Cuba kalau disuruh memasak western food, mahu pucat mukanya. Umi ni memang tak patut! Kalau ya pun mahu dia belajar memasak, hantarlah berkursus dengan chef yang professional sikit! Hatinya merungut geram.

“Daripada belajar dengan dia, baik Hana belajar memasak dengan umi!” jawab Farhana yang masih mahu berkeras menolak cadangan umi.

(Nureen Mirza, 2012, p. 48)

Contoh lain yang menunjukkan keruntuhan akhlak Farhana, ialah sikap pemalas yang dimilikinya. Dia tidak suka menolong ibunya untuk membuat kerja rumah. Apabila diminta untuk membuat kerja rumah, alasan yang kerap diberikan olehnya ialah tugas kolejnya. Dia tidak memikirkan keadaan ibunya yang telah tua dan juga memerlukan rehat yang secukupnya.

“Alah...apa susah? Hana kana da? Sambut Ziyad lagi sambil ketawa kecil. Hajah Fauziah merengus mendengar nama Farhana disebut. Haji Marzuki pula mengangkat kening. “Nak harapkan anak dara pemalas tu? Baik tak payah. Buat penat mulut saja berleter, tapi perangnya masih macam tu. Entah bila nak berubah, umi pun tak tahu. Kalau dah kahwin nanti perangnya masih tak berubah, kesian kat laki dia. Ni, tengoklah dekat pukul tujuh setengah, dia tak bangun pagi. Lewat ke kampus nanti, mula menggelabah...kata kita tak kejutkan dia,” rungut Hajah Fauziah. “Umi suruh cuci pinggan,” usik Ziyad dengan senyum lebarnya. “Hisy, apa umi ni? Hana

dah lewat ni. Hana ada test pagai ni.”Cepat Farhana memberi alasan.

(Nureen Mirza,2012,p.9)

Dalam novel “*Ombak rindu*”, ciri stereotaip tidak berakhlak telah didukung oleh watak Mak cik Hajar. Watak ini dikatakan sebagai watak yang tidak mempunyai nilai moral dan budi pekerti yang baik. Biasanya wanita yang mempunyai nilai ini akan menyerlahkan tindakan atau perangai yang tidak berakhlak dan tidak disenangi oleh orang lain. Apabila melihat watak Mak cik Hajar, dia sentiasa melakukan tindakan yang menyakitkan hati Izzah dan turut bertekad untuk menghalau dari rumahnya kerana takut suaminya akan dirampas oleh anak saudaranya. Nilai tidak berakhlak ini dapat dilihat dalam diri Mak cik Hajar apabila dia sanggup berkomplot dengan suaminya untuk menghantar Izzah bekerja di kelab malam walaupun sedar bahawa perbuatannya tidak baik dan berdosa. Antara punca utama bagi tindakannya ialah untuk mengaut kesenangan melalui wang yang akan dapat daripada Izzah. Petikan berikut merupakan bukti bagi sikap Mak cik Hajar yang tidak berhati perut dan sanggup melakukan penganiyaan terhadap Izzah.

“Pak cik Taha keras dengan keputusannya. Mak cik Hajar hanya tersenyum memandang suaminya. Kemudian dia mengalihkan pandangan kepada Izzah yang sedang menangis teresak-esak. Dia gembira kerana Izzah akan digunakan untuk mengaut kesenangan. Itulah perjanjian mereka dengan tauke kelab malam itu. Perjanjian untuk melangsaikan segala hutang-piutang. Bukan itu sahaja malah mereka suami isteri akan mendapat habuan jika Izzah bekerja di kelab malam itu.”

(Fauziah Ashari,2002,p.4)

Di samping itu, nilai tidak berakhlak juga dapat dilihat melalui watak Datuk Sufiah iaitu emak kepada Hariz. Datuk Sufiah merupakan seorang usahawan yang sangat terkenal dan mempunyai reputasi yang baik dalam bidang perniagaan. Beliau digambarkan sebagai ibu tunggal yang berkerjaya tinggi. Namun, pengarang menjadikan watak wanita ini sebagai watak yang angkuh dan kurang berakhlak. Ciri tersebut terserlah dalam beberapa situasi sepanjang jalan cerita. Petikan di bawah

membuktikan sikapnya yang suka menyakitkan hati orang dengan kata-kata yang kesat dan kasar. Pada suatu ketika Pak Dollah iaitu pemandu, yang bekerja di bawah keluarga Datuk Sufiah, gagal menghantar kereta yang dipandunya untuk menghantar Hariz ke lapangan terbang. Hal ini demikian kerana, pada masa tersebut beliau tidak begitu sihat kerana mengalami cirit-birit dan demam.

Keesokan harinya apabila Pak Dollah menghantar kereta Hariz, dia telah dipersoalkan oleh Datuk Sufiah dengan perasaan curiga. Apabila Pak Dollah cuba menjelaskan keadaan sebenarnya, Datuk Sufiah enggan mendengar alasannya. Pada masa yang sama, Pak Dollah juga telah disiasat oleh Datuk Sufiah tentang perjalanan anaknya ke luar negara. Dalam situasi yang tersebut, Pak Dollah telah dihina oleh Datuk Sufiah dengan mengatakan bahawa beliau merupakan hanya seorang pemandu kereta dan tidak mungkin beliau mengetahui tentang hal peribadi anaknya. Keadaan ini telah pun menyakitkan hati serta menyebabkan Pak Dollah tersinggung.

“Dah...dah...dah...saya tak nak dengar alasan awak lagi,” Datuk Sufiah mendengus kasar. Pak Dollah terkedu. Alasannya tidak diterima. “Ah, awak drebar dia aje, bukannya sesiapa. Tak akan Hariz beritahu awak pulak. Awak pun tak tahu apa, kan. Awak dah cuci kereta Hariz?” Tanya Datuk Sufiah...Meluat benar dia melihat perangai Datuk Sufiah yang sombong itu.”
(Fauziah Ashari,2002,p.58)

Dalam situasi lain pula, Datuk Sufiah boleh dikatakan sebagai watak yang tidak berakhlak dengan tingkah lakunya yang tidak beradab terhadap Izzah. Sikapnya terserlah apabila beliau menghubungi Izzah yang bekerja sebagai setiausaha kepada Hariz pada ketika itu. Apabila Izzah ingin memastikan orang yang menghubunginya melalui telefon, gelaran puan yang telah digunakannya ditegah oleh Datuk Sufiah. Sebaliknya, dia diarah menggunakan gelaran Datuk sebagai nama panggilan. Keadaan ini menggambarkan keangkuhan Datuk Sufiah yang mementingkan darjat dan status.

Selain daripada itu, kebongkakan Datuk Sufiah lagi dikukuhkan dengan tuduhannya terhadap Izzah secara melulu. Menurut beliau, Izzah merupakan perempuan

simpanan kepada anaknya Hariz serta Izzah juga dilabelkan sebagai penggoda yang kerap bertukar pasangan. Beliau juga mengugut si Izzah dengan mengatakan dia akan memisahkan Hariz daripadanya serta membuat anaknya membenci Izzah selamanya. Situasi ini pula, merendahkan watak Datuk Sufiah dari segi akhlak dan moral. Petikan di bawah merupakan contoh situasi yang dijelaskan seperti di atas.

“Maaf puan, puan ni sebenarnya siapa?” Izzah berusaha untuk berlembut sebaik mungkin.” Aku Datuk Sufiah. Lain kali panggil aku Datuk, faham!” Secepat kilat Izzah tersedar. Terkejut beruk dia mendengar pemanggil mengenalkan diri... “kau dengar sini Izzah, aku nak cakap sikit. Aku tahu kau sebenarnya bukan aje setiausaha Hariz tapi perempuan dia jugak”. Dada Izzah berombak kencang. Perempuan simpanan? Dia terduduk dengan telefon masih di telinga. Hatinya ingin menafikan bila dituduh begitu. Rasa hendak menitis air matanya.

“Aku tak akan terima kau sampai akhir hayatku. Kalau dah gatal, pisau cukur, penggoda, hah! Kehidupan kau akan kekal begitu. Sekarang kau dengan Hariz, esok pasti dengan lelaki lain pulak. Untuk pengetahuan kau, aku akan biarkan Hariz bersama kau tapi ingat! Suatu hari nanti Hariz akan tinggalkan kau. Aku akan pastikan dia bencikan kau. Dan aku tak mahu tengok muka kau di majlis Hariz nanti”.

(Fauziah Ashari, 2002, p.314-315)

Penulis lelaki ataupun wanita yang mengikut gaya penulisan lelaki, lazimnya akan menyerlahkan watak wanita sebagai wanita yang tidak berakhlak dan bermoral dari segi busana, tindakan dan juga perbualan. Watak wanita kurang mendapat serlahan daripada penulis lelaki mahupun wanita yang mengikut gaya pemikiran lelaki.

3.4.3 Materialistik (Materialistic)

Ciri seterusnya yang telah diperlihatkan dalam karya ini ialah materialistik. Materialistik bermaksud mata duitan ataupun terlalu mementingkan harta benda jika dibandingkan dengan budi pekerti. Dalam karya ini, Ainin merajuk dengan Ziyad. Ziyad keliru untuk menggunakan cara yang sesuai untuk memujuknya. Baginya kalau Shafinaz merajuk dia boleh membelikan hadiah yang berharga untuk memujuknya

tetapi bagi Ainin dia belum arif lagi. Jadi di sini kita dapat melihat bahawa Shafinaz mempunyai sifat materialistik.

Apa ubat untuk perempuan kuat merajuk? Kalau Shafinaz merajuk, Ziyad tahu ubat untuk memujuknya. Hadiah barang berharga, muka Finaz akan kembali berseri-seri. Ainin? Dia tidak tahu apa-apa tentang Ainin. Dia belum mahir memujuk Ainin kerana isterinya itu belum pernah merajuk.

(Nureen Mirza,2012,p.352)

Di sini penulis, menggambarkan watak wanita sebagai seorang yang mementingkan harta benda. Bagi penulis lelaki ataupun wanita yang terikut-ikut dengan gaya penulisan lelaki, aspek harta benda sahaja yang mampu mencairkan hati wanita. Persepsi sebegini tidak dapat dileraikan dari minda kaum lelaki.

3.4.4 Pasif (Pasive)

Ciri seterusnya ialah pasif. Ainin memainkan watak pasif dalam situasi ini. Ziyad membawa Ainin untuk berbulan madu. Ainin mengingatkan suaminya akan membawanya ke tempat yang jauh seperti ke Langkawi, Genting Highlands ataupun Cameron Highlands tetapi jangkanya musnah apabila dia mengetahui suaminya hanya membawanya ke Tanjong Karang sahaja tetapi apalah dayanya untuk menyatakan isi hatinya. Ainin turut berasa kecil hati kerana bulan madu suaminya dengan Shafinaz di luar negara tetapi dirinya pula berbulan madu hanya di dalam negeri. Walau bagaimanapun, dia pasrah dengan keadaan.

Mati-matian Ainin memikirkan Ziyad akan membawanya ke tempat yang lebih istimewa. Mungkin ke puncak gunung seperti Cameron Highlands atau Genting Highlands. Atau sekurang-sekurangnya ke pantai Port Dickson. Ini ke pinggir sawah! Apa Ziyad fikir perempuan yang berasal dari kampung macamnya ini hanya layak dibawa ke kampung jugakah? Ziyad tidak adil! Jika dia berkahwin dengan Shafinaz kelak, ke mana pula mereka berbulan madu? Tentulah ke Italy, Sepanyol, atau sekurang-kurangnya ke Thailand.

Menjelang Ziyad mendengar keluhan Ainin. Hairan.Tambah menghairankan Ziyad apabila melihat wajah manis disebelahnya

berubah muram. Seperti langit yang cerah petang ini sudah bertukar warnanya jadi kelabu. “kenapa dengan awak?” tanyanya tidak faham. “awak mengeluh tadi?” beritahu Ziyad.

“Oh...tak ada apa-apa.” Ainin ambil jalan pintas dengan merahsiakan perasaannya. Takkan hendak dinyatakan rasa tidak puas hatinya dibawa ke mari? Mengamuk Ziyad nanti!

(Nureen Mirza, 2012, p.200)

Dalam novel *Ombak Rindu*, ciri stereotaip pasif, iaitu sikap lemah yang hanya menerima dan tidak berani bertindak, melawan atau bersikap menentang walaupun untuk membela diri dapat dilihat dalam situasi di mana, Hariz membuat tuduhan terhadap isterinya Izzah yang dia mempunyai hubungan sulit dengan lelaki lain. Izzah bersikap pasif dan tidak menyangkal tuduhan Hariz. Watak ini menggambarkan bahawa Izzah seorang wanita lemah yang tidak mempertahankan dirinya. Dia boleh diperlakukan sembarangan oleh pihak yang mendominasinya. Dia menjadi mangsa cabul, rogol, fitnah, cacian dan sebagainya. Petikan di bawah menunjukkan fitnah Hariz terhadap Izzah.

“Dulu, aku pukul kekasih kau tapi sekarang aku tak akan pukul dia. Aku akan beri pengajaran pada kau pulak. Aku dah beri kehidupan yang baik pada kau tapi kau khianati . Aku akan pastikan tiada sesiapa yang memiliki kau”. Hariz berkata serius dan terus menutup tingkap cermin kereta. Izzah terkedu sebentar. Dia bingung..

(Fauziah Ashari,2002,p.509)

3.4.5 Soleh (Pious)

Agama dari istilah bahasa, bermaksud kepercayaan dan keyakinan terhadap ajaran atau fahaman tertentu. Ianya dikaitkan dengan ibadat dan hubungan dengan Tuhan. Dalam novel ini, Ainin seorang yang kuat iman dan sentiasa menunaikan tanggungjawabnya sebagai seorang muslimah. Dia akan bersolat untuk lima waktu agar Tuhan dapat menunjukkan jalan penyelesaian atau hidayah-Nya bagi kemelut hidupnya yang sedang belenggunya. Bukti Ainin menunaikan tanggungjawabnya sebagai muslimah adalah seperti berikut,

Selepas makan tengah hari dan bersolat zuhur, Ainin bersiap untuk kembali ke rumah Hajah Fauziah.

(Nureen Mirza,2012,p.40)

Manakala, Shafinaz pula tidak ada ilmu agama setitik pun. Jadi dia tidak tahu hukum-hakam Islam. Dalam situasi di bawah, Shafinaz segan untuk berjumpa dengan keluarga Ziyad kerana dia malu terhadap dirinya tidak mempunyai pengetahuan agama dan juga takut aspek ini akan menyebabkan ibu bapa Ziyad tidak merestui perhubungan mereka berdua.

“Tapi I ni kan tak seperti menantu yang mereka harap-harapkan? You tahulah I ni macam mana. I tak standing dengan you yang tinggi pengetahuan agama. Malu I dengan keluarga you nanti”.

(Nureen Mirza,2012,p.150)

Sehubungan dengan itu, Ainin memperlihatkan bahawa dirinya sebagai seorang hamba Allah yang selalu mengikut jejak-Nya. Di mana Ainin menunggu suaminya di rumah mereka Taman Puchong tetapi suaminya tidak datang. Apabila dia pulang ke rumah ibunya, Zarul menunggunya lalu menanyakan kelewatannya. Ainin tidak dapat menjawab lalu menitikkan air mata. Apabila Zarul melihatnya, dia berasa kesal lalu menyentuh pipi gebu Ainin supaya tidak menangis. Ainin naik angin apabila disentuh oleh lelaki bukan muhrim. Jadi situasi ini menyatakan bahawa Ainin, sebagai seorang wanita yang selalu menuruti perintah Allah dan beragama.

“Mengapa dia menangis? Bergentayangan tanda hanya di ruang benaknya. Zarul kurang arif dengan punca kesedihan Ainin. Biarpun begitu, tangannya yang tidak pandai duduk diam bergerak mahu menyeka setitis dua air mata yang bertakung di bawah mata Ainin. Belum sempat jejari Zarul menyentuh pipi gebu itu, tanganya sudah ditepis Ainin.

“Boleh tak Encik Zarul jangan pegang-pegang saya?” Terbeliak mata Ainin bagaikan belati, menikam muka Zarul. Saya minta maaf. Saya tak bermaksud....”

“Jangan bawa budaya songsang Encik Zarul ke sini! Saya ni bukannya patung, boleh cuit sana, cuit sini sesuka hati!” pantas Ainin dengan mata memerah dan basah.

(Nureen Mirza,2012,p.390)

Apabila melihat ciri stereotaip soleh dalam novel *Ombak Rindu*, watak utama iaitu Izzah menyerlahkannya melalui perwatakan yang alim, muslimah dan berakhlak mulia. Izzah merupakan seorang gadis kampung yang mempunyai sikap yang harus dicontohi dari segi segala aspek. Apabila dia dijual oleh bapa saudaranya kepada tauke kelab malam, dia berusaha sedaya upaya untuk membebaskan dirinya daripada neraka tersebut kerana baginya pekerjaan yang akan dilakukan itu merupakan salah dari segi agama serta dianggap keji. Walau bagaimanapun, dirinya telah dinodai oleh Hariz tanpa persetujuannya selepas dia dipaksa untuk minum minuman yang mengandungi pil khayal. Izzah menganggap dirinya tercemar dan jijik selepas sedar bahawa Hariz telah memperkosanya.

Di sini, kesolehan Izzah terbukti apabila dia merayu kepada Hariz supaya menghalalkan hubungannya di sisi Allah S.W.T. Dia juga bersedia untuk menjadi perempuan simpanan Hariz secara halal tetapi tidak sekali-kali mahukan hubungan yang haram dengan lelaki yang telah dinodainya. Petikan berikut merupakan bukti di mana Izzah merayu kepada Hariz bagi menghalalkan hubungannya.

“Kalau tubuh saya yang diingini, taka da salahnya jika Encik.Hariz mengambil saya sebagai isteri. Saya masih suci ketika malam itu. Saya tak mahu hubungan yang haram. Bersama Encik. Hariz atau Kelvin, sama aje. Tetap bergelumang dengan dosa. Saya hanya mahu hubungan yang halal. Tak mengapa kalau Encik.Hariz menganggap saya sebagai perempuan simpanan. Tolonglah encik,” rayu Izzah.

(Fauziah Ashari,2002,p.19)

Petikan seterusnya pula, membuktikan pengetahuan agama yang dimiliki oleh Izzah. Hal ini terbukti apabila Izzah memikirkan kesetiaan Siti Rahmah terhadap Nabi Ayob a.s. Keadaan ini membuktikan bahawa Izzah ingin menjadi seorang isteri yang setia kepada suami dalam apa jua keadaan.

“Wajarkah aku menjadi seorang yang setia seperti kesetiaan Siti Rahmah terhadap Nabi Ayob a.s ? Siti Rahmah sanggup mendampingi Nabi Ayob a.s walaupun ALLAH menguji

keimanan Baginda yang teruk dilanda penyakit kudis, bernanah dan berulat di seluruh

tubuhnya. Kesetiaannya tidak seperti isteri kedua dan ketiga Nabi Ayob a.s. Mereka minta dilepaskan tetapi tidak Siti Rahmah. Mulia sungguh hati Siti Rahmah.”

(Fauziah Ashari,2002,p.22)

Di samping itu, ciri soleh terserlah dalam situasi di mana Izzah menjaga suaminya, iaitu Hariz dengan baik, lagi-lagi apabila Hariz tidak sihat. Walaupun Hariz kerap memperlakukan Izzah sebagai hamba abadinya dan tidak memberi status sebagai isteri tetapi Izzah pula sedar akan tanggungjawab dan tidak pernah merungut dengan layanan suaminya. Situasi di bawah menunjukkan bahawa, Izzah seorang isteri yang risau akan keadaan suaminya dan taat menunggu kesembuhan suaminya.

Hariz lena semua setelah Izzah memicit-micit kepalanya. Dua biji Panadol telah ditelannya. Keresahan Izzah juga tidak berhenti sejak tadi. Begitu setia menemani Hariz di sisi. Perlahan-lahan air matanya menitis hingga mengena lengan Hariz.

(Fauziah Ashari,2002,p.161)

3.4.6 Tidak rasional (*Irrational*)

Di samping itu, terdapat juga ciri tidak rasional. Ciri ini dapat dilihat apabila Ainin bersetuju untuk merahsiakan ikatan sah perkahwinan mereka. Walaupun, Ainin disyaratkan untuk merahsiakan ikatan tersebut tetapi sebagai wanita Ainin harus melindungi dirinya daripada dianiyaya oleh suaminya. Contohnya, dalam novel ini Ainin sentiasa keluar bersama Ziyad dengan ikatan sah suami isteri secara rahsia tetapi masyarakat tidak mengetahuinya. Malah keadaan ini akan mengundang nama buruk untuk Ainin. Jadi di sini dapat disimpulkan bahawa Ainin tidak berfikiran rasional.

Fauziah Ashari, iaitu pengarang novel *Ombak Rindu* juga memperlihatkan ciri stereotaip ini dengan kehadiran watak yang bernama Mak Jah, iaitu isteri kepada Pak Dollah. Mereka merupakan pasangan yang berkeluarga sederhana dan mempunyai seorang anak perempuan yang bernama Najwa. Nilai tidak rasional dapat dilihat dalam

diri Mak Jah apabila beliau mengesyaki suaminya mempunyai hubungan sulit dengan perempuan lain, iaitu Izzah. Beliau beranggapan sedemikian, semasa melihat suaminya membawa Izzah yang tidak sihat ke klinik. Di sini, jelas bahawa Mak Jah merupakan seorang yang tidak rasional dan mudah membuat keputusan secara melulu tanpa melakukan soal siasat. Babak tersebut menggambarkan sikap Mak Jah yang bersangka buruk terhadap suaminya dan sanggup mengekori kereta Pak Dollah bersama anak perempuannya.

“ Sampai hati ayah kamu buat macam ini kat mak. Mak tahulah mak dah tua tapi ayah kamu tu tak sedar-sedar dia pun dah tua jugak. Tapi mak selalu buat apa yang ayah kamu suruh. Makan minum dia mak juga. Semua perkara dia suruh, mak buat. Tapi ayah kau kahwin juga. Sampai hati ayah kamu, Awak.” Kata Mak Jah kepada Najwa.”

(Fauziah Ashari,2002,p.63)

3.4.7 Tidak stabil (*Unstable*)

Seterusnya, ciri tidak stabil juga dapat dilihat dalam novel-novel pilihan. Dalam karya “*Asam Pedas untuk Dia*”, terdapat ciri tidak stabil. Situasinya ialah di mana Ziyad mengajak Ainin untuk berkahwin secara rahsia untuk mengeluarkan diri Ainin dari dunia kemiskinan tetapi Ainin tidak stabil untuk mengambil keputusan. Pemikirannya asyik berubah sehingga dia mendapat persetujuan ibunya Mak Ipah. Senarionya seperti berikut,

“Tak, mak! Tiba-tiba aje Encik Ziyad ajak Ainin kahwin. Ainin tak nak kahwin rahsia macam tu tapi... kalau Ainin kahwin dengan Encik Ziyad, sekurang-kurangnya masalah kita akan selesai. Apa pendapat mak?”“Entahlah, Ainin. Mak pun tak tahu apa nak cakap. Terpulanglah pada Ainin. Kalau Ainin rasa perkara tu baik, terima ajelah pinangan Encik Ziyad tu. Mak ikut aje,” kata Mak Ipah. Dia malas berfikir banyak-banyak. Banyak berfikir bukan dapat menyelesaikan masalah. Semakin bertambah sakit kepalanya. Biarlah. Apa nak jadi, jadilah. Tetapi, apa-apa pun dia tetap mendoakan yang terbaik untuk anaknya, Ainin Sofiya.

(Nureen Mirza,2012,p.54)

Senario lain yang menunjukkan ketidakstabilan Ainin ialah di mana Ziyad meminta Ainin untuk tidak menganggunya sementara dia membuat keputusan berkaitan dengan kehidupan mereka tetapi walaupun Ziyad telah menghalangnya untuk menelefon untuk sementara waktu, pada awalnya dia setuju tetapi semakin hari demi hari Ainin tidak dapat menahan kerinduannya lalu hilang kestabilan untuk menelefon Ziyad. Ainin juga merupakan seorang wanita yang mempunyai ego. Hal ini dinyatakan kerana dia tidak akan mengaku perasaan sayangnya terhadap suaminya selagi dia mengetahui perasaan suaminya tetapi dalam situasi ini, dia telah hilang waras untuk merayu suaminya supaya tidak meninggalkan dirinya. Dialog berikut yang menunjukkan situasi di atas:

“Sementara tunggu abang buat keputusan, Ainin jangan marah kalau abang tak call Ainin. Abang pun tak mahu Ainin call abang. Abang nak buat keputusan dengan tenang. Abang tak mahu Ainin desak-desak abang”.

“Ada apa Ainin call abang?” tanya Ziyad. “Ainin Cuma nak dengar suara abang “, jawan Ainin perlahan. “kan abang dah cakap hari tu? Ainin tak payah call abang lagi. Abang belum buat keputusan. Jadi jangan ganggu abang. Abang tak mahu emosi abang terganggu kerana panggilan Ainin,” kata Ziyad, memuntahkan rasa kesalnya kepada Ainin..

(Nureen Mirza, 2012, p.386-387)

Ciri tidak stabil juga menjadi salah satu ciri stereotaip yang ditekankan oleh Showalter. Pengarang novel *Ombak Rindu*, iaitu Fauziah Ashari menggunakan watak Mila sebagai watak yang menjelaskan maksud ciri tersebut dengan lebih terperinci. Mila merupakan seorang model yang menjadi isteri kedua kepada Hariz. Watak ini dikatakan sebagai watak yang tidak stabil dan terlalu ikut akan emosi melalui tingkah lakunya dalam beberapa situasi yang cuba digambarkan oleh pengarang. Apabila Mila mendapat tahu bahawa dia telah dimadukan oleh Hariz, iaitu menjalinkan hubungan sulit dengan Izzah, dia mengamuk serta hilang kawalan dan bertindak luar biasa. Petikan di bawah merupakan bukti bagi ciri tidak stabil yang didukung oleh watak Mila.

“You mesti beritahu. I tak mau hidup bersedu. Dia mesti berambus dari hidup you”. Mila bertambah mengamuk. Meja, sofa sudah terbalik. Hariz pula gerun dengan sikap Mila yang bagaikan hilang akal... “Suami! baru sekarang you nak mengaku you tu suami I? Hei! Pergi jahanamlah dengan martabat you tu. Riz, baik you beritahu I di mana betina tu tinggal”.

(Fauziah Ashari,2002,p.549)

Kaum wanita memiliki ciri-ciri stereotaip yang berlawanan dengan kaum lelaki seperti pasif, putus asa, lemah, mudah terpengaruh, emosional, dan sebagainya yang menggambarkan watak wanita dalam elemen unsur negatif. Dari perspektif feminis, gaya penulisan novel-novel ini tiada bezanya dengan kebanyakan penulis lelaki yang lain. Jadi di sini, dapat dilihat pandangan kaum lelaki terhadap wanita tidak jauh berbeza.

Menurut Showalter (1988,p.130) beliau menyimpulkan bahawa dalam karya, pembaca hanya dapat melihat elemen yang menjatuhkan maruah wanita, serta kelemahan dan ketidakmampuan wanita, malah pembaca juga dapat melihat dominasi kaum lelaki terhadap wanita dalam semua aspek kehidupan (Siti Meriam Yaacob, 2010,p.113).

Dalam novel *‘Asam Pedas untuk Dia’* dan *‘Ombak Rindu’*, penulis memaparkan watak wanita dalam beberapa ciri stereotaip mengikut pandangan lelaki. Bagi kaum lelaki wanita hanya satu objek yang harus menepati seleradan kehendak mereka. Pandangan kaum wanita terhadap isu semasa mahupun dunia tidak akan diambil kira. Walaupun ada juga pandangan yang diutarakan oleh wanita, kaum lelaki akan berbalik kepada pandangan mereka sahaja. Lazimnya, wanita akan pasrah dengan keadaan sekelilingnya lalu mengikut kehendak orang lain. Aspek-aspek ini dapat dilihat dalam novel yang dikaji ini.

Dari sudut teknik penceritaan pula, penulis novel yang mengikut gaya penulisan lelaki telah menjadikan pembaca wanita sebagai lelaki. Penulis langsung tidak mengambil kira perasaan pembaca wanita, iaitu sanggup menyelitkan unsur- unsur yang

merendahkan kaum wanita dalam sesebuah novel. Watak wanita lazimnya akan dibisukan oleh penulis lelaki ataupun penulis yang menulis dalam sudut pandangan kaum lelaki. Di sini dapat dilihat watak wanita akan kehilangan hak untuk bersuara dan bertindak bagi kemajuan dan kebajikan diri mereka. Kehidupan mereka akan tersempit sebagai isteri ataupun anak yang dipaksa tunduk di bawah pengaruh lelaki.

University of Malaya

BAB 4 : CABARAN DAN PERANAN WANITA

4.1. Pengenalan

Bab keempat ini akan menghuraikan dan menganalisis peranan wanita dalam masyarakat serta cabaran-cabaran yang dihadapi oleh golongan wanita dalam kehidupan harian. Status atau darjat kaum wanita akan diulaskan dalam kajian ini dengan bantuan bukti-bukti novel dari *Ombak Rindu* dan *Asam Pedas Untuk Dia*. Seorang wanita memainkan banyak peranan terhadap masyarakat terutama sebagai anak, isteri, menantu, pekerja, dan juga menjadi salah satu anggota masyarakat. Peranan mereka secara tidak langsung membawa diri mereka untuk menghadapi pelbagai cabaran yang tidak diduga. Masyarakat menyumbang ke arah terbelenggu dan terkongkong wanita dalam kerja-kerja domestik. Jadi, untuk selamanya kaum wanita akan berada dalam kelas kedua iaitu menjadi subkordinat dan didominasi. Hal ini dapat dilihat menerusi bahan kajian iaitu novel *Ombak Rindu* dan *Asam Pedas Untuk Dia*.

4.2. Peranan dan cabaran wanita dalam keluarga

Keluarga ialah kumpulan manusia yang hidup bersatu sebagai satu kesatuan atau unit terkecil komuniti yang mempunyai ikatan antara satu sama lain serta tinggal di bawah pimpinan seorang ketua keluarga. Keluarga ialah satu kumpulan manusia yang dihubungkan dan dipertemukan melalui pertalian darah, perkahwinan atau melalui pengambilan anak angkat dan sebagainya. UNESCO mendefinisikan keluarga sebagai satu institusi biososial yang terbentuk apabila seorang lelaki dewasa dan seorang perempuan dewasa yang tidak memiliki sebarang hubungan darah, tetapi terikat dengan tali perkahwinan dan mengembangkan keluarganya dengan melahirkan zuriat. Komposisi keluarga utama terdiri daripada ayah, ibu, dan anak-anak (Rosnah Baharuddin,1975,p.106).

Setiap individu berpegang kepada banyak peranan dalam institusi kekeluargaan yang pada mulanya, ia hanya perkahwinan antara dua insan dan ia akan berkembang satu persatu. Begitu juga dengan kaum wanita. Pada asasnya wanita berperanan sebagai seorang anak, dan setelah berkahwin tanggungjawab mereka berkembang iaitu menjadi seorang isteri, menantu, ibu dan juga seorang wanita yang berkerjaya. Tanggungjawab dan cabaran wanita cukup berbeza dengan kaum lelaki.

4.2.1. Peranan dan cabaran wanita sebagai anak

Wanita sebagai seorang anak merupakan satu peranan yang cukup besar. Sebagai seorang anak perempuan, mereka tidak ada kebebasan dalam membuat pilihan dan juga menyuarakan isi hati mereka. Segala arahan dan keinginan ibu bapa, terpaksa diturut oleh mereka. Jelas bahawa, anak gadis lazimnya dibisukan oleh harapan ibu bapa dan budaya, terutamanya dalam aspek menentukan masa depan mereka.

Kajian oleh Djamour mengukuhkan lagi pendapat tersebut. Kajian ini mengulaskan bahawa kaum wanita tidak diberitahu tentang calon suaminya oleh ibu bapa, sebaliknya disampaikan oleh saudara-maranya sahaja. Pendek kata, wanita dijadikan sebagai patung bernyawa yang tidak ada hala tuju (Judith Djamour, 1979, p.96).

Peranan wanita sebagai seorang anak dapat dilihat dalam novel *Ombak Rindu*, iaitu menerusi watak Izzah. Izzah dipaksa oleh Pak Taha iaitu penjaga Izzah untuk bekerja di sebuah kelab malam. Izzah tidak mahu menuruti kehendak pak ciknya. Namun, atas dasar paksaan dan juga jagaan pak ciknya selama ini dengan tidak rela dia menuruti arahan pak ciknya hanya semata-mata untuk menjalankan tugasnya sebagai seorang anak angkat untuk melangsaikan hutang Pak Taha. Situasi di bawah membuktikan bahawa, Izzah bersedia untuk menjalankan tugasnya sebagai seorang anak walaupun tidak rela.

“Nah belajar apalagi! Buang duit aku aje. Esok, kat ceruk dapur tu jugak tempat kau. Kerja kat kilang tu berapa sen yang kau dapat. Esok kau berhenti kerja. Aku nak kau jumpa tauke kelab malam tu.”(Ombak Rindu, halaman 4)

Izzaah enggan. Masih terpacak di situ. Kali ini Makcik Hajar pula yang membelasahnya. Tubuh Izzah ditolak ke dinding. Izzah terduduk dengan rambut yang tidak terurus. Raungan Izzah tidak dipedulikan. Akhirnya, Izzah terpaksa akur. Tiada siapa yang sudi menolongnya.

(Fauziah Ashari,2002,p.7)

Walaupun penjaga Izzah tidak pernah menganggap dia sebagai anak angkat tetapi sebagai anak yang bertanggungjawab Izzah tidak pernah lalai dengan tanggungjawabnya sebagai seorang anak. Setiap hari sebelum dia pergi ke kerja, dia akan menyediakan makan minum bagi penjaganya walaupun dia didera oleh mereka secara fizikal dan juga emosi.

Seperti biasa dia menyediakan sarapan pagi untuk Pak cik Taha dan Mak cik Hajar. Izzah melihat jam dinding sudah menunjukkan pukul 8.40 pagi. Masa untuk dia pergi kerja.

(Fauziah Ashari,2002,p.5)

Novel *Asam Pedas Untuk Dia*, juga banyak menerangkan peranan seseorang wanita dalam mengharungi cabaran hidup. Watak utama dalam novel ini iaitu Ainin, seorang anak yang bertanggungjawab. Walaupun hidupnya tidak stabil selepas kematian suaminya tetapi sebagai anak, Ainin tidak pernah berasa jemu menjaga ibunya yang telah berusia. Ainin kerap berusha mencari jalan untuk memberikan keperluan asas yang secukupnya bagi keluarganya.

Peranan Ainin sebagai anak bukan setakat memberikan keperluan asas bagi keluarganya, malah Ainin berperanan untuk menghormati ibu bapanya. Hal ini dapat dilihat melalui aksi Ainin, di mana Ainin membincang dan meminta pendapat ibunya dalam hal peribadinya iaitu lamaran daripada Ziyad iaitu perkahwinan rahsia. Dalam hal ini, Ainin boleh mengambil keputusan sendiri kerana ia melibatkan kehidupannya tetapi sebagai seorang anak yang mendengar nasihat ibu bapa, Ainin mengutarakan

lamaran Ziyad dan meminta pandangan ibunya. Situasi ini menjelaskan bahawa, walaupun ibunya telah berusia, Ainin tidak sama sekali memperlekehkan kewujudan ibunya.

“Tak, mak ! Tiba-tiba aje Encik Ziyad ajak Ainin kahwin. Ainin tak nak kahwin rahsia macam tu tapi...kalau Ainin kahwin dengan Encik.Ziyad, sekurang-kurangnya masalah kita akan selesai. Apa pendapat mak?”

(Nureen Mirza,2012,p.110)

Peranan-peranan wanita sebagai anak merupakan langkah awal wanita dalam kehidupannya. Ia merupakan platform bagi kaum wanita untuk menguatkan kemampuannya untuk menempuh cabaran yang akan datang dalam setiap peringkat umur wanita.Cabaran yang lazimnya akan ditempuh oleh kaum wanita sebagai anak ialah menjaga hati orang tua. Ia merupakan satu aspek yang amat sukar untuk memahami isi hati mereka mengikut situasi dan terpaksa mengikuti kehendak mereka.

4.2.2. Peranan dan cabaran wanita sebagai isteri

Kaum wanita lazimnya dikategorikan sebagai individu yang menjaga kebajikan rumah. Mereka bertanggungjawab ke atas keselesaan suami dan anak-anak mereka. Wanita merupakan akar umbi bagi kesejahteraan sesebuah keluarga. Segala perbelanjaan keluarga haruslah cermat. Kaum suami menyerahkan tanggungjawab yang cukup besar kepada kaum isteri bagi membina institusi keluarga yang aman dan sejahtera. (Muslimah Sejati, 1998:28)

Menerusi novel *Ombak Rindu*, penulis dengan jelas membuktikan peranan wanita sebagai isteri dalam novel tersebut. Pada mulanya, suami watak utama Izzah iaitu Hariz tidak memberi haknya sebagai isteri tetapi Izzah tidak pernah lari dari tanggungjawabnya. Walaupun tindakan suaminya menyinggung perasaannya tetapi Izzah tetap menunaikan kewajipannya terhadap suaminya.

Senario berikut membuktikan peranan yang dijalankan oleh Izzah sebagai seorang isteri yang mithali. Pada mulanya suami Izzah tidak pernah mempedulikan perasaan Izzah. Apabila Hariz ingin berjumpa dengan isterinya dia akan datang ke rumah, jika tidak batang hidungnya pun tidak dapat dilihat. Izzah dengan penuh sabar akan menanti kehadiran suaminya. Walaupun, suaminya balik selepas beberapa hari, Izzah tetap akan melayan suaminya dengan penuh kasih sayang tanpa menunjukkan rasa tidak puas hati terhadapnya. Makan, minum dan pakaian suaminya dijaga dengan tertib. Dialog dibawah menunjukkan peranan seorang wanita sebagai isteri yang soleh.

Namun begitu, Izzah tidak pernah merungut bila Hariz tidak datang. Kedatangan Hariz akan disambut dengan tatatertib dan penuh hormat seolah-olah Hariz adalah segala-galanya. Makan minum Hariz dijaga. Pakaian Hariz juga dipastikan sentiasa bersih dan kemas. Harta benda Hariz di apartmen itu dipelihara dengan baik. Sentiasa berkilat dan kemas susunan perabotnya. Izzah tidak pernah ingkar perintah Hariz. Izzah tidak pernah melawan walaupun teruk Hariz mengherdik dan memarahinya. Walaupun kesalahan Izzah hanya lewat membuka pintu, lewat menyediakan makan malam atau makan tengahari. Hariz tidak peduli. Hariz tidak pernah memikirkan perasaan Izzah.

(Fauziah Ashari,2002,p.24)

Kesabaran merupakan aspek yang paling penting dalam mempertahankan sebuah masjid. Kaum wanita dinasihatkan untuk menjauhkan diri dari penyalahgunaan lidah dan cercaan. Hal ini kerana, ia merupakan satu aspek atau ciri-ciri yang dimiliki oleh syaitan. Rasulullah S.A.W juga telah bersabda bahawa,

Wanita yang mengganggu suaminya dengan lidah, beliau menarik kemurkaan Allah dan semua malaikat dan manusia.

(Muhammad Imran, 1998,p.60)

Penjagaan tutur kata dapat dilihat dalam novel *Ombak Rindu*, melalui watak Izzah di mana sebagai seorang isteri, dia sentiasa menjaga tutur katanya semasa berinteraksi dengan suaminya supaya ia tidak menimbulkan rekahan dalam urusan rumahtangga mereka. Hariz menyatakan bahawa isterinya seorang yang baik dan

sanggup melakukan segala-segalanya tanpa menanya sepatah kata. Pernyataan di bawah membuktikan bahawa Izzah menjalankan tugasnya sebagai seorang isteri yang baik.

Dia rasa tidak tenteram kerana dengan tidak semena-mena dirinya teringat Izzah. Izzah yang rela melakukan apa sahaja untuknya. Izzah yang setia, Izzah yang sanggup berkorban untuknya dan Izzah yang tidak pernah melawan walaupun sepatah perkataan. Jauh sekali untuk melawan dengan sepotong ayat.

(Fauziah Ashari,2002,p.25)

Antara peranan kaum wanita ialah melahirkan zuriat bagi mengembangkan salasilah keluarga mereka. Hubungan kelamin antara suami isteri merupakan satu aspek yang paling penting bagi kebahagiaan sesebuah institusi keluarga. Menurut Rasulullah S.A.W (At-Tirmidzi),

Apabila seorang lelaki memanggil isterinya untuk memenuhi keinginannya biarlah ia mendatangnya walaupun ia sibuk di dapur.

(Muhammad Imran,1998,p.46)

Tanggungjawab isteri kepada seorang suami adalah untuk membahagiakan si suami di tempat tidur bila-bila sahaja dikehendaki melainkan di atas sebab-sebab yang patut dan sah seperti puasa dan haid . Hal ini terserlah melalui watak Izzah dalam novel *Ombak Rindu* yang menjalankan tugasnya sebagai seorang isteri soleh. Izzah senantiasa bersedia terhadap keinginan seksual suaminya dengan menyediakan dirinya di dalam keadaan menarik pada setiap masa. Dialog berikut membuktikan peranan yang dijalankan oleh si isteri, Izzah.

Tubuhnya disaluti gaun tidur satin merah yang begitu seksi sekali. Perangai Izzah yang malu-malu bila memakai gaun itu tergambar jelas di fikirannya. Wajah Izzah yang merah padam bila dia menanggalkan gaun tidur masih tergambar di fikiran Hariz.

(Fauziah Ashari,2002,p.106)

Kaum wanita dalam keluarga menjadi pusat bagi segala aktiviti rumahtangga. Segala pengorbanan dan prihatin kaum wanita terhadap ahli keluarga akan mewujudkan suasana yang damai. Pengorbanan dan prihatin si isteri dapat dilihat dalam novel *Ombak Rindu*, di mana Hariz menghalang Izzah untuk keluar bersama rakan-rakan kolejnya. Walaupun Izzah sunyi dan ingin makan angin bersama rakan-rakannya tetapi kata-kata suaminya menjadi pegangan baginya. Sebagai isteri soleh, dia taat dengan kata-kata suaminya dan sanggup mengorbankan kebahagiaan semata-mata untuk menjaga keharmonian rumahtangganya.

“Jomlah Izzah, ujian baru aje habis. Kita relaksan otak. Pergi makan-makan, pergi shopping. Barulah ngam. Jomlah...”
Izzah terdiam sejenak memikirkan. Hatinya melonjak ingin pergi tapi dia takutkan Hariz.

Izzah teringat pesanan Hariz yang tidak mahu dia melencong ke tempat lain.

(Fauziah Ashari,2002,p.193)

Nureen Mirza iaitu pengarang novel *Asam Pedas Untuk Dia* memperlihatkan watak wanita iaitu Ainin merupakan seorang isteri yang menjalankan tugasnya dengan baik. Sebagai isteri Ainin berperanan untuk menuruti segala kehendak suaminya secara paksaan ataupun sukarela. Ainin seorang gadis yang beramah mesra dengan semua orang tetapi sifat cemburu Ziyad akan timbul, jika Ainin bercakap dengan lelaki lain. Walaupun, Ainin mengetahui bahawa cemburu suaminya memang membuta tuli, tetapi dia tidak berdaya menafikan mahupun menentang kata-kata suaminya. Situasi di bawah membuktikan sifat cemburu suaminya terhadap Iqram iaitu sepupu arwah suami Ainin.

“Siapa pulak Abang Iqram tu? Soal Ziyad tidak bertanggung.
“Abang Iqram sepupu arwah Abang Hairi,” jawab Ainin tanpa memandang Ziyad.

(Nureen Mirza,2012,p.160)

“Bercakap dengan suara lembut dan manja tu awak kata macam biasa? Itu menggoda namanya, Ainin!”

(Nureen Mirza,2012,p.161)

“Yalah...apa-apa ajelah , Ainin. Saya tak ada masa nak bertekak dengan awak. Cuma saya nak pesan pada awak, jangan tabor nombor telefon awak merata-rata. Saya tak suka. Kalau bil telefon awak melambung, saya potong gaji awak nanti,” ugut Ziyad sambil bangun dari kerusi.

(Nureen Mirza,2012,p.162)

Sebagai seorang Isteri, Ainin harus menjalankan tugasnya sebagai teman hidup Ziyad dari segi zahir dan batin. Pada awal perkahwinan, Ainin tidak mahu menjalankan tugasnya sebagai seorang isteri secara batin tetapi apabila dituntut oleh Ziyad secara tidak rela, Ainin terpaksa menuruti segala kehendak suaminya sehingga dipaksa minum pil perancang untuk mengelakkan kehamilan. Hal ini secara tidak langsung menyinggung perasaan Ainin kerana perkahwinan pun telah dirahsiakan, malah urusan batin jugak dilakukan secara senyap-senyap. Senario ini seolah-olah menyebabkan Ainin terasa bahawa hubungan mereka tidak halal.

‘Mulai sekarang saya nak tuntutan hak saya sebagai suami. Dan saya nak awak jalankan tanggungjawab awak sebagai isteri,’ potong Ziyad tegas. (*Asam Pedas Untuk Dia*, halaman 188)

“Makan pil tu. Ainin. Kalau dah habis ubat tu, cepat-cepat beritahu saya. Jangan awak diam aje. Ingat,Ainin...”

(Nureen Mirza,2012,p.190)

Perempuan sebagai isteri dalam keluarga, bertanggungjawab sebagai penolong kepada teman hidupnya dalam apa jua keadaan, tidak kira suka atau duka. Melayan suami boleh dikatakan sebagai hak wanita sebagai isteri, ia juga boleh disimpulkan sebagai kewajipan seorang wanita. Isteri juga adalah teman bagi mendiskusikan sesuatu perkara sebelum mengambil keputusan dalam urusan rumah tangga. Situasi sebegini yang akan menimbulkan konflik sesama sendiri dan akhirnya mengundang pasangan untuk bercerai.

Perempuan sebagai isteri juga harus tunduk dan taat kepada suami dengan sikap hati yang benar. Dengan kata lain,kadang kala pendapat pasangan akan berbeza tetapi tetapi bila keputusan sudah diambil isteri harus mendukung keputusan tersebut, kerana

di sebuah kapal hanya ada boleh satu nahkoda dan di dalam pernikahan hanya boleh ada satu kepala keluarga sahaja.

4.2.3. Peranan dan cabaran sebagai wanita berkerjaya

Wanita di era globalisasi ini telah mampu menggali potensi dalam dirinya. Hal ini didukung dengan adanya taraf pendidikan wanita yang telah berkembang. Peranan wanita telahpun berkembang ke arah darjat yang lebih tinggi dan terhormat. Wanita tidak hanya menjalankan tugas domestik sahaja iaitu sebagai seorang anak, isteri, ibu dan juga menantu bagi sesebuah keluarga, malah berperanan juga sebagai seorang wanita berkerja.

Perkembangan ini didukung oleh pengetahuan serta pendidikan wanita yang makin maju setara dengan kaum lelaki. Faktor pendidikan telah mengubah persepsi seorang wanita itu boleh hidup lebih maju dan juga ia akan membantu wanita untuk melakarkan identiti bagi diri mereka. Tujuannya bukan hanya untuk diri sendiri, malah untuk keluarga dan juga orang sekelilingnya. Dengan begitu, wanita memberikan sumbangan bagi menambah hasil keluarga dan membantu menabung untuk masa depan anaknya kelak.

Dalam novel *Ombak Rindu*, Datuk Sufiah merupakan seorang wanita yang berkerjaya. Beliau seorang wanita yang tegas dalam urusan perniagaannya. Komitmen beliau dalam dunia perniagaan dapat dilihat menerusi kemajuan syarikatnya. Walaupun usia beliau telah meningkat dan memang patut diberi masa untuk beristirahat tetapi beliau tekun dan gigih dalam mengembangkan empayarnya. Dialog di bawah mengukuhkan lagi pernyataan bahawa Datuk Sufiah seorang wanita yang tidak mengenal penat lelah untuk mencoretkan identitinya.

“Datuk panggil tuan. Dia ada kat bilik kerjanya.” Hariz melangkah menuju ke bilik kerja ibunya. Datuk Sufiah sudah sedia menunggu...

Dipandang sekali lalu wajah serius ibunya sedang membelek helaian kertas surat perjanjian-perjanjian syarikat atau segala laporan perjalanan syarikat...

Hariz memandang jam di dinding. Datuk Sufiah memang hebat. Sudah jam 11.20 malam tapi masih tekun menghadapi kerja-kerja pejabat. Kalau orang lain mungkin sedang beristirehat atau sedang bersuka ria di malam minggu ini.

(Fauziah Ashari,2002,p.200)

Menerusi novel yang sama, kita dapat melihat bahawa watak Izzah walaupun telah dianiyaya oleh orang sekeliling tetapi dia tetap berdiri teguh untuk membina kehidupannya sebagai wanita yang berkerjaya. Izzah bersusah-payah untuk mendapatkan persetujuan daripada suaminya untuk memasuki univerviti. Izzah sejak kecil lagi ingin melanjutkan pelajarannya tetapi nasibnya selalu tidak pernah menyebelahnya. Pada awal cerita, Hariz tidak membenarkan Izzah untuk melanjutkan pelajarannya ke peringkat universiti tetapi akhirnya dia berjaya menghabiskan pengajiannya dengan bantuan suaminya Hariz. Izzah selepas pengajiannya menjawat jawatan sebagai jurutera dan gembira dengan kerjanya.

Tiga tahun berlalu. Akhirnya, Izzah tamat pengajian. Kini dia berada di Lapangan Terbang Senai, Johor Bahru menanti pengumuman.

(Fauziah Ashari,2002,p.240)

Setelah empat bulan mencari kerja, akhirnya Izzah berjaya menjawat jawatan Assistant Engineer.

(Fauziah Ashari,2002,p.253)

Bekas isteri kedua Hariz iaitu Mila ialah seorang model yang terkenal. Mila seorang wanita yang menyayangkan Hariz sepenuh hati walaupun kasih sayangnya tidak terbalas oleh bekas suaminya. Akhirnya, apabila dia mengetahui bahawa suri hati suaminya ialah Izzah, dengan redha dia melepaskan Hariz kepada Izzah. Setelah dia cerai dengan Hariz, Mila dengan lebih fokus mengorak langkah untuk melakarkan namanya di dalam industri perfileman. Di sini kita dapat melihat bahawa peranan

wanita tidak hanya berhenti sebagai seorang suri rumah sahaja, malah lebih daripada itu. Bukti di bawah menunjukkan kemajuan Mila dalam kerjanya selepas diceraikan oleh Hariz.

Izzah!cepatlah! dah start ni, “ Jerit Hariz sambil matanya menatap televisyen. Festival Filem Malaysia yang ditayangkan secara langsung menjadi tumpuan mereka berdua.

“Bang, abang rasa Mila boleh menang tak?” tanya Izzah dan terus duduk di sisi Hariz di sofa panjang.

“Izzah rasa dua boleh menang. Lakonan dia baguslah bang , Nampak real aje.”

(Fauziah Ashari,2002,p.558)

Penulis novel *Asam Pedas Untuk Dia*, menunjukkan watak Hajah Fauziah iaitu ibu Ziyad sebagai wanita yang berkerjaya. Bagi beliau, walaupun wanita memegang banyak peranan tetapi sebagai wanita yang menuju ke arah wawasan harus menjadi teladan kepada rakan sepejuangnya. Beliau menjawat jawatan sebagai Timbalan Pengarah di Kementerian Pengajian Tinggi. Walaupun beliau sibuk menguruskan hal rumahtangganya tetapi beliau tetap akan memulakan kerjanya pada waktu tepat.

Selesai mencuci pinggan mangkuk kotor dan membersihkan dapur memasak. Hajah Fauziah terkocoh-kocoh naik di bilik, bersiap untuk ke pejabat. Sekejap lagi jarum jam akan bergerak ke pukul 7.00pagi . Lambat keluar dari rumah nanti, jalan menuju ke pusat bandar raya Kuala Lumpur akan mula sesak dengan kenderaan. Dia tidak mahu terperangkap dalam kesesakan lalu lintas dan seterusnya lewat tiba ke pejabat. Sebagai Timbalan Pengarah di Kementerian Pengajian Tinggi, dia harus menunjukkan contoh terbaik kepada kakitangannya dengan sentiasa datang awal ke tempat kerja.

(Nureen Mirza,2012,p.6)

Cabaran wanita dalam dunia pekerjaan amat besar. Sebagai seorang wanita yang berkerjaya, mereka harus membahagikan masa mereka dengan adil supaya tidak ada konflik muncul. Dunia pekerjaan lazimnya akan mempelekehkan kaum wanita untuk maju ke hadapan. Kaum Adam berpendapat bahawa kaum Hawa tidak mempunyai semangat yang mencukupi untuk berdaya saing dengan kaum Adam.

4.2.4. Peranan dan cabaran wanita sebagai ibu

Perempuan sebagai ibu dalam keluarga, idealnya menjadikan dirinya sebagai teladan yang boleh dicontohi oleh anak perempuannya dalam segala hal yang dilakukannya di dalam urusan rumah tangga. Dengan ini dapat menyimpulkan bahawa, kunci keberhasilan seorang anak sangat bergantung pada ibu. Sikap ibu yang penuh kasih sayang, pengorbanan, dan tanggungjawab, memberi kesempatan kepada anak-anak untuk menjadikan kaum ibu sebagai teladan bagi anak-anaknya. Pengaruh ibu merupakan satu aspek yang paling penting dalam perkembangan anak-anak.

Peranan ibu terserlah dengan penuh jelas menerusi watak Datuk Sufiah dalam novel "*Ombak Rindu*" yang dikarang oleh Fauziah Ashari. Sebagai seorang ibu yang bertanggungjawab Datuk Sufiah selalu menjadi pendorong dan juga pembimbing bagi anaknya Hariz untuk maju dalam dunia perniagaan. Peribadi anaknya dibentuk sebagai seorang anak usahawanan yang berkaliber dan disanjung oleh ramai. Dorongan Datuk Sufiah dapat dilihat apabila beliau memuji Hariz setelah dia berjaya mendapat tender di Subang Jaya. Sebagai seorang ibu, peranan mereka bukan setakat menjaga makan minum anak-anak mereka, malah mereka harus bertindak sebagai lilin yang memberikan percaya bagi kehidupan anak-anak mereka.

“Kita dapat tender di Subang Jaya tu,” beritahu Hariz. “Riz kan anak ibu, mestilah dapat,” puji Datuk Sufiah.

(Fauziah Ashari, 2002, p.223)

Setiap gerak-geri anaknya dipantau oleh Datuk Sufiah supaya anaknya tidak memilih jalan yang salah. Sebagai seorang ibu, Datuk Sufiah hanya mengharapkan benda yang terbaik bagi kehidupan anaknya. Jadi pengawasannya terhadap Hariz tidak pernah dipandang remeh olehnya. Hal ini dengan jelas terserlah dalam situasi di mana, Datuk Sufiah mendapat tahu yang anaknya, Hariz jarang berada di rumah dan kerap menyinggah rumah apartmen dan beliau mengupah orang untuk mengekori tindak-tanduk anaknya Hariz. Datuk Sufiah juga mengambil berat terhadap masa depan

anaknyanya Hariz. Hal ini dapat dilihat dalam situasi dibawah di mana, beliau mencari calon isteri yang sepadan dengan latar belakang keluarganya dan juga dengan anaknyanya Hariz. Sebagai seorang ibu, beliau cuba memberikan yang terbaik bagi kehidupan anaknyanya.

Akhirnya, Datuk Sufiah mengupah orang mengekori langkah Hariz setiap kali anaknyanya itu tidak bermalam di rumah. Sejak itulah, Datuk Sufiah mendapat tahu yang Hariz sering mengunjungi apartmen Bayu Damai. Dia tidak peduli apa hubungan Hariz dengan perempuan kampung itu.

Yang pasti Datuk Sufiah mahu perempuan yang menjadi menantunya mesti bijak, bergaya dan orang berpangkat. Wajah Mila Amylia, anak Tan Sri Rashdan sudah tergambar di ruang matanya. Cantik, lembut dan berpelajaran. Masih meneruskan pengajian di luar negara dan paling penting kedudukan keluarga mereka setaraf.

(Fauziah Ashari,2002,p.203)

Pada novel pilihan kedua iaitu *Asam Pedas Untuk Dia*, peranan sebagai ibu terserlah melalui watak Ainin, Mak Ipah dan Hajah Fauziah. Peranan sebagai ibu ini telah digambarkan dengan jelas semasa Ainin terpaksa mencari kerja untuk menyara keluarganya yang terdiri daripada seorang ibu yang tua, bayinya dan juga adiknya yang kurang berupaya. Ainin dalam novel ini memainkan dua peranan iaitu sebagai seorang ibu dan juga anak yang berprihatin dengan keadaan keluarganya yang ibarat kais pagi makan pagi, kais petang makan petang. Ainin sanggup bekerja sebagai pembantu rumah hanya semata-mata untuk menjaga ekonomi keluarganya agar anaknyanya dan juga ibu serta adiknya tidak hidup dalam kebuluran. Sebagai seorang ibu, Ainin berperanan untuk menjaga makan minum anak agar anaknyanya tidak membesar dalam serba kekurangan. Jiwa keibunya terserlah melalui situasi di bawah,

Jika Ainin masih tidak dapat mencari pekerjaan sehingga akhir bulan ini, parahlah hidup mereka. Duit simpanan hasil peninggalan arwah Hairi hanya berbaki dua, tiga, ribu. Itu pun

entah sampai bila boleh bertahan. Hendak mengharap wang hasil jualan nasi lemak dan kuih-muih, bukannya cukup. Arisha yang semakin membesar, memerlukan perbelanjaan lebih setiap bulan.

(Nureen Mirza,2012,p.4)

Di samping itu, Ainin juga sanggup balik ke rumah pada waktu kerjanya hanya untuk menyusu anaknya yang masih kecil lagi. Walaupun penat bekerja tetapi Ainin mencuri masa untuk pulang ke rumah dengan motosikal yang buruk hanya semata-mata tidak sanggup melihat anaknya kebuluran. Keselamat dirinya juga tidak dikisah oleh Ainin dan sanggup balik dengan menunggang motosikal buruk arwah suaminya. Situasi di bawah menjelaskan di mana, Ainin sanggup minta izin dengan majikannya iaitu Ziyad untuk menyinggah rumahnya pada waktu kerja. Senario di bawah turut menjelaskan ketidakmampuan seorang ibu, apabila mendengar tangisan kelaparan anaknya.

“Saya nak jenguk anak saya. Dia masih menyusu badan,” jelas Ainin Sofiya sambil memandang Ziyad.”

(*Asam Pedas Untuk Dia*, halaman 31)

Dari luar, sudah kedengaran suara tangisan Arisha. Si kecil itu tahu saja waktu dia menyusu. Rindunya pada si comel itu begitu menggebu. Kerana tidak sabar hendak mencium pipi montel anaknya, panjang langkahnya dihala ke rumah. Pintu hadapan ditolak.

(Nureen Mirza,2012,p.37)

Watak Mak Ipah iaitu Ibu Ainin terlalu mengambil berat tentang keselamatan anaknya yang hendak mencari kerja di dunia luar. Tugas seorang ibu bukan setakat membesarkan dan juga mengahwinkan anak-anak mereka malah sampai akhir hayat sebagai seorang ibu, mereka akan merisaukan dan juga prihatin dengan keselamatan anak-anak mereka. Situasi dibawah menjelaskan peranan ibu dalam aspek mengambil berat terhadap masa depan anaknya dan juga mengenangkan nasib yang ditimpa oleh anaknya yang tidak berdosa,

“ Mak tak kisah, Ainin. Kerjalah kat mana pun, asalkan Ainin pandai jaga diri,” pesan Mak Ipah sayu. Tidak memandang langsung muka Ainin. Bimbang anaknya dapat mengesan manik-manik jernih yang mula bertakung di tubir matanya. Dia faham jerih payah Ainin mengharungi kehidupan sebagai ibu tunggal kerana dirinya sendiri suatu masa dulu pernah menempuh kehidupan perit sebegitu. Sejak suaminya kembali ke rahmatullah sembilan tahun lalu dan meninggalkan sendirian membesarkan empat orang anak, dia merasakan cukup terbeban. Kini nasibnya diwarisi pula Ainin, anak ketiganya.
(Nureen Mirza,2012,p.4)

Lepas ni Ainin balik ke sana semula ke? Tanya Mak Ipah, bersimpati dengan keadaan anak yang terpaksa ke sana ke mari untuk mencari sesuap nasi.”
(Nureen Mirza,2012,p.39)

Situasi di atas mengukuhkan lagi tanggungjawab seorang ibu terutama terhadap anak perempuan bukan setakat mendidik, membelai dan juga mengakhiri dengan mengahwinkannya. Persepsi ini sama sekali salah dan terbukti dengan contoh diatas.

Selain itu, watak yang lain yang menjalankan tugas sebagai ibu dalam novel ini ialah Hajah Fauziah iaitu ibu kepada watak utama Ziyad. Beliau seorang ibu yang berpendidikan dan berkerjaya tetapi beliau tidak pernah lalai dengan peranannya sebagai seorang ibu. Tugas beliau dalam menguruskan dan mendidik anak-anaknya merupakan aspek utama di samping kerjayanya. Walaupun beliau sibuk dengan kerjanya tetapi makan minum anak-anaknya dijaga dengan rapi. Peringkat usia dan kepenatan beliau tidak pernah diambil kira dalam menguruskan anak-anaknya.

Lega hati Hajah Fauziah kerana tugas-tugas di dapur sudah dilaksanakannya sebaik sahaja pulang dari pejabat petang tadi. Pakaian kotor sudah dicuci. Juadah untuk makan malam juga sudah siap dimasak dan kini terhidang di atas meja makan.
(Nureen Mirza,2012,p.4)

Peranan seorang ibu bukan setakat menjaga makan minum anak-anak sahaja, malah lebih daripada itu. Seorang ibu harus membentuk sahsiah anak-anak mereka. Sahsiah anak-anak merupakan cermin bagi darjat sesebuah keluarga dalam lapisan masyarakat. Setiap pergerakan anak-anak harus diteliti dan dinasihatkan oleh seorang

ibu supaya anak-anak mereka tidak memilih jalan yang salah di sisi undang-undang mahupun agama.

Dalam novel ini *Asam Pedas Untuk Dia*, Hajah Fauziah menasihatkan anaknya Ziyad untuk berkahwin dengan cepat. Hal ini kerana, beliau takut anak lelakinya akan membuat perkara yang boleh memalukan keluarganya bersama dengan teman wanitanya, Shafinaz. Shafinaz seorang gadis yang moden yang tidak mengikut ajaran agama. Sebagai seorang ibu, Hajah Fauziah menasihati anaknya dengan cara yang lembut supaya cepat berkahwin agar tidak menjatuhkan maruah keluarga.

“Umi risaukan diri Ziyad tu. takut dan tak sabar nak kahwin, mula buat benda bukan-bukan.” Muka Hajah Fauziah mencerut memandangi wajah Ziyad.

(Nureen Mirza,2012,p.14)

“ Umi tahu anak umi ni baik, tapi akal kalau dah dipengaruhi hawa nafsu bukannya boleh berfikir dengan waras lagi. Sebab tu umi suruh ikat cepat-cepat. Lagipun Ziyad tak risau ke asyik pandang betis dan pangkal paha dia yang terteduh tu? Hari-hari Ziyad tanggung dosa apabila terpancang bahagian tubuh Naz yang terdedah. Ziyad tahu kan semua tu?” nasihat Hajah Fauziah lembut, namun tajam menusuk gegendang telinga si jejaka berumur 29 tahun.

(Nureen Mirza,2012,p.15)

Dalam bukti diatasdapat dilihat bahawa sebagai seorang ibu , nasihat yang diberikan kepada anak-anak mesti mengikut perwatakan dan juga peringkat umur mereka. Hal ini kerana, jika nasihat yang diberikan tersalah metod atau perkembangan anak-anak, maka perselisihan faham akan timbul antara satu sama lain. Senario ini akan mewujudkan pandangan negatif anak-anak terhadap orang dewasa. Dengan ini dapat disimpulkan bahawa, peranan ibu amat besar dari segi memahami emosi dan mental kaum anak.

Cabaran wanita sebagai ibu tidak ada skala pengukur untuk menilai pengorbanan seorang ibu untuk membesarkan seorang anak ke peringkat menara gading. Banyak pengorbanan masa, tenaga, kegemaran dan juga rupa paras telah dikorbankan oleh kaum

Hawa hanya semata-mata untuk memberikan masa depan yang cerah bagi anak-anaknya.

University of Malaya

BAB 5 : PENUTUP

Berdasarkan kajian dalam bab-bab sebelumnya, jelas bahawa penulis wanita dalam pandangan lelaki memberi tanggapan negatif terhadap watak wanita dalam bahan kajian dikaji iaitu *Ombak Rindu* dan *Asam Pedas Untuk Dia*. Hal ini terbukti jelas dengan senario-senario yang terkandung dalam novel tersebut.

Dengan ini, dapat menyatakan bahawa kajian ini telah mencapai objektif yang ingin dikaji iaitu melihat sejauhmanakah karya-karya penulisan wanita yang menggunakan gaya penulisan lelaki menyerlahkan dan mengenal pasti ciri-ciri stereotaip yang terdapat dalam novel "*Asam Pedas Untuk Dia*" oleh Nureen Mirza dan "*Ombak Rindu*" oleh Fauziah Ashari. Kedua-dua novel ini dikarang oleh penulis wanita tetapi dalam sistem penandaan sebagai lelaki. Aspek yang dikaji ialah berdasarkan Teori Feminisme yang menggunakan pendekatan Kritik Feminis oleh Elaine Showalter.

Teori Feminisme menekankan pada kepentingan untuk memberi hak yang sama rata kepada perempuan dan lelaki dalam semua bidang. Teori ini berkembang sebagai reaksi dari fakta yang terjadi dalam masyarakat, iaitu adanya konflik kelas, konflik ras, dan, terutama, adanya konflik gender. Feminisme mencuba untuk menghilangkan pertentangan antara kelompok yang lemah dengan kelompok yang dianggap lebih kuat.

Penggunaan teori ini dalam kritik sastera adalah untuk mengupas lebih mendalam sebuah karya sastra dari segi feminisme, yang bererti sebuah kedudukan yang akan diberikan oleh pengarang kepada kaum wanita dalam karya sasteranya. Berbagai Ragam Kritik Feminisme yang dapat digunakan untuk membezakan sebuah karya sastera diantaranya adalah kritik ideologis, genokritik, sastera feminis sosialis, psikoanalitik, lesbian dan etnik. Ciri-ciri stereotaip tersebut dianggap bertentangan dengan sifat kewanitaan sebenar, serta menggambarkan kehidupan wanita yang lemah tidak berdaya.

Di samping itu, objektif kedua ialah menganalisis peranan dan cabaran wanita dalam masyarakat sebagaimana dipandang oleh pengarang wanita yang menulis dalam gaya lelaki iaitu Nureen Mirza dan Fauziah Ashari. Kajian ini berjaya mendedahkan novel "*Asam Pedas Untuk Dia*" oleh Nureen Mirza dan "*Ombak Rindu*" oleh Fauziah Ashari sebagai karya yang memperihalkan ciri-ciri imej wanita mengikut persepsi kaum lelaki. Corak penulisan yang terdapat dalam novel ini menggambarkan pengarang wanita juga boleh mengelaskan wanita mengikut sudut pandangan kaum lelaki iaitu Teori Femisisme : Pendekatan Kritik Feminis oleh Elaine Showalter.

Pengarang wanita juga dapat mengklasifikasikan watak wanita sebagai watak pasif, tidak berbentuk, tidak berpendirian atau tidak stabil, terbatas, soleh, materialistik, rohani, tidak rasional dan akur serta patuh. Selain itu, kajian juga menekankan tentang cabaran dan peranan kaum wanita dalam kehidupan harian. Dalam era ini, kaum wanita kini semakin menjadi seorang manusia yang mempunyai pegangan yang kuat dan berjiwa kental. Malah, dengan novel ini masyarakat dapat mengetahui terdapat juga wanita yang masih bersifat lemah dan bergantung kepada kaum lelaki dan masih menyelitkan atau mengurungkan diri dalam dunia rumah tangga yang sedia ada.

Lazimnya, pengarang wanita yang akan menggambarkan wanita sebagai watak yang berfikiran positif dan moden tetapi dengan kajian ini masyarakat dapat mengenali bahawa pengarang wanita juga boleh menggambarkan wanita sebagai watak yang lemah dan selalu didominasi oleh kaum lelaki. Penulisan seperti ini lebih kepada coretan oleh pengarang wanita tetapi dalam gaya penulisan lelaki. Situasi ini termasuk dalam pendekatan Kritik Feminis.

Dari sudut pandangan feminis, pengarang wanita tetapi dalam gaya penulisan lelaki jelas menunjukkan watak wanita yang stereotaip, dengan kebanyakannya ditampilkan membawa imej yang kurang menyenangkan. Mereka digambarkan sebagai objek seks dan juga lemah serta sentiasa memerlukan tempat pergantungan, pembelaan

dan perlindungan daripada golongan lelaki. Di samping itu, penulis tidak membebaskan watak wanita daripada genggaman kuasa lelaki. Kebanyakan watak wanita ditampilkan terbelenggu dengan corak hidup tradisi dan kebebasan yang diberikan hanyalah bersifat sementara sahaja.

Hal ini berkemungkinan ada hubungannya dengan pegangan hidup penulis. Sebagai penulis beragama Islam, mereka mempunyai prinsip dalam menanggapi dan memastikan kedudukan wanita dalam masyarakat. Daripada kajian dapat dilihat bahawa, penulis meletakkan kaum lelaki sebagai pelindung bagi kaum wanita sebagaimana dituntut dalam Islam. Namun, kawalan yang dikenakan ini agak keterlaluan sehingga telah bersifat 'mengikat', 'membisu', dan 'membelenggu' wanita, walhal Islam sangat Ideal dalam menjamin kesejahteraan dan maruah wanita. Bentuk kawalan sebegini yang telah dipraktikkan oleh kaum lelaki sentiasa meletakkan kaum wanita dalam keadaan tidak bersuara, tidak meminta hak mereka, teraniya dan tidak dapat menentukan hala tuju hidup sendiri. Hal ini meletakkan pengarang wanita yang mengarang dalam gaya penulisan lelaki untuk mendominasi wanita.

Di samping itu, kajian menunjukkan bahawa penulis gagal menyelami jiwa watak-watak wanita. Hal ini dapat dilihat melalui coretan di mana mereka hanya melakarkan wanita dari segi pandangan luaran. Justeru, benarlah dakwaan Kritikan Feminis bahawa penulis lelaki dan wanita yang menggunakan gaya penulisan lelaki gagal menterjemahkan perasaan wanita. Watak wanita ditonjolkan sebagai watak yang bertindak melulu, kurang waras, tidak realistik, hamba dan sebagainya.

Wanita juga ditonjolkan sebagai golongan yang lemah kerana terlalu mengikut emosi dan sanggup bertindak melulu tanpa memikirkan kesan daripada tindakan mereka. Bagi penulis, desakan hidup merupakan salah satu aspek yang mendorong wanita terjebak dalam segala kesulitan yang boleh menunjukkan diri mereka negatif. Di samping itu, kaum ini juga tidak mempunyai kemampuan untuk mengubah nasib hidup

merekamalah watak mereka akan dibisukan serta langkah mereka akan disekat oleh kaum lelaki yang mendominasi hidup mereka. Watak wanita lazimnya digambarkan sebagai watak yang berfikiran sempit dan singkat iaitu insan yang tidak mampu merangka masa depan yang lebih baik dan tiada inisiatif untuk mengubah serta menerima perubahan meskipun ia menguntungkan diri mereka.

Meskipun penulis masih memberi gambaran imej yang terpuji, namun pemerian ini mengikut persepsi dan pandangan mengikut acuan yang dibentuk oleh kaum lelaki. Pemerian imej positif kepada wanita hanyalah bersifat sementara. Watak wanita yang dihadirkan dalam bentuk positif akan dilenyapkan dan dibisukan terus pada akhir cerita. Walaupun semua ajaran menyuruh kaum lelaki untuk menyokong dan melindungi serta tidak meremehkan kehebatan kaum wanita dalam apa jua situasi tetapi sudut pandangan lama lelaki terhadap wanita masih kekal lagi dalam minda mereka.

Menurut ajaran Islam, golongan suami tidak sama sekali boleh meremehkan dan mempersendakan kemuliaan golongan isteri dengan alasan palsu ataupun pemikiran yang teliti demi untuk menyakiti dan memberikan layanan yang buruk terhadapnya. Perbuatan menghina isteri merupakan aspek yang dipandang serius oleh Islam (Muhammad Imran, 1998, p.26).

Bagi megukuhkan tanggapan negatif terhadap wanita, pengarang wanita yang mengarang menggunakan gaya penulisan lelaki memberi imej positif kepada kaum lelaki. Watak lelaki dimunculkan sebagai penyelamat keadaan, pelindung dan tempat bergantung kaum lelaki. Persepsi terhadap wanita tetap sama, walaupun kesedaran dan pengetahuan wanita belum boleh menjamin nasib wanita akan berubah. Jadi, benarlah pendekatan Kritik Feminis iaitu kajian ini memaparkan kelemahan dan merendahkan kaum wanita oleh penulis lelaki dan wanita yang menulis dalam gaya penulisan lelaki. Kajian terhadap novel-novel ini telah membuktikan objektif kajian. Justeru tepatlah bahawa dakwaan feminis menafikan sumbangan dan jasa wanita dalam masyarakat

demi memperkukuhkan kedudukan dan kuasa, walaupun golongan lelaki mengetahui bahawa peranan dan cabaran sebagai wanita amat besar.

Walau bagaimanapun, wanita hari ini kian bergerak maju dalam pelbagai bidang. Keadaan wanita boleh dibanggakan berbanding lebih lima puluh tahun dahulu. Tanggapan masyarakat terhadap wanita iaitu sebagai pihak kedua dalam pembangunan harus dihapuskan. Golongan lelaki harus mengakui bahawa wanita sendiri kadangkala tidak dapat melakukan sesuatu kerja sepertimana lelaki namun dalam sesetengah keadaan golongan lelaki juga tidak boleh melakukan sesuatu kerja yang boleh dilakukan oleh wanita. Di sini, kita dapat melihat bahawa golongan lelaki dan wanita mempunyai kekuatan masing-masing. Jadi, kita tidak harus meletak wanita sebagai golongan lemah kerana mereka juga berkemampuan dan berkredibiliti. Wanita sebagai isteri, ibu dan tidak kurang juga sebagai pemimpin.

RUJUKAN

- Abdul Ahmad.(2009,7 March). Masyarakat Elit di India. *Kosmo*.Dicapai pada 20 Ogos 2013 daripada <http://www.kosmo.com.my/>
- A.K. Gopal.(2008). *A Study on Child Marriage in India : Situational Analysis in Three States*. Dicapai daripada 20 Januari 2017 daripada [http://www.nipccd-archive.wcd.nic.in](http://www.nipccd-archive.wcd.nic.in/sites/default/files/PDF/). In sites/default/files/PDF/
- Alfian Rokhmansyah. (2016).*Pengantar Gender dan Feminisme: Pemahaman Awal Kritik Sastra Feminisme*.Yogyakarta: Garudhawaca.
- Azian Baharudin.(1997). Perbandingan dengan Luar Dalam Sa'adiyah Hassan dan Endang Erwani (Ed.). *Martabat Wanita dan Tuntutan Abad ke-21*. Kuala Lumpur: halaman 43.
- Azizah Kassim.(1985).*Wanita dan Masyarakat*. Kuala Lumpur: Utusan Publication dan Distributors Sdn Bhd
- Bang Seru.(2012, November 1).*Pembakaran sati*.Dicapai daripada 20 Januari 2017 daripada <http://palingseru.com/14182/sati-tradisi-bakar-diri-di-india>
- Betty Friedan.(1963).*The Feminine Mystique*.New York:W.W. Norton &Company.
- Bharathi Rajaa. (1995).*Sinopsis Filem Tamil Karuthama*.Dicapai pada 22 Januari 2017 daripada <https://en.wikipedia.org/wiki/Karuthamma>
- Dahlburg. (1994, Februari 28).*Where killing baby girls 'is no big sin: The Los Angeles Times.The Toronto Star*.Dicapai pada 27 Januari 2017 daripada http://www.gendercide.org/case_infanticide.html
- Ellmann, Mary.(1968).*Thinking About Women*. New York : Harcourt Brace Jovanovich.
- Fauziah Ashari.(2002).*Ombak Rindu*.Kuala Lumpur: Alaf 21
- Hannam June.(2007). *The Book of Feminism*.England:Pearson Longman.
- Hajah Siti Khariah Mohd Zubir.(2007).*Perjuangan Perempuan Dalam Karya Pengarang Perempuan Malaysia dan Indonesia di Awal Abad ke-21:Satu Kajian Bandingan*. Tesis Doktor Falsafah.Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Hashim Awang.(1985).*Kesusasteraan Melayu*.Petaling Jaya: Fajar Bakti.
- Hanafi Ibrahim.(2010).*Pemeriksaan Status Wanita Dalam Novel-Novel Azmah Nordin*. Dewan Sastera, Januari, halaman 15-20.
- Humm Maggie.(1989).*The Dictionary of Feminist Theory*. London: Harvester Wheatsheaf.

- Kutha Ratna, Nyoman.(2007).*Teori, Metode dan Teknik Penelitian Sastra*. 2.Yogyakarta: Pustaka Pelajar.
- Mansour Fakih.(1995). *Menggeser Konsepsi Gender dan Transformasi Sosial*.Yogyakarta: Pustaka Pelajar
- Millett, Kate.(1970). *Sexual Politics*. London:Rupert Hart-Davis.
- Mohd Makzan Musa (2001). *Psikologi sosial*. Selangor: Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd.
- Mohd Wan.(2012, Disember 31). Lima Negara Paling Berbahaya Untuk Wanita.*Sinar Harian*.Dicapai 31Disember 2012 daripada <http://www.sinarharian.com.my/>
- Moi,Toril.(1989).Feminist,female, feminism. Dalam Belsey, Cathrine dan Moore, Jane (Ed). *The Feminist Reader: Essays In Gender and the Politics of Literary Criticism*.Australia: Macmillan Education.
- Muhammad Imran.(1998).*Mulimah Sejati*.Kuala Lumpur: Darul Nu'Man.
- Nik Safiah Karim.(1982).*Wanita Malaysia-kumpulan esei dan ceramah*. Kuala Lumpur: Pustaka Ilmu Raya Sdn.Bhd.
- Nureen Mirza.(2012).*Asam Pedas Untuk Dia*.Kuala Lumpur: Alaf 21.
- Nurgiyantoro, Burhan.(1995). *Teori Pengkajian Fiksi*.Yogyakarta: Gadjah Mada University Press.
- Nor Hanim Awang.(2012).*Diskriminasi ke Atas Wanita di Tempat Kerja:Kajian Terhadap,Pegawai Kerajaan Negeri di Daerah Kota Bharu, Kelantan*. Tesis Sarjana.Universiti Utara Malaysia.
- Nor Azlia Mat Jaafar.(2009). *Haruman Kencana dan Hujan Sudah Teduh Karya Zaharah Nawawi: Penerapan Teori Feminisme* .Tesis Sarjana. Universiti Malaya.
- Norhayati AbRahman.(2005).*Puitika Sastera Wanita dalam Novel-Novel Pengarang Wanita Indonesia dan Malaysia : Satu Bacaan Ginokritik*. Tesis Doktor Falsafah. Universiti Sains Malaysia.
- Norhayati Ab Rahman.(2006). “Budaya Wanita Dalam Penulisan Novel Pengarang Wanita: Dari Perspektif Model Budaya Elaine Showalter” dalam *Wacana Budaya*. Kuala Lumpur: Akademi Pengajian Melayu. Hal 372-397.
- Norhayati Ab.Rahman.(2005). *Teori Ginokritik Dalam Kritikan Sastera: Satu Pengenalan” dalam Jurnal Pengajian Melayu*.Jilid 15.Kuala Lumpur :Akademi Pengajian Melayu.
- Rohana.(2015,September 21).Materialistik, pergaulan bebas punca curang.*Utusan Harian*.Dicapai pada pada 22 Januari 2017 daripada <http://www.utusan.com.my/berita/nasional/materialistik-pergaulan-8232-bebas-punca-curang-1.138526>

- Rosnah Baharudin.(2003).*Wacana Wanita Melayu dan Sastera*. Bangi:Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Rosnah Baharuddin.(1995).*Wanita dalam Novel A.Samad Said*.Tesis Doktor Falsafah.Universiti Malaya.
- S.Husin Ali.(1977). *Masyarakat dan Pemimpin Kampung*. Kuala Lumpur: Penerbit Fajar Bakti.
- Showalter, Elaine.(1977).*A literature of Their Own-British Women Novelists from Bronte to Lessing*. New Jersey : Princeton University Press.
- Showalter, Elaine.(1982).*Feminist Criticism in the Wilderness dalam Elizabeth Abel,(ed) Writing and Sexual Difference*. Chicago: Universiti Chicago.
- Siti Hajar Che Man.(1998). *Feminisme Dalam Kesusasteraan Melayu: Analisis Kaedah Bacaan Showalter* .Tesis Doktor Falsafah.Universiti Sains Malaysia.
- Siti Hajariah binti Abdul Razak. (2012). *Motivasi Remaja dalam Novel Bimasakti Menari*. Tesis Sarjana. Universiti Malaya.
- Siti Raihani Mohamed Saaid.(2016).*Skrip Filem Terpilih P.Ramlee:Bacaan Kritik Feminis*.Tesis Sarjana.Universiti Malaya.
- Siti Meriam Yaacob.(2004). *Tanggapan Terhadap Wanita dalam Karya Hamzah dan Keris Mas*.Tesis Doktor Falsafah.Universiti Sains Malaysia.
- Siti Meriam Yaacob.(2010).*Wanita dalam Karya Hamzah Hussin dari Perspektif Kritikan Feminis*.Pulau Pinang:Universiti Sains Malaysia.
- Siti Aisah Murad.(2006). *Watak Wanita Di Tangan Penulis Lelaki*. Dewan Sastera. Jun, halaman 27-31.
- S.OthmanKelantan, Abdullah Tahir.(2003).*Sejarah Kesusasteraan Melayu Moden:Novel Terpilih Shahnnon Ahmad*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Sugihastuti Suharto.(2010).*Kritik Sastra Feminis: Teori dan Aplikasinya*. Yogyakarta: Pustaka Pelajar.
- Ting Hea Chuen.(2001).*Penulisan Feminisme Fiksiyen Mahua Siswazah - Siswazah Universiti Taiwan (1970-1995)*.Tesis Sarjana.Universiti Malaya.
- Wiyatmi, M.Hum.(2013, November).*Perbandingan Kesedaran Feminis Dalam Novel-Novel Indonesia Karya Sastrawan Perempuan Dengan Sastrawan Laki-Laki*.Dicapai pada 26 Februari 2017 daripada<https://docplayer.info/32579352-Laporan-akhir-penelitian-fundamental-perbandingan-kesedaran-feminis-dalam-novel-novel-indonesia-karya-sastrawan-perempuan-dengan-sastrawan-laki-laki.html>

Wollestonecraft, Mary. (1792). *Vindication of the Right of Women*. New York: W.W.Nortan.

Zalila Sharif.(2003). *Feminisme dalam kesusasteraan Malaysia dan Asia Tenggara*.Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

University of Malaya